

ثَقِيْنٌ قِيْتَه

PETIKAN TITAH

"KITA sesungguhnya adalah benar-benar sedang diuji dengan pelbagai ujian. Umat Islam di seluruh dunia sedang mengalami penderitaan disebabkan ujian-ujian ini. Ada yang diuji dengan kekacauan atau peperangan atau paling lumrah dengan kemiskinan. Semua ini menguji ketahanan dan kebijaksanaan umat Islam untuk bagaimana caranya menghadapi serta mengatasinya." - Titah sempena Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1423 pada 14 Mac 2002.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"DARIPADA Ibnu Abas Radiallahuanhu: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Seseorang itu tidak boleh memudaratkan orang lain yang boleh mengurangkan haknya dan orang yang dimudaratkan itu tidak boleh pula membalasnya dengan kemudaratannya." - Riwayat Al-Imam Ibnu Majah.

TAHUN 50 BILANGAN 6

RABU 9 FEBRUARI 2005/1425 رابو 29 ذوالحجه

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Polis yang menamatkan perkhidmatan, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan dan Pemangku Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Awang Zainuddin bin Jalani.

Majlis Mengadap itu berlangsung hari ini di Istana Nurul Iman di sini.

Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman telah menamatkan perkhidmatan sebagai Pesuruhjaya Polis pada 31 Januari 2005, sementara Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Awang Zainuddin telah dilantik sebagai Pemangku Pesuruhjaya Polis pada 1 Februari 2005.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan, Pesuruhjaya Polis yang menamatkan perkhidmatan dan Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Awang Zainuddin bin Jalani, Pemangku Pesuruhjaya Polis di Istana Nurul Iman.

Selamat Menyambut Awal Tahun 1426 Hijrah

Sambutan Hari Kebangsaan



15 HARI LAGI

'BERSEPADU MEMPERKASA MANDIRI BANGSA'

ANTARA YANG MENARIK

Haluan : Brunei - Singapura berkongsi pelbagai aspek kerjasama - Muka 2

Sorotan: Ketua negara pertama terima anugerah NUS - Muka 7

Berangkat meninjau Banda Aceh - Muka 8 dan 9

Jalan raya pun ada hak - Muka 4 ANEKA

TAHUKAH AWDA

MENURUT perangkaan Jabatan Perkhidmatan Bomba, sejak tahun 1985 hingga setakat ini sejumlah 52 kejadian kebakaran dilaporkan di Kampong Ayer yang memusnahkan 824 buah rumah, sebuah sekolah dan sebuah surau. Nilai kerugian akibat kebakaran itu dianggarkan sebanyak B\$47,729 juta. Kejadian kebakaran yang paling teruk berlaku pada 27 Ogos 1990 di Kampong Pengiran Pemancha Lama, Kampong Sultan Lama dan Kampong Sungai Kedayan B yang memusnahkan 194 buah dengan kerugian dianggarkan sebanyak B\$8.4 juta. Sumber: Dr. Azman Ahmad, Dekan Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar, Universiti Brunei Darussalam. 'Cabaran Memajukan Kampong Ayer Sebagai Destinasi Pelancongan Di Negara Brunei Darussalam'. Kertas Kerja Seminar Serantau Kampong Ayer. Warisan Hidup: Cabaran dan Kesinambungan anjuran Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam pada 29-31 Januari 2005 di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam. (2005: 4).

Bendera wasilah peribadi bangsa, kedaulatan negara

Oleh Haji Ahmad Haji Salim

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Januari. - Bendera negara atau bendera kebangsaan adalah wasilah penting untuk menonjolkan peribadi bangsa dan kedaulatan negara.

Berkibar megah bendera kebangsaan bererti betapa hebatnya semangat serta cita-cita bangsa dan negara untuk melangkah maju dengan tekad untuk melindungi dan memartabatkan kedaulatan negara.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussin menjelaskan perkara itu di Majlis Upacara Menaikkan Bendera Besar dan Pengagihan Bendera-bendera Kecil yang berlangsung di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di sini.

Yang Berhormat berkata bendera negara adalah berkait rapat dengan maruah dan martabat bangsa dan negara yang dijelmakan oleh susunan warna-warna dan panji-panji kemegahan.

Menurut Yang Berhormat, apa yang terdapat dalam bendera negara adalah himpunan rupa bentuk dan susur galur pentadbiran dan pengurusan sistem pemerintahan yang mendauletkan raja sebagai payung dan tunggak negara, manakala rakyat adalah pendukung segala cita-cita yang murni demi menuju kebaikan dunia dan nilai-nilai kebaikan ukhrawi.

Di majlis itu Yang Berhormat juga turut menyentuh mengenai slogan, di mana katanya, slogan yang kekal di dalam bendera negara kita yang berbunyi 'Sentiasa

Membuat Kebajikan Dengan Petunjuk Allah' adalah teras yang terus menjana arus pemikiran kita untuk bergerak dan bertindak lebih cepat dengan penuh kebijaksanaan berlandaskan prinsip keagamaan.

Justeru dari itu, tambahnya, kita berdoa apa juga bentuk pekerjaan yang kita usahakan akan tidak terkeluar dari jalan sebenar iaitu jalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala.

"Inilah bendera negara, imej bangsa dan negara, bangsa Brunei yang mempunyai kedudukan dan hak yang sama dengan komuniti antarabangsa," ujarnya.

Dalam hubungan itu, Yang Berhormat berkata, setiap rakyat dan penduduk yang bermastautin di bumi Darussalam adalah tidak terkecuali daripada komitmen yang tinggi untuk mengibarkan bendera kebangsaan sepanjang tempoh Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan, sebagai mercu keyakinan bahawa Negara Brunei Darussalam adalah bumi tempat bernaung dan mengabdikan jasa bakti terhadap bangsa, agama, raja dan negara.

Majlis seterusnya diikuti dengan membawa bendera besar oleh 21 anggota Tentera Laut Diraja Brunei untuk dinaikkan dan dikibarkan dengan diiringi Lagu Kebangsaan, Allah Peliharakan Sultan dan Negara.

Menyusul selepas itu Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang diiringi oleh ahli-ahli jawatankuasa tertinggi upacara menaikkan bendera besar menyampaikan bendera-bendera yang berukuran biasa, kecil dan poster-poster Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kepada wakil-wakil keempat-empat daerah iaitu Brunei dan Muara, Tutong, Belait dan Temburong yang diwakili oleh Penolong-penolong Pegawai Daerah masing-masing.

Lihat muka 16

BANTU SEGERA MANGSA BENCANA TSUNAMI

SUMBANGAN derma berbentuk kewangan untuk Tabung Bantuan Mangsa Bencana Tsunami hendaklah disalurkan kepada Jawatankuasa Tabung berkenaan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Maklumat lanjut sila hubungi talian telefon 2380607, 2380705 dan 2380603.

KIBARKAN BENDERA SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-21 TAHUN

BANDAR SERI BEGAWAN. - Bersempena dengan sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-21 Tahun 2005, rakyat dan penduduk negara ini adalah dikehendaki mengibarkan bendera di rumah-rumah kediaman masing-masing dan bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan mulai hari Ahad, 26 Zulhijjah 1425 bersamaan 6 Februari 2005 hingga 17 Muharam 1426 bersamaan 26 Februari 2005.

Bagi Pengiran-pengiran hendaklah mengibarkan bendera peribadi mereka, orang-orang yang dikurniakan gelaran mengibarkan bendera masing-masing dan bendera Negara Brunei Darussalam bagi orang ramai.



Dari Sidang Pengarang

9 FEBRUARI 2005 BERSAMAAN 1425 29 ذوالحجه

HIJRAH - KE MANA HALA TUJU KITA

ESOK bermulalah kita menyambut Tahun Baru 1426 Hijrah. Ini juga bermakna kita akan meninggalkan tahun 1425 yang telah banyak memberikan kita harapan dalam menempuh kehidupan berbangsa dan bernegara. Tahun di mana banyak meninggalkan pelbagai kenangan manis dan juga pahit yang kita tempuh selama setahun itu. Jadi dalam persimpangan tahun baru ini, di mana hala tuju kita? Apakah kita akan terus mengorak langkah ke hadapan atau kita berpada dengan kejayaan yang kita kecapi selama ini. Tetapi rasanya amatlah wajar, kita bertekad dan berazam untuk memperbaiki apa-apa jua perkara yang kurang baik dan bertekad untuk taat dalam melaksanakan apa-apa jua perintah Allah demi kebaikan di dunia dan juga di akhirat.

Hala tuju kita hendaklah jelas dan bukan retorik semata-mata. Kita bukan lagi hidup dalam kepompong yang sempit tetapi telah menempuh pelbagai cabaran dan tercabar. Kehidupan ini perlu kita hadapi dengan penuh kesabaran dan kecekalan serta digandungi dengan semangat ingin maju jaya dalam segenap lapangan. Harapan menggunakan ialah kita perlu ubah sikap - ubah sikap cara bekerja, berfikir dan bertindak. Perubahan sikap yang perlu ada dalam setiap kita ialah rajin berusaha, gigih dan lutan serta tidak mudah putus asa dan menyerah kalah. Kita bukan bertindak atas kelangsungan hawa nafsu tetapi perlu mengutamakan rasional dan bibit-bibit kebenaran, bukan kepalsuan dan hipokrit.

Hijrah yang kita agung-agungkan selama lebih 1,400 tahun merupakan titik-tolak yang amat penting dalam kehidupan umat Islam kerana peristiwa itu amat agung dan mempunyai pelbagai signifikan. Lantas, umat Islam pada setiap tahun di seluruh dunia tetap membesarkan dan menyambutnya apabila menjelangnya bulan Muharam. Hijrah membawa pengertian yang besar dan mengandungi makna perpisahan di antara yang hak dan yang palsu. Apa pun, peristiwa Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah sudah pun berlaku dan menjadi realiti dan ianya tidak akan berlaku lagi. Tetapi, pengertian, falsafah dan semangat hijrah terus-menerus berlaku dan sentiasa hidup dalam sanubari setiap orang Islam.

Sehubungan dengan semangat hijrah itu, amatlah bertepatan kita meneladani diri Rasulullah. Menjadikan diri Rasulullah cermin dalam menempuh kehidupan. Kita yakin dan percaya, dengan mencontohi sifat dan kelakuan Rasulullah, kita akan selamat dan mendapat rahmat Allah yang berlipat ganda, kerana Hijrah Rasulullah merupakan jambatan kepada kemenangan dan juga kehidupan berakidah. Perlu diingat, sebelum hijrah, umat Islam dalam keadaan resah bahkan sentiasa diburu oleh kebingungan, tetapi setelah hijrah, mereka mengalami kebebasan dan keamanan. Peristiwa hijrah adalah sejarah umat Nabi Muhammad yang perlu diambil pengajaran daripadanya. Lebih daripada itu, hijrah sepatutnya dijadikan penjana mendaulatkan martabat umat.

Dalam konteks sekarang, kita bukan saja perlu memahami hikmah sejarah hijrah tetapi perlu mendalami apa yang tersirat di sebalik peristiwa hijrah itu. Paling tidak kita mustahak menterjemah dan merealisasikan ke dalam kehidupan. Ini bermakna semangat hijrah itu sendiri perlu kita perluaskan skopnya. Dalam bernegara, misalnya kita harus memberikan sumbangan yang positif kepada negara dan bangsa demi kemajuan dan kejayaan masyarakat Islam. Kita tinggalkan hal-hal yang menjadikan umat Islam terlampau dalam ekonomi dan membangun serta menuju kesedaran yang dapat mewujudkan amalan atau tindakan yang bermanfaat bagi masyarakat dan negara.

Justeru itu, dalam situasi apa pun, peranan rakyat dan penduduk adalah menjadi harapan dan aspirasi negara untuk sama-sama melibatkan diri bagi meningkatkan usaha ke arah kemakmuran yang berkekalan, keamanan yang mantap serta kesejahteraan yang berterusan. Kita tidak mahukan rakyat menjadi beban kepada kerajaan dan negara. Bukan juga menjadi petualang dan anasir-anasir yang tidak suka kepada keamanan dan kemajuan. Kita yakin, rakyat dan penduduk yang mempunyai sifat keberanian, taat kepada perintah Allah, kesabaran dalam menempuh pelbagai dugaan akan menjadi titik-tolak untuk menghadapi liku-liku cabaran yang semakin kuat dewasa ini.

Sambutan Awal Tahun Hijrah perlu kita fahami sedalam-dalamnya lebih-lebih lagi oleh umat Islam. Kita bukan setakat untuk merayakannya tetapi mengambil iktibar dan pengajaran yang berguna dalam pengertian hijrah itu sendiri. Perpaduan dan kesejahteraan ummah perlu kita pelihara dengan sebaik-baiknya. Lebih daripada itu, umat Islam juga perlu lebih menggerakkan iltizam masing-masing bagi memastikan agama Islam di negara ini dan di seluruh dunia terus maju, disegani dan dihormati.

HALUAN...

Brunei - Singapura berkongsi pelbagai aspek kerjasama

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Alameen, Wabihe Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'ala Aalihie Wasabihie Ajma'een, Waba'du.

Beta dengan penuh hormat ingin menyampaikan salam hormat kepada Tuan, Presiden Nathan, kepada rakyat Republik Singapura juga kepada anggota utama National University of Singapore.

Kami di Negara Brunei Darussalam memandang negara tuan dari pelbagai sudut. Selaku anggota bersama pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan serantau yang penting, selaku rakan kongsi dalam pelbagai aspek kerjasama moden, malahan yang paling penting sekali sebagai sahabat untuk berunding, mencari dan mendapatkan sokongan, di samping mengagih harapan dan aspirasi bagi masa hadapan.

Dalam semua aspek ini, kami dapat mengenali tuan semua dengan cukup baik. Kami belajar menghormati pelbagai pencapaian yang tuan semua perolehi sebagai rakyat juga sumbangan baik yang telah tuan lakukan di rantau di mana kita diami bersama-sama. Atas sebab itu, dengan mendapat penghormatan dari universiti kebangsaan tuan adalah merupakan detik yang sungguh istimewa bagi beta sendiri.

Namun, lebih daripada itu, ianya merupakan keistimewaan yang amat besar bagi rakyat beta di mana beta atas nama rakyat beta dengan amat berbesar hati menerima. Bagi kami semua di Negara Brunei Darussalam, ianya memperlihatkan bahawa rakyat Republik Singapura menghargai kita, menghormati kita sebagai tanda persahabatan kita. Ini adalah satu keistimewaan yang kami hargai dengan cukup mendalam dan beta amat berbesar hati berada bersama-sama tuan-tuan sekali pada hari ini.

Kami sedang mempersiapkan masyarakat kami untuk menghadapi dengan jayanya segala cabaran yang baru dan yang mungkin timbul sejak berakhirnya Perang Dingin. Yang

pasti kesemua ini termasuklah bidang politik, sosial, teknologi dan komersil. Lebih-lebih lagi sejak bermulanya abad baru kita dalam bidang sosial, ekonomi dan budaya. Dalam setiap hal, ianya cukup menarik dan mencabar. Namun kerap kali juga ianya agak aneh dan memencamkan di samping amat membimbangkan kita semua.

Mereka menuntut tugas utama kerajaan agar memberikan setiap masyarakat, keluarga dan individu bagi mendapatkan keselamatan dan kestabilan dalam erti kata yang sebenar-benarnya. Tugas yang



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang oleh National University of Singapore pada 27 Januari 2005.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Zahara HAM

dimaksudkan adalah 'pemerintahan yang baik'.

Inilah 'acuan'nya di mana keamanan, kemakmuran dan keyakinan pada masa hadapan dibentuk untuk diberikan penghidupan. Ianya memerlukan bentuk tertentu yang berbeza mengikut sejarah, budaya, juga pembangunan yang diberikan dalam sesebuah masyarakat.

Namun beta percaya ianya menuntut agar mereka yang mendapat keistimewaan untuk me-

mimpin seharusnya cukup komited kepada kedua-dua prinsip pemerintahan itu. Yang pertama adalah peraturan undang-undang, undang-undang komuniti, undang-undang kebangsaan juga undang-undang antarabangsa. Yang kedua adalah kod toleransi, sebagaimana yang dianuti oleh semua kepercayaan, semua pertubuhan serantau dan antarabangsa juga oleh kesemua kaum lelaki dan perempuan dengan muhibah dan tatasusila. Dan bila mana kedua-dua prinsip ini berkembang dengan lebih kukuh, demikian juga rakyat kita.

Kepercayaan ini diagih oleh kerajaan kedua-dua buah negara kita begitu juga negara-negara jiran kita di Asia Tenggara. Yang demikian, adalah menjadi kewajipan kita selaku pemimpin dalam setiap bidang politik, agama, sosial, budaya dan akademik, untuk berusaha sedaya upaya kita untuk memperkukuhkannya.

Di Negara Brunei Darussalam, kita bernasib

baik kerana berupaya mengagih tanggungjawab ini dengan begitu ramai teman dan rakan sejawat di seluruh rantau, yang sudah setentunya adalah rakyat Republik Singapura, beta ingin mengucapkan tahniah kepada mereka dan para pemimpin mereka atas inspirasi yang kerap diberikan dalam setiap bidang penghidupan. Hasil usaha mereka ini dapat dilihat di sini di National University of Singapore.

Institusi ini adalah simbol sebagaimana yang diperlihatkan oleh rakyat Republik Singapura kepada dunia. Simbol tersebut bukan hanya berasaskan struktur yang jelas kelihatan. Ianya bukan hanya dinyatakan melalui anugerah dan sijil serta pencapaian cemerlang dalam penyelidikan. Ianya lebih daripada kesemua ini.

Tahap keunggulan yang mengagumkan yang mendapat penghormatan di seluruh dunia adakan hasil dari semangat kebangsaan. Ianya dicapai oleh golongan muda yang yakin dengan budaya mereka sendiri dan terjalin rapat di bawah peraturan undang-undang. Ianya dicapai oleh masyarakat yang menikmahi kepelbagaian, menggalakkan saling hormat-menghormati juga memahami masyarakat lain dan kepercayaan lain.

Dengan kata lain, National University of Singapore jelas memperlihatkan lebih dari hanya keunggulan akademik, hebat sekalipun. Ianya berdiri tegak, sebagaimana Republik Singapura sendiri, atas nilai-nilai yang kita semua usahakan sebaik mungkin untuk memperkukuhkan Negara Brunei Darussalam.

Tuan Canselor, atas sebab itu, beta dengan amat berbesar hati menerima penghormatan yang tuan anugerahkan kepada beta pada hari ini. Dan beta bersama-sama rakyat beta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kami.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DI NEGARA Brunei Darussalam, kita bernasib baik kerana berupaya mengagih tanggungjawab ini dengan begitu ramai teman dan rakan sejawat di seluruh rantau, yang sudah setentunya adalah rakyat Republik Singapura, beta ingin mengucapkan tahniah kepada mereka dan para pemimpin mereka atas inspirasi yang kerap diberikan dalam setiap bidang penghidupan. Hasil usaha mereka ini dapat dilihat di sini di National University of Singapore.

Lantikan Pemangku Pesuruhjaya Polis

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Februari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik Yang Dimulikan Pehin Datu Kerma Setia Awang

Zainuddin bin Jalani, Timbalan Pesuruhjaya Polis sebagai Pemangku Pesuruhjaya Polis (gambar kanan) bagi mengambil alih daripada Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan, Pesuruhjaya Polis yang telah menamatkan perkhidmatan pada 20 Zulhijjah 1425 bersamaan 31 Januari

2005.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri hari ini, lantikan Yang Dimulikan Pehin Datu Kerma Setia Awang Zainuddin bin Jalani sebagai Pemangku Pesuruhjaya Polis berkuat kuasa mulai hari Selasa, 21 Zulhijjah 1425 bersamaan 1 Februari 2005.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap dua perwakilan asing yang baru dilantik iaitu Puan Yang Terutama Yang Yangi dari Republik Rakyat China (kiri) dan Tuan Yang Terutama Andreas G. Skarparis dari Cyprus (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan menerima mengadap perwakilan asing yang baru dilantik, Tuan Yang Terutama Alfredo Raul Morelli dari Argentina.

Berkenan menerima mengadap tiga perwakilan asing yang baru dilantik

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri hari ini berkenan menerima mengadap tiga perwakilan asing yang baru dilantik iaitu Puan Yang Terutama Yang Yangi dari Republik Rakyat China; Tuan Yang Terutama Andreas G. Skarparis dari Cyprus dan Tuan Yang Terutama Alfredo Raul Morelli dari Argentina.

Perjumpaan tersebut berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan di sini.

Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan ketiga-tiga perwakilan tersebut dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala.

Sebelum lantikan ini, Puan Yang Terutama Yang Yangi merupakan Timbalan Pengarah Agung, Jabatan Perancangan Dasar, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Rakyat China.

Tuan Yang Terutama Andreas G. Skarparis pada masa ini adalah

Pesuruhjaya Tinggi Cyprus yang beribu pejabat di New Delhi, India.

Tuan Yang Terutama Alfredo Raul Morelli pada masa ini adalah Duta Besar Argentina yang beribu pejabat di Kuala Lumpur, Malaysia.

Kementerian Pendidikan sumbang lebih \$300 ribu kepada Tabung Tsunami

BERAKAS, 2 Februari. - Tabung Bantuan Mangsa Bencana Tsunami terus menerima sumbangan ber-

bentuk kewangan melalui pelbagai pihak yang ingin sama-sama meringankan bebanan yang ditanggung

Oleh
Samle Haji Jait



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menyerahkan Derma Mangsa Bencana Tsunami dari Kementerian Pendidikan kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dugadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain (atas) dan kepada Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin (bawah). - Gambar oleh Masri Osman.



oleh mangsa kejadian Tsunami khasnya di Banda Aceh, Republik Indonesia.

Sumbangan terbaru ialah dari Kementerian Pendidikan sejumlah \$300,081.68 yang dikutip dari semua sekolah-sekolah menengah, rendah, swasta dan pengajian tinggi di negara ini yang belum termasuk sumbangan seperti makanan, pakaian dan yang lainnya.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz berkata, atas semangat ingin menolong dan mendapat pahala dari Allah rata-rata setiap penuntut di negara ini dapat menyumbangkan \$2.50 dari kadar \$1.00 yang disasarkan oleh kementerian.

Katanya, sebahagian dari sumbangan dari kementerian telah pun diterima oleh mangsa-mangsa Tsunami di Aceh yang disalurkan melalui inisiatif Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang telah mengagih-agihkannya dengan selamat.

Yang Berhormat menjelaskan perkara itu ketika berucap di Majlis Penyerahan Derma Mangsa Bencana Tsunami Dari Kementerian Pendidikan

berlangsung di Dewan Utama kementerian berkenaan di sini.

Tambahnya, atas semangat yang begitu kuat dan dengan tujuan beribadat maka kementerian dapat mengutip lebih \$300 ribu untuk diserahkan kepada mangsa-mangsa Tsunami.

Selain itu, katanya, sejumlah \$30 ribu yang diamanahkan oleh sebuah kompeni untuk membeli pakaian dan keperluan lain kaum wanita di Aceh yang kini telah selamat diterima dan kementerian juga menerima sumbangan tambang bagi 10 orang sukarelawan dari Kementerian Pendidikan untuk pergi ke Aceh yang disumbangkan oleh seorang hamba Allah.

Dari jumlah itu \$200 ribu diserahkan kepada Inisiatif Yayasan Bagi Mangsa Tsunami dan \$100,081.68 diserahkan kepada Tabung Mangsa Bencana Tsunami Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Menerima sumbangan kewangan itu ialah Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bagi pihak Yayasan dan Menteri Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dugadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain.

BORANG PAS MEDIA BAGI



SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN KE-21 TAHUN 2005

BANDAR SERI BEGAWAN. - Sebagai persediaan menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-21, Jabatan Penerangan telah mengeluarkan borang bagi permohonan Pas Media kepada wartawan-wartawan dan jurugambar-jurugambar yang akan bertugas semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang berkenaan boleh diperolehi di Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas dan di cawangan-cawangan Jabatan Penerangan di daerah-daerah. Setiap permohonan hendaklah disahkan oleh Ketua daripada organisasi atau agensi yang diwakili. Borang yang lengkap hendaklah dikembalikan tidak lewat 12 Februari 2005.

Setakat ini, Jabatan Penerangan telah menerima beberapa permohonan dari wartawan-wartawan luar negeri yang akan datang ke negara ini bagi membuat liputan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Bagi memastikan kelancaran dan ketertiban pihak media semasa menjalankan tugas mereka, Jabatan Penerangan akan mengaturkan beberapa orang Pegawai Perhubungan Media/Media Relations Officer (MRO).

Pengaruh Penerangan selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Seranta (Media Cetak), Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-21 menasihatkan supaya semua pemegang Pas Media hendaklah bertanggungjawab dan mematuhi arahan-arahan yang diberikan.

Pihak media, agensi-agensi kerajaan yang tertentu dan persatuan-persatuan fotografi, tambah Pengarah Penerangan adalah juga mempunyai peranan yang penting dalam menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam tetapi hendaklah dilakukan dalam ruang lingkup yang dihadkan supaya tidak menyalahi dari segi protokol, keselamatan, tatasusila dan etika kerja.

Jabatan Penerangan akan mengadakan sesi taklimat kepada pemegang Pas Media sebelum Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan dan diselenggarakan dengan sesi perbincangan.

LANAMAN WEB SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-21 TAHUN 2005

BERAKAS. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri selaku Jawatankuasa Seranta (Media Cetak) bagi Jawatankuasa Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-21 Tahun 2005 sukacita memaklumkan bahawa Laman Web Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-21 Tahun 2005 telah pun mula beroperasi mulai hari Isnin, 7 Februari 2005.

Orang ramai yang berhajat untuk mendapatkan maklumat-maklumat terkini dan aktiviti-aktiviti harian sambutan berkenaan bolehlah melayari www.nationalday.or.bn atau menghubungi :

Baghayan Perhubungan Awam dan Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Negara Brunei Darussalam.

Ralat

RUANGAN Pendidikan di muka 9 ANEKA keluaran Pelita Brunei 2 Februari 2005 di bawah tajuk 'Kecemerlangan menyeluruh' terdapat beberapa kesalahan. Para 7, selepas perkataan 'kemecerlangan' hendaklah ditambah perkataan akademik. Sementara pada para 32, baris ke-22, perkataan 'membaihi' hendaklah digantikan dengan perkataan 'memberikan'. - Penyunting.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Watikah Perlantikan kepada Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Pakistan, TYT Pehin Datu Penglima Kolonel (B) Haji Awang Abdul Jalil bin Haji Ahmad (kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Surat Watikah Perlantikan kepada Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Puan Yang Terutama Emaleen binti Abdul Rahman Teo (kanan).

Oleh Haji Ahat Haji Ismail
Gambar-gambar oleh
Pengiran Haji Bahar Pg. Hj. Omar
dan Hamadi Haji Mohammad

Berkenan kurniakan watikah perlantikan dan terima tauliah perlantikan

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Watikah Perlantikan kepada dua orang perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik dan berkenan menerima Surat Tauliah Perlantikan tiga orang perwakilan luar negeri di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula mengurniakan Surat Watikah Perlantikan kepada Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Pehin Datu Penglima Kolonel (B) Haji Awang Abdul Jalil bin Haji Ahmad diikuti selepas itu baginda mengurniakan Surat Watikah Perlantikan kepada Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Puan Yang Terutama Emaleen binti Abdul Rahman Teo.

Selepas itu baginda berkenan menerima Surat Tauliah Perlantikan Duta Besar Republik Rakyat China yang disampaikan oleh Puan Yang Terutama Yang Yanyi.

Diikuti pula selepas itu baginda berkenan menerima Surat Tauliah Perlantikan Pesuruhjaya Tinggi Republik Cyprus yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Andreas G. Skarparis dan akhir sekali yang menyampaikan Surat Tauliah Perlantikan ke hadapan majlis baginda ialah Duta Besar Republik

Argentina, Tuan Yang Terutama Alfredo Raul Morelli.

Baginda kemudian berkenan menerima mengadap kedua-dua perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik, Tuan Yang Terutama Pehin Datu Penglima Kolonel (B) Haji Awang Abdul Jalil, 52 tahun memulakan perkhidmatannya dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) pada tahun 1972 dan jawatan terakhirnya sebelum bersara sebagai Pemerintah Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei.

Puan Yang Terutama Emaleen Abdul Rahman Teo pula berusia 40 tahun memulakan kariernya pada tahun 1985 sebagai Pegawai Penyelidik dan jawatan terakhir ialah sebagai Pengarah di Jabatan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Sejurus selepas menerima mengadap kedua-dua perwakilan Negara Brunei Darussalam, baginda seterusnya berkenan menerima mengadap ketiga-tiga perwakilan luar negeri secara berasingan.

Baginda mula-mula sekali berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Rakyat China, Puan Yang Terutama Yang Yanyi. Puan Yang Terutama

berusia 50 tahun, memegang jawatan Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Perkembangan Dasar di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri sejak 2001.

Selanjutnya baginda menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Cyprus, Tuan Yang Terutama Andreas G. Skarparis, 59 tahun beribu pejabat di New Delhi, manakala akhir sekali yang diperkenalkan mengadap ke hadapan majlis baginda

ialah Duta Besar Republik Argentina, Tuan Yang Terutama Alfredo Raul Morelli. Tuan Yang Terutama berusia 55 tahun beribu pejabat di Kuala Lumpur dan pernah memegang beberapa jawatan seperti Canselor Ekonomi Kedutaan Argentina di Washington D. C.

Hadir di Majlis Mengadap itu ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merang-

kap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya.



BAGINDA berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah TYT Pehin Datu Penglima Kolonel (B) Haji Awang Abdul Jalil, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Pakistan dan TYT Emaleen binti Abdul Rahman Teo, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima Surat Tauliah Perlantikan Duta Besar Republik Rakyat China yang baru ke negara ini, Puan Yang Terutama Yang Yanyi (atas kiri).

BAGINDA berkenan menerima Surat Tauliah Perlantikan Tuan Yang Terutama Andreas G. Skarparis, Pesuruhjaya Tinggi Republik Cyprus yang baru dilantik ke negara ini (kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima Surat Tauliah Perlantikan Tuan Yang Terutama Alfredo Raul Morelli, Duta Besar Republik Argentina yang baru ke negara ini (kanan).



Kebawah DYMM berkenan mengurniakan watikah dan menerima tauliah perlantikan



BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Februari.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Watikah Perlantikan kepada dua orang perwakilan negara ini yang baru dilantik dan berkenan menerima Tauliah Perlantikan dari tiga orang diplomat negara-negara sahabat berlangsung di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berkenan mengurniakan Surat Watikah Perlantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Sahari bin Pengiran Haji Salleh.

Baginda kemudian berkenan mengurniakan Surat Watikah Perlantikan kepada Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia, Puan Yang Terutama Pengiran Datin Paduka Hajah Masrainah binti Pengiran Haji Ahmad.

Seterusnya baginda berkenan menerima Surat Tauliah Perlantikan daripada Tuan Yang Terutama Butshikan Singh, Pesuruhjaya Tinggi India (menetap) ke Negara Brunei Darussalam.

Kemudian diikuti oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam (me-

**Oleh Sahari Akim
Gambar-gambar oleh
Pengiran Haji Bahar Pg. Hj. Omar
dan Ramli Tengah**

netap di Tehran dan Bandar Seri Begawan), Tuan Yang Terutama Abbas Talebifar.

Juga menyempahkan Surat Tauliah Perlantikan ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam (menetap di Bandar Seri Begawan), Tuan Yang Terutama Sornsilp Polteja.

Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Sahari, 48, berkelulusan B. A. (Hons.) Combined Studies dan mengikuti Program Pembangunan Eksekutif di Universiti Brunei Darussalam mula berkhidmat dengan kerajaan dalam tahun 1982 di Jabatan Pelajaran sebelum bertukar ke Jabatan Perkhidmatan Diplomatik sebagai Pegawai Pentadbir Tingkat 1 pada tahun yang sama.

Selain pernah memegang jawatan Pegawai Pentadbir Kanan Superscale C, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama juga pernah dilantik sebagai Setiausaha Kedua, Setiausaha Pertama, Konsular, Menteri Konsular di Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di luar negeri dan terakhir selaku Pengarah Jabatan Ekonomi Berbagai Hala, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Sementara itu Puan Yang Terutama Pengiran Datin Paduka Hajah Masrainah, 48, memegang ijazah BSc. Sains Biologi, Sijil Lanjutan dalam bidang Pendidikan dan M. A. Pengajian Antarabangsa dan

Diplomatik.

Puan Yang Terutama memulakan perkhidmatan di Jabatan Pelajaran pada tahun 1980 sebelum bertukar ke Jabatan Politik, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri pada tahun 1986.

Antara jawatan tinggi yang pernah Puan Yang Terutama pegang ialah Pengarah Jabatan Ekonomi, Pengarah Jabatan Organisasi Antarabangsa, Duta tidak menetap ke Norway, Finland, Denmark, Sweden, Spain, Portugal, Pesuruhjaya Tinggi ke Republik Perancis dan terakhir Pengarah Jabatan ASEAN.

Tuan Yang Terutama Butshikan Singh, 58, memiliki Ijazah Lanjutan (Kesusasteraan Inggeris) mula melibatkan diri dalam bidang diplomatik di Perkhidmatan Luar Negeri India pada tahun 1976.

Dalam kerjayanya pernah dilantik ke jawatan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi India pada tahun 1998 dan jawatan terakhir sebagai Timbalan Pengarah Umum Majlis Hal Ehwal Luar India, di samping Setiausaha Bersama di Kementerian Hal Ehwal Luar India.

Tuan Yang Terutama Abbas Talebifar, 45, berkelulusan M. A. (International Knowledge In Foreign Languages) pernah memegang jawatan sebagai Pakar dan Setiausaha Kedua, Setiausaha Eksekutif (Suruhanjaya Politik), Kuasausaha dan terakhir sebagai Pengarah Jabatan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan Surat Watikah Perlantikan kepada Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Sahari bin Pengiran Haji Salleh, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Iran (kiri).

BAGINDA ketika berkenan mengurniakan Surat Watikah Perlantikan kepada Puan Yang Terutama Pengiran Datin Paduka Hajah Masrainah binti Pengiran Haji Ahmad, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia (kanan).



Asia Timur dan Pasifik.

Sementara itu Tuan Yang Terutama Sornsilp Polteja, 57, berkelulusan B. A. (Diplomatik), Sijil Diplomatik dan Hubungan Antarabangsa dan M. A. (Pentadbiran Awam) mula berkhidmat di Kementerian Luar Negeri Thailand pada tahun 1973.

Tuan Yang Terutama pernah dilantik sebagai Atachi, Setiausaha Ketiga, Setiausaha Kedua, Setiausaha Pertama, Konsular, Pengarah Bahagian Akhbar, Menteri Konsular dan terakhir Duta Besar Thailand ke Pakistan.

Selesai sahaja Majlis Mengurniakan Surat Watikah dan Menerima Surat Tauliah Perlantikan, di ruang lain Istana, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan pula menerima mengadap Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Sahari dan Puan Yang Terutama Pengiran Datin Paduka Hajah Masrainah.

Baginda juga berkenan menerima mengadap secara berasingan Tuan Yang Terutama Butshikan Singh, Tuan Yang Terutama Abbas Talebifar dan Tuan Yang Terutama Sornsilp Polteja.

BAGINDA ketika berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Sahari dan Puan Yang Terutama Pengiran Datin Paduka Hajah Masrainah.



BAGINDA ketika berkenan menerima Surat Tauliah Perlantikan daripada Tuan Yang Terutama Abbas Talebifar, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima Surat Tauliah Perlantikan daripada Tuan Yang Terutama Butshikan Singh, Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam (atas).

BAGINDA ketika berkenan menerima Surat Tauliah Perlantikan daripada Tuan Yang Terutama Sornsilp Polteja, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam (kiri).

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri hari ini berkenan menerima mengadap tiga perwakilan asing yang baru dilantik iaitu Tuan Yang Terutama Butshikan Singh, Pesuruhjaya Tinggi India; Tuan Yang Terutama Abbas Talebifar, Duta Besar Republik Islam Iran dan Tuan Yang Terutama Sornsilp Polteja, Duta Besar Thailand.

Perjumpaan berlangsung di Balai Penghadapan Buku Kayangan, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan ketiga-tiga perwakilan tersebut dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala.

Sebelum lantikan ini, Tuan Yang Terutama Butshikan Singh merupakan Timbalan Pengarah Agung, Majlis Hal Ehwal Dunia India, New Delhi sejak Januari 2003 dan memegang jawatan Setiausaha Bersama di Kementerian Hal Ehwal Luar India.

Tuan Yang Terutama Abbas Talebifar sebelum ini adalah Pengarah di Jabatan Kedua Bagi Asia Timur dan Pasifik, Tehran.

Tuan Yang Terutama Sornsilp Polteja sebelum ini merupakan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Republik Islam Pakistan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap TYT Butshikan Singh, Pesuruhjaya Tinggi India yang baru ke negara ini (kiri) dan TYT Abbas Talebifar, Duta Besar Republik Islam Iran (kanan). - Gambar oleh Harun Haji Rashid.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Sornsilp Polteja, Duta Besar Thailand ke negara ini. - Gambar oleh Harun Haji Rashid.



RBA HANTAR MISI BANTUAN KEMANUSIAAN KE BANDA ACEH

BANDA ACEH, 4 Februari. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) sekali lagi memberikan sumbangan dengan menaja perkhidmatan khas bagi bantuan kemanusiaan kepada mangsa gempa bumi dan badai Tsunami di Aceh hari ini.

Misi bantuan kemanusiaan melalui inisiatif 'Tabung Sumbangan Inisiatif Yayasan Ke Aceh' kali ini tertumpu di Banda Aceh, salah sebuah wilayah di Republik Indonesia yang mengalami kemusnahan teruk akibat bencana alam yang telah mengorbankan ramai jiwa.

RBA Boeing 767, BI 5743 selamat mendarat di Pengkalan Angkatan Tentera Udara Tentera Nasional Indonesia (TNI) Sultan Iskandar Muda, Banda Aceh dengan membawa kesemua barang-barang bantuan termasuk Kitab-kitab Suci Al-Quran, ubat-ubatan, makanan, mesin pam air dan pakaian sebanyak 17.5 tan yang telah disumbangkan oleh orang ramai dan pihak-pihak tertentu melalui inisiatif Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah (YSHHB).

**Oleh
Boihassan
Haji Abu Bakar
Gambar oleh
Abdullah Haji
Awang Damit**

Sementara itu minyak pesawat bagi penerbangan khas pergi dan balik telah dibiayai sepenuhnya oleh Syarikat Pemasaran Brunei Shell sebagai sumbangan syarikat berkenaan dalam sama-sama membantu kesengsaraan mangsa bencana tersebut.

Turut serta dalam penerbangan bantuan kemanusiaan ialah Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin; Pengerusi Lembaga Pengarah RBA, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair; Timbalan Pengerusi II Lembaga Pengarah YSHHB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Haji Hassanul Bolkiah (YSHHB).

Lembaga Pengarah RBA, Dato Paduka Awang Haji Idris serta beberapa orang ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB seterusnya membuat tinjauan bagi bantuan membaiki pulih kerosakan ke atas Masjid Baitur Rahman, Banda Aceh.

Dengan pengangkutan barangan kali ini, bererti kesemua barang-barang bantuan melalui orang ramai dan pihak-pihak tertentu yang disalurkan menerusi inisiatif YSHHB membantu mangsa bencana Tsunami di Aceh telah selamat disempurnakan. Kerja-kerja pengagihan di Banda Aceh oleh para sukarelawan YSHHB dijangka berjalan selama seminggu.

Sebelum ini kerja-kerja pengagihan bantuan telah diungkayahkan oleh pegawai-pegawai YSHHB dengan bantuan logistik dan keanggotaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) ke kawasan-kawasan yang jauh, yang hanya boleh didatangi dengan menggunakan pesawat helikopter.



SEBELUM rombongan berlepas menuju Banda Aceh, doa selamat telah dibacakan di Sky Lounge, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.



PENGERUSI Lembaga Pengarah RBA, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair dan Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah (YSHHB), Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin serta rombongan telah menyaksikan sendiri kerja-kerja pemunggahan barang-barang bantuan yang dilakukan oleh sukarelawan-sukarelawan YSHHB.



PENGERUSI Lembaga Pengarah YSHHB, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menyampaikan bantuan kepada wakil dari Wilayah Aceh sambil diperhatikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah RBA, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair.

Ketua negara pertama terima anugerah NUS

KEPIMPINAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang bijaksana, pemeduliaan dan penyayang telah mendapat pengiktirafan dunia antarabangsa. Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang oleh National University of Singapore (NUS) pada minggu lalu merupakan satu lagi bukti mengenai kepimpinan baginda yang cemerlang itu.

Penganugerahan NUS yang merupakan universiti terunggul di rantau Asia malahan dunia, sesungguhnya sesuatu yang membanggakan kepada kita selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang bernaung di bawah kepimpinan baginda. Penganugerahan itu amat penting sebagai pengiktirafan terhadap kewibawaan, karisma dan ketokohan baginda selama ini setelah 37 tahun memerintah Negara Brunei Darussalam.

Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang yang dikurniakan kepada baginda merupakan satu-satunya ijazah kehormat yang dianugerahkan kali pertama kepada ketua negara asing. Ini bermakna bahawa baginda merupakan ketua negara dunia yang pertama menerima penganugerahan NUS sejak ianya ditubuhkan 1905 lalu. NUS akan menyambut ulang tahun ke-100 penubuhannya pada September 2006.

Lebih bermakna lagi, penganugerahan itu adalah satu penghormatan kepada baginda dan seluruh rakyat Negara Brunei Darussalam dan ianya merupakan satu ikatan terhadap rangkaian persahabatan yang lama terjalin antara rakyat kedua-dua buah negara.

Selain itu baginda juga aktif meningkatkan peranan Negara Brunei Darussalam dalam hubungan antarabangsa dan serantau, di samping memberikan perhatian dalam mengeratkan hubungan dua hala yang cemerlang dengan Republik Singapura. Melalui kepimpinan baginda, hubungan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura semakin mantap dan akrab. Ini jelas terbukti dengan terjalinnya lebih banyak kerjasama antara kedua-dua negara yang berjiran itu.

Inilah sebenarnya, intipati yang tersirat dalam penganugerahan itu yang lebih menekankan mengenai pentingnya persahabatan dan kerjasama antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura. Sememangnya, hubungan antara kedua-dua buah kerajaan telah menyediakan platform yang kuat bagi meningkatkan kerjasama di antara kedua-duanya dalam pelbagai bidang kegiatan.

Justeru itu, semasa baginda bertitah di Majlis Penganugerahan Khas tersebut, baginda telah bertitah melahirkan penghargaan Negara Brunei Darussalam terhadap hubungan yang sangat baik dengan Republik Singapura.

Keakraban dan hubungan persahabatan telah sedia ter-

SOROTAN

OLEH JAAFAR IBRAHIM

jalin sejak sekian lama sejak sebelum Brunei merdeka. Pada 1 Januari 1984, hubungan diplomatik secara rasmi antara kedua-dua negara telah dimeterai. Sejak itu hingga ke hari ini, hubungan dua hala dan pelbagai hala antara kedua-dua negara semakin kukuh dan mantap. Kekukuhan itu dimantapkan lagi dengan adanya lawatan-lawatan di peringkat ketua negara, ketua kerajaan, menteri-menteri, pegawai-pegawai kanan kerajaan, ahli-ahli perniagaan dan korporat serta rakyat masing-masing.

Kemantapan hubungan dua hala itu dapat dilihat melalui hubungan perdagangan yang semakin kukuh antara kedua-dua negara berjiran. Sebagai misal dalam tahun 2003, nilai perdagangan ialah lebih B\$809.6 juta. Dari jumlah itu, nilai eksport negara ke republik berkenaan mencecah B\$344.4 juta. Sementara jumlah import dari republik itu bernilai B\$465.2 juta. Sungguhpun nilai perdagangan itu lebih memihak kepada Republik Singapura, namun negara kita amat beruntung kerana kita banyak memperoleh manfaat yang berguna kerana Kerajaan Republik Singapura menawarkan banyak peluang-peluang untuk melatih anak-anak Brunei di bidang kewangan, perbankan dan urus niaga yang bertaraf dunia.

Dekan Fakulti Undang-Undang NUS, Profesor Bersekutu Tan Cheng Han menjelaskan menerusi kepimpinan yang berwibawa dan tanpa mengenal penat lelah, baginda telah berjaya membawa Negara Brunei Darussalam ke mercu keamanan, pembangunan dan kemajuan yang cemerlang. Lebih jauh dari itu, menerusi kebolehan diplomatik, baginda telah berjaya menempatkan peta Brunei di mata dunia antarabangsa sebagai ahli masyarakat yang bertanggungjawab dan komited terhadap masyarakat antarabangsa sejagat.

"Brunei kini menikmati infrastruktur dan kemudahan-kemudahan yang bertaraf dunia. Kesemua rakyat Brunei menikmati pendidikan, perumahan, penjagaan kesihatan dan prasarana sosial yang bermutu tinggi. Kehidupan dan kadar literasi yang tinggi membuktikan kemudahan cemerlang yang disediakan oleh kerajaan baginda. Melalui dasar-dasar pandangan jauh

baginda, rakyat Brunei kini bersedia memberikan sumbangan dan bersedia mengambil peluang yang terbuka dalam era baru globalisasi," tegas beliau.

Profesor Bersekutu Tan Cheng Han juga memuji Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana kejayaan baginda mengimbangi pemodenan dan seterusnya mengekalkan nilai-nilai adat dan tradisi masyarakat Brunei. Ini jelas beliau, merupakan pencapaian yang amat luar biasa di mana dalam perubahan teknologi yang canggih di bidang komunikasi, baginda terus mengekalkan nilai-nilai kehidupan rakyat Brunei yang baik.

Menurutnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa menggunakan peluang untuk bersama rakyat melalui lawatan-lawatan ke mukim-mukim, kampung-kampung dan acara-acara keagamaan seperti menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat di pelbagai masjid di seluruh negara. Sesuatu yang unik ialah baginda dan keluarga baginda menerima ribuan rakyat dan orang asing untuk junjung ziarah ke hadapan majlis baginda semasa Hari Raya Aidilfitri pada setiap tahun.

Di bidang antarabangsa, menurut beliau lagi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memainkan peranan yang amat penting dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti menyuarat ketua-ketua negara dalam Sidang Kemuncak Ketua-ketua Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Sidang Kemuncak Asia Eropah (ASEM) dan Sidang Kemuncak Pertubuhan Perisikan Islam (OIC).

Dalam pertubuhan serantau ASEAN, jelas Profesor Bersekutu Tan, komitmen, ketokohan dan bimbingan baginda telah berjaya membawa pertubuhan itu lebih berdaya maju dan aman makmur.

"Hari ini, NUS dengan penuh keikhlasan mengiktiraf terhadap banyak pencapaian-pencapaian dan sumbangan-sumbangan baginda. Bagi penghormatan itu, kami menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan mengaluk-alukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai ahli unggul dalam Senarai Penganugerahan Graduan," jelasnya lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah menerima Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang itu menegaskan anugerah itu menandakan bahawa rakyat Singapura menghormati dan menerima persahabatan Brunei.

"Kami di Negara Brunei Darussalam melihat negara anda sebagai rakan segala-galanya. Sebagai anggota badan-badan serantau dan antarabangsa yang penting, sebagai rakan dalam aspek kerjasama moden dan lebih penting sebagai teman yang boleh kami rujuk, meminta dan memberi sokongan dan berkongsi harapan dan aspirasi masa depan," titah baginda.

NUS dalam siaran akhbar semasa Majlis Penganugerahan Khas itu menjelaskan bahawa penganugerahan tersebut sebagai menghargai kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam membawa Negara Brunei Darussalam mencapai pembangunan dan kemajuan serta sumbangan berharga baginda dalam mengukuhkan hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

"Penglibatan baginda dalam hal-hwal Brunei dan dunia globalisasi sebagai Ketua Negara, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan. Sebagai raja yang pemeduliaan dan prihatin, baginda bekerja dengan penuh lutan tanpa mengira penat lelah untuk mengekalkan keamanan, kestabilan, kemakmuran dan kemajuan yang kini dinikmati oleh rakyat Brunei. Brunei kini menikmati pendidikan, kesihatan, perumahan dan kemudahan-kemudahan sosial serta kualiti hidup yang tinggi di bawah kepimpinan baginda," jelas siaran itu lagi.

Menurut siaran akhbar itu lagi, salah satu pencapaian baginda yang amat membanggakan ialah penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dalam tahun 1992 yang mana penubuhannya untuk meningkatkan taraf pendidikan. Ini termasuklah pengurniaan dermasiswa dan sumbangan kepada mereka yang kurang upaya serta sumbangan dana kewangan bagi membina masjid, di samping sekolah agama dan perumahan rakyat yang kurang berkemampuan.

Tidak syak lagi, penganugerahan NUS kepada raja dan pemimpin kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan suatu bukti jelas mengenai kepimpinan baginda, bukan sahaja bagi kepentingan rakyat baginda tetapi juga kepentingan masyarakat antarabangsa. Pengurniaan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang itu akan terus dapat mengukuhkan lagi hubungan persahabatan yang mendalam antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura di masa akan datang.

Struktur perumahan di Kampong Ayer harus ditinjau, diteliti semula

TUNGKU, 29 Januari. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan berpendapat ada beberapa hal yang perlu difikirkan mengenai Kampong Ayer melalui kepentingan 3P iaitu pengkalan, pengubahsuaian dan perancangan dalam aspek fizikal, sosial, budaya, ekonomi, keselamatan, kebersihan dan perhubungan.

Dari aspek fizikal, kata-

nya, beberapa perkara mengenai struktur perumahan di Kampong Ayer harus ditinjau semula apakah infrastruktur secara keseluruhan atau sebahagian sahaja yang perlu dirombak dan keadaan susun atur perumahan dan kemudahan asas yang diperlukan dalam penstrukturan perlu diambil kira secara saksama.

"Aspek sosial dan budaya pula, bagaimana nilai-nilai murni sosial dan budaya penghuni Kampong Ayer dapat di-

tingkatkan, kerjasama dalam bidang keagamaan, tatasusila, kemasyarakatan dan segala aspek kehidupan bernegara dan berbangsa," jelasnya Yang Dimulikan di Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Serantau Kampong Ayer yang berlangsung di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam.

Aspek ekonomi menurut, Yang Dimulikan lagi ialah bagaimana kita hendak menghidupkan semula industri yang

Oleh
Haji Ahmad
Haji Salim

telah wujud dalam bentuk yang moden tetapi masih mengekalkan identiti uniknya.

Dari aspek keselamatan pula, Yang Dimulikan berkata, mengenai bagaimana kita hendak membendung musibah kebakaran, masalah kanak-kanak mati lemas dan berbagai-bagai jenis gejala antisosial.

Dari aspek kebersihan, perlu difikirkan secara serius mengenai masalah pembuangan najis, sampah, pengkalan persekitaran yang sihat, pembuangan sisa bahan cuci yang mana semua itu bukan sahaja boleh mencemarkan persekitaran dan perairan Kampong Ayer bahkan boleh merosakkan ekosistem perairan jika tidak dibendung, jelasnya.

Di majlis itu Yang Dimulikan juga menyentuh aspek perhubungan yang mana sistem perhubungan Kampong Ayer didominasi oleh sistem bot penambang yang telah membawa ke arah peningkatan perekonomian pen-

duk.

Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini kegiatan tersebut sering melibatkan kemalangan di air sehingga membawa maut sama ada kepada penumpang atau pengendali bot penambang sendiri.

Dalam menangani masalah itu, kata Yang Dimulikan, sistem perhubungan yang lain yang dapat memberikan kemudahan yang lebih baik dan selamat hendaklah difikirkan.

Di majlis itu Yang Dimulikan mengalu-alukan kehadiran pemikir-pemikir dalam dan luar negeri serta peserta-peserta seminar dan berharap akan dapat bersama-sama memikirkan dan berfikir mengenai persoalan-persoalan yang telah diajukan.

Terdahulu dari itu Yang Dimulikan juga memetik pendapat para ilmun mengenai Kampong Ayer di mana para ilmun telah memberikan konsep perkampungan kepada dua iaitu Kampong Ayer arah air dan Kampong Ayer arah daratan, katanya.

Dua konsep perkampungan, jelasnya, masih lagi wujud sehingga ke

hari ini. Kampong Ayer arah air adalah bermula dari Kampong Saba hinggalah ke Kampong Burong Pingai.

"Konsep kedua pula ialah Kampong Ayer arah daratan. Dalam konsep kedua ini, rumah-rumah didirikan dan ditumpukan penempatan perumahan dari tebing sungai menuju daratan dan sebahagiannya atau sepenuhnya dibina di atas air, namun sebahagian jambatan-penghubungnya boleh mencapai daratan sehingga perhubungan dapat diaks dengan dua cara iaitu dengan menggunakan motor sangkut dan terus berjalan dengan menggunakan jambatan untuk pergi ke daratan dan seterusnya menggunakan kenderaan," ujarnya.

Seminar yang berjalan selama dua hari itu menghimpunkan 13 pembentang kertas kerja dalam dan luar negara yang secara keseluruhannya membentangkan mengenai Kampong Ayer. Seminar yang dianjurkan oleh Akademi Pengajian Brunei bertemakan "Warisan Hidup: Cabaran dan Kesinambungan".

Di hari pertama sebanyak lima kertas kerja



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan berucap merasmikan Seminar Serantau Kampong Ayer. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar Pg. Haji Omar.

dibentangkan dalam seminar tersebut yang mengandungi tajuk Rancangan Perpindahan Penduduk Kampong Ayer Ke Tanah Daratan Di Sarawak; Kes Kajian Kampong Bako, Kuching disampaikan oleh Profesor Dr. Mohammad Riduan bin Mohd. Arif; Kampong Ayer - Jenayah dan Pencegahannya oleh Abdul Rahim bin Haji Mohd. Noor; Dr. Haji Latif bin Haji Ibrahim membentangkan kertas kerja bertajuk Kampong Ayer - Cabaran Warisan: Arah Ke Mana? dan Pendokumentasian Kampong Ayer Di Sabah; Warisan dan Pembangunan disampaikan oleh Profesor Dr. Sabihah Osman.

Kertas kerja bertajuk Impak Pendatang Filipina Di Kampong-kampong Ayer: Satu Tinjauan Di Sabah dibentangkan oleh Wan Shwaluddin bin Wan Hassan. Forum dan sesi soal jawab juga diadakan.



PARA peserta Seminar Serantau Kampong Ayer yang berlangsung di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar Pg. Haji Omar.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Tentera Udara TNI Sultan Iskandar Muda dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Koordinator Kesejahteraan Rakyat, Republik Indonesia, TYT Dr. Alwi dan pembesar-pembesar tempatan.



BAGINDA berkenan meninjau sendiri tempat-tempat penting yang dilanda bencana tersebut antaranya Masjid Baitur Rahim (atas).

BAGINDA berkenan mengurniakan beberapa naskhah Kitab Suci Al-Quran kepada Masjid Baitur Rahman dan Masjid Baitur Rahim (kanan).

BAGINDA berkenan beramah mesra bersama para penduduk Banda Aceh yang sama-sama hadir di kawasan Masjid Baitur Rahim (bawah).



DOA selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz, Mufti Kerajaan sebelum Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat ke Banda Aceh.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Gambar oleh Rafeeq Dato Haji...

BAGINDA berkenan menerima taklimat mengenai kejadian bencana Tsunami di kawasan Masjid Baitur Rahman (kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan sembahyang di Masjid Baitur Rahman (atas kanan).

BAGINDA berkenan meninjau kerosakan akibat bencana Tsunami di kawasan Masjid Baitur Rahman (atas).

BAGINDA berkenan menerima taklimat mengenai kawasan Sabang yang telah menempatkan pengkalan kontingen Negara Brunei Darussalam yang menyelaraskan bantuan dari Negara Brunei Darussalam (kanan).





Yang Maha Mulia berkenan bertitah sesuatu kepada pesakit-pesakit di Hospital Sabang yang menerima rawatan di bawah pengawasan pegawai-pegawai dan kakitangan perubatan dari Kementerian Kesihatan dan Angkatan Bersenjata Diraja

gambar
ngiran
ngiran
aduka
tassim

kenan mene-
t mengenai
kesan-kesan
nami yang
mpat kediam-
Vilayah Aceh

BERANGKAT MENINJAU BANDA ACEH

BANDA, ACEH, Indonesia, 1 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam awal pagi ini telah berkenan berangkat ke Aceh bagi meninjau sendiri kesan-kesan bencana gempa bumi dan gelombang besar Tsunami yang melanda wilayah itu baru-baru ini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Lapangan Terbang Tentera Udara Tentera Nasional Indonesia Sultan Iskandar Muda, Banda Aceh pagi ini telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Koordinator Kesejahteraan Rakyat, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. Alwi Abdurrahman Shibab dan pembesar-pembesar tempatan yang terdiri daripada Pemangku Gabenor Aceh, Panglima Tentera Darat Aceh, Kepala Polisian Daerah Aceh, Kepala Kejaksaan Tinggi Wilayah Aceh dan Kepala Pengadilan Wilayah Aceh.

Juga berada di lapangan terbang ialah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

Sebelum menyaksikan sendiri kesan-kesan gempa bumi dan gelombang besar Tsunami, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah disebarkan taklimat mengenai kejadian dan kesan-kesan bencana itu. Taklimat tersebut telah disebarkan sendiri oleh Menteri Koordinator Kesejahteraan Rakyat, Tuan Yang Terutama Dr. Alwi Abdurrahman Shibab dan Wakil Gabenor Wilayah Aceh, Haji Azwar Abu Bakar serta pegawai-pegawai tempatan Wilayah Aceh. Taklimat telah diadakan di tempat kediaman Gabenor Wilayah Aceh.

Perhentian pertama dalam tinjauan ini ialah pinggir pantai Banda Aceh dan beberapa tempat-tempat yang penting yang dilanda bencana itu seperti Masjid Baitur Rahman dan Masjid Baitur Rahim. Di samping menyaksikan kesan bencana itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan mengurniakan beberapa naskah Kitab Suci Al-Quran kepada masjid-masjid tersebut.

Dari Banda Aceh, Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya

berkenan berangkat ke Sabang di Pulau We dengan menerbangkan sendiri sebuah pesawat helikopter 'Blackhawk' kepunyaan Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang ditempatkan di daerah itu.

Keberangkatan tiba baginda di Lapangan Terbang Tentera Udara Tentera Nasional Indonesia Maimun Salleh, Sabang telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Dato Bandar Sabang dan pegawai-pegawai kanan tempatan serta pegawai dan kakitangan kontinjen Negara Brunei Darussalam.

Kawasan Sabang menempatkan pengkalan kontinjen dari Negara Brunei Darussalam yang membantu dalam menghulur dan menyelaraskan bantuan dari kerajaan dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Di Sabang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah disebarkan dengan taklimat oleh ketua-ketua kontinjen Negara Brunei Darussalam. Ini diikuti dengan beramah mesra bersama ahli-ahli kontinjen tersebut terdiri daripada anggota-anggota ABDB; pegawai-pegawai dan kakitangan perubatan dari Kementerian Kesihatan dan pegawai-pegawai dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Dari kawasan taklimat tersebut, baginda kemudian berkenan melawat Hospital Sabang di mana pesakit-pesakit akibat dari bencana tersebut menerima rawatan perubatan di bawah pengawasan pegawai-pegawai dan kakitangan perubatan Kementerian Kesihatan dan ABDB. Di hospital tersebut, baginda juga telah berkesempatan menemui dua orang kanak-kanak yang cedera akibat bencana itu yang pada

masa ini dalam rawatan pegawai perubatan dari Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

Dari Hospital Sabang, baginda telah berkenan meninjau sendiri kawasan yang terjejas di Pantai Barat Laut Sumatera melalui udara dengan menaiki pesawat helikopter yang dipandu oleh baginda sendiri. Kawasan ini adalah kawasan yang paling teruk terjejas oleh bencana gempa bumi dan gelombang besar Tsunami.

Sebelum berangkat menuju Banda Aceh, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan singgah di Tepin Rambot, di mana kontinjen Negara Brunei Darussalam menempatkan kawalan bantuan regimen ABDB dan pegawai perubatan dari Kementerian Kesihatan. Di Tepin Rambot, baginda telah mendengar taklimat dan seterusnya melawat tempat berkenaan sambil beramah mesra bersama anggota-anggota ABDB serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

Tepin Rambot menempatkan sebanyak 187 buah khemah sementara yang menampung kira-kira 570 penghuni.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Lapangan Terbang Tentera Udara Tentera Nasional Indonesia Sultan Iskandar Muda, Banda Aceh petang ini juga setelah menamatkan lawatan sehari suntuk ke kawasan yang dilanda bencana gempa bumi dan gelombang besar Tsunami serta menyaksikan sendiri kerja-kerja kontinjen Negara Brunei Darussalam yang didatangkan khas ke wilayah tersebut.



BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama para penduduk Banda Aceh yang paling teruk terjejas oleh bencana tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia meninjau pelbagai bantuan yang dikendalikan oleh anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Kesihatan dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



BAGINDA berkenan singgah melawat Tepin Rambot yang menempatkan beberapa buah khemah sementara bagi menampung para penghuni kawasan tersebut yang dilanda bencana Tsunami.

Khutbah Pertama

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar,
Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar,
Allahuakbar.

MARILAH kita tingkatkan lagi iman dan takwa kepada Allah dengan mentaati-Nya, sentiasa bersedia dan bersungguh-memohonkan keampunan sebelum terlambat. Sebagaimana juga tidak kendur-kendur berbuat kebajikan demi kebaikan di dunia dan di akhirat.

Bertakwa kepada Allah itu dengan hati dan fikiran yang memuji dan mensyukuri-Nya. Maka dalam konteks Hari Raya Aidiladha ini kita memuji dan mensyukuri Allah dengan bertahmid dalam bertakbir mengagungkan kebesaran dan kemuliaan serta kekuasaan-Nya.

Tegasnya: Kita tidak lupa, tidak lalai dan tidak alpa dari menyedari bahawa kita ini adalah makhluk-Nya dan Dialah Allah Al-Khaliq sebenarnya mencipta dan mengaturkan kewujudan kita. Maka Dialah Tuhan yang kita mengabdikan diri kepada-Nya serentak menjalani kehidupan biasa berkeluarga, bermasyarakat, berbangsa dan bernegara dengan pimpinan dan petunjuk-Nya, iaitu mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wataala sesuai dengan firman-Nya:

"وما خلقت الانسان والجن الا ليعبدون" - (سورة الذاريات : ٥٦)

Dan berperanan sebagai khalifahNya memerintah yakni menguasai kerajaan di bumi dan memakmurkannya seperti maksud yang terkandung di dalam firman Allah kepada Malaikat tentang manusia diciptakan untuk menjadi khalifah di bumi:

"واذا قال ربك للملائكة اني جاعل في الارض خليفة" - (سورة البقرة : ٣٠)

Dan firman Allah yang menjanjikan kepada orang yang beriman lagi beramal salih akan diberikan-Nya pernah khalifah di bumi ini:

"وعاد الله الذين امنوا منكم وعملوا الصالحات ليستخلفنهم في الارض كما استخلف الذين من قبلهم" - (سورة النور : ٥٥)

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar,
Walillahihamd.

Aidiladha tahun ini seperti juga tahun-tahun yang lalu, kita sambut dalam keadaan negara kita aman damai. Kita rakyat serta penduduknya berkehidupan sejahtera, terlepas daripada bencana dan malapetaka. Semuanya ini adalah rahmat dan kurnia Allah Subhanahu Wataala jua. Wajib kita hargai dengan menambah ibadah dan amal kebajikan.

Sementara itu, tidak jauh dan masih di rantau kita ini juga, sejumlah penduduk dan rakyat di beberapa negara persisiran lautan Hindi telah terjejas oleh gempa dasar laut yang mengakibatkan terjadi gelombang besar Tsunami. Kejadian yang baru sahaja terjadi itu (tepatnya pada 26 Disember yang lalu) dikatakan suatu malapetaka gempa yang dahsyat kerana ramai yang disahkan terkorban atau masih terhitung hilang. Kemusnahan harta benda bahkan kawasan dan penduduk, bandar dan desa amat ketara dan dahsyat seperti yang dilihat di Aceh, Indonesia.

Tidak syak lagi malapetaka itu adalah terjadi dengan kehendak Allah Subhanahu Wataala. Ia bukan perbuatan manusia. Bukan ledakan bom dan senjata nuklear atau sebagainya. Bukan terjadi dalam rangka sesuatu strategi menurut agenda politik di

Bencana dan malapetaka Tsunami

TINGKATKAN KESEDARAN BERAGAMA, PELAJARI ILMU BERKAITAN ALAM

KHUTBAH Hari Raya Aidiladha yang disampaikan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin pada hari Jumaat, 21 Januari 2005 oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

kalangan negara-negara yang rakyatnya terlibat. Ianya tidak diduga tetapi berlangsung dalam waktu yang singkat dengan kesan yang amat mengerunkan dan dahsyat.

Orang lain menyebutnya sebagai kejadian secara alami atau semula jadi, nature. Kita menyebutnya sebagai sunnatullah, aturan atau ketentuan takdir Allah.

Sebutan kita itu berdasarkan keyakinan bahawa Allah Subhanahu Wataala menciptakan alam ini dengan qadar atau ketentuan yang menjadikannya seimbang. Tidak dijadiakannya sesuatu dengan sia-sia melainkan ada dengan tujuan dan hikmatnya. Kita berfaham bahawa Allah Taala mencipta alam dan terus-menerus berpegang ke atasnya. Dia mengatur dan membimbing. Dia mengetahui hal-ehwalnya. Kerana itu ditetapkan-Nya dan ketentuan menurut qadarnya.

Kita tegaskan lagi bahwa gempa dasar laut itu tidak terjadi sendirinya melainkan dengan kehendak Allah. Sudah ketentuan Allah Taala bahawa apabila permukaan bumi di dasar laut bergerak lalu lautan pun bergelombang besar yang luar biasa melanda persisiran pantai menyebabkan kematian dan kemusnahan. Laut berkeadaan sedemikian itu bukanlah semuanya, ia tiba-tiba dijadiakan meluap-luap seperti maksud firman Allah yang bertujuan membayarkan sebahagian kejadian menjelang Hari Kiamat:

"واذا البحار فجرت" - (سورة الانفطار : ٢)

dan firman-Nya lagi:

"واذا البحار سجرت" - (سورة التوكر : ٦)

iaitu apabila laut dijadiakan meluap-luap dan mengelegak maka ada yang membuatnya meluap-luap dan mengelegak iaitulah Allah dengan hikmat dan tujuan yang tertentu.

Hal ini dan fenomena alam sebegini tidak sahaja wajar meningkatkan kesedaran beragama bahkan wajar diikuti dengan berusaha mempelajari dan menguasai ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan alam. Sebab dengan hanya kesedaran beragama semata-mata tanpa disertai dengan ilmu pengetahuan yang berkaitan tentang kejadian alam ia boleh sahaja melalaikan kita dari menyedari akan hikmat sesuatu kejadian. Boleh sahaja menjadikan kita segera berkesimpulan yang mudah seperti menyebut-nyebut kemurkaan Allah dan lupa betapa mangsa yang selamat daripada kejadian itu perlu dibantu sewajarnya. Kita menyebut-nyebut kemurkaan Allah ke atas keingkaran sejumlah orang terhadap ajaran Allah dengan maksud supaya menginsafkan kita tidak terikut-ikut dengan perilaku orang, tetapi kita gagal melewatkan kejadian malapetaka alam itu pada posisi dan perspektifnya sebagai sunnatullah yang rahsia dan hikmatnya akan lebih meyakinkan dengan sokongan ilmu pengetahuan mengenainya.

Kita hendaklah mengambil ingatan dari suatu riwayat apabila Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam membacakan firman Allah dalam Surah Al-Infithaar ayat 6 yang tafsirnya:

"Wahai manusia! Apakah gerangan yang melalaikanmu daripada mengingat Allah Taala Yang Maha Luas kurnia dan rahmat-Nya?"

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam segera bersabda kepada sahabat-sahabat Baginda: "غره الجهل" yakni yang melalaikan manusia itu daripada mengingat Allah Taala Yang Maha Pemurah ialah kejahilan iaitu tidak berilmu pengetahuan yang cukup yang antaranya dalam konteks bencana alam ialah menyediakan langkah berwaspadanya sebagai iktibar dan cara-cara selamat daripada ditimpa bencana atau mengurangkan kemusnahan akibat sesuatu bencana alam. Ilmu pengetahuan sama pentingnya selain dengan iman yang kuat dan kesedaran beragama yang tinggi untuk lebih kepada aturan dan hukum Allah.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar,
Walillahihamd.

Orang bertanya dan kita juga turut sama bertanya: Mengapa korban terbesar gelombang Tsunami terdiri dari orang-orang Islam? Mereka itu sebahagian daripada kita sebab kita sama seakidah: beriman kepada Allah bahkan dikatakan taat beragama seperti di Aceh itu.

Kita tidak dapat memberi jawapan yang tepat dan pasti. Yang semakin jelas ialah kesedaran beragama sahaja tidak cukup menjadikan orang atau penduduk sesebuah kawasan kampung, bandar dan negeri terjamin dan merasa selamat dalam kehidupan ini sebab sejak berkurun-kurun sampai ke zaman ini pun malapetaka bencana alam telah menimpa umat-umat terdahulu yang ingkarkan Allah dan menimpa juga umat-umat beragama yang lain termasuklah umat Islam. Bezanya umat-umat terdahulu yang ingkarkan Allah itu ditimpa bencana sebahagiannya untuk dimusnahkan atau dipupuskan termasuklah tamadunya, tetapi umat Islam ditimpa bencana alam tidak sampai sedemikian. Sekurangnya Allah belum berkehendak sedemikian. Maka di situlah lagi hikmatnya. Kita diberitahu bahawa sesuatu umat itu ada tempoh hayatnya yakni ajalnya. Allah memberikan bahawa apabila tempoh hayat (ajal) sesuatu umat itu berakhir tidaklah mereka dapat menangkalkannya dan tidak juga dapat mengawalkannya:

"لما جاء اجلهم لا يستغيثون ساعة ولا يستملكون" - (سورة النحل : ٦١)

"ما تسبق من امة اجلها وما يستغيثون" - (سورة المؤمن : ٤٣)

Ajal atau tempoh hayat sesuatu umat itu termasuklah tamadunya. Dan begitu pula tempoh itu datang ada dengan menyebabkan kematian sebilangan besar penduduk dan kemusnahan yang dahsyat yang mana dikaitkan juga dengan sunnatullah dalam erti kata proses regenerasi, proses pergantian sesuatu generasi kepada generasi penerus. Allah Taala menyebutkan tentang proses ini dalam beberapa ayat Al-Quran, antaranya dalam ayat 6 Surah Al-An'am ayat 31 dan 42 Surah Al-Mu'minuun. Begitu juga dalam Surah Al-Qashash ayat 45. Kita petik firman Allah ayat 6 Surah An-An'am yang tafsirnya:

"Adakah mereka yang ingkar dan menolak kenabian Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam itu tidak mengambil iktibar tentang generasi sebelum mereka yang lebih kuat, kukuh, maju, makmur telah dibinasakan oleh Allah Taala dengan sebab dosa-dosa mereka dan kemudian Allah tunbuhkan, munculkan, lahirkan قوما آخرين yakni generasi yang lain."

Kalimat atau lafaz "قرون" dan "قرون" diterjemahkan sebagai generasi, bukan semata-mata bermaksud yang sama dengan lafaz atau kalimat "امم" dan "امم" iaitu umat dan umat-umat kerana di dalam Al-Quran lafaz "امم" atau "امم" itu banyak disebut dalam konteksnya yang lain.

Maka dalam konteks ayat yang menggunakan "قرون" lafaz dan "قرون" itu, kebinasaan yang Allah timpakan ke atas umat-umat yang ingkarkan Allah hikmatnya bukanlah semata-mata memperingatkan akibat dosa-dosa yang berleluasa malah hikmat di sampingnya ialah juga Allah Taala berkehendak untuk menginsyapkan generasi baru atau generasi penerus selepas sesuatu bencana alam. Tegasnya Allah berkuasa melahirkan, memunculkan, mewujudkan dan mengembangkan suatu generasi yang lain, generasi penerus. Itulah namanya proses regenerasi.

Jadi hikmat yang juga layak diraih untuk diambil iktibar sama berikutan gempa di dasar laut dan gelombang Tsunami yang mengorbankan ramai penduduk dan memusnahkan bandar dan desa ialah kemungkinan Allah Subhanahu Wataala berkehendak mendatangkan sebab-sebab yang sesuai yang kondusif untuk sesuatu perubahan ke atas mangsa-mangsa yang terselamat dan mereka sepatutnya mengambil kesempatan itu untuk mengubah jalan hidup menuju masa depan mereka ke arah yang lebih baik, aman makmur, selamat sejahtera menerusi penyelesaian sebarang pertikaian sesama mereka.

Sesungguhnya dengan melihat dan mendapati sebegini besar kemusnahan dan sebegini ramai nyawa yang terkorban, sebegini ramai mangsa yang selamat memerlukan pemulihan untuk berkehidupan yang wajar. Mereka ditakdirkan selamat untuk meneruskan hidup dan di kalangan mereka ialah sejumlah besar jiwa yang juga diselamatkan oleh Allah Subhanahu Wataala. Tentu sahaja Allah menghendakkan mereka untuk mendatangkan perubahan ke arah yang terbaik yang diredai-Nya. Di sinilah kesempatan untuk mengubah keadaan kerana Allah telah mengingatkan bahawa Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum sehingga kaum itu sendiri mendatangkan perubahan ke atas ehwal mereka. Firman-Nya.

"إن الله لا يغير ما بقوم حتى يغيروا ما بأنفسهم" - (سورة الرعد : ١١)

Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Infithaar, ayat 1 - 9 yang tafsirnya:

"Apabila langit terbelah dan apabila bintang-bintang jatuh berserakan dan apabila lautan dijadiakan meluap dan apabila kuburan-kuburan dibongkarkan, maka setiap jiwa (orang) akan mengetahui apa yang telah dikehendaki dan apa yang dilalaikan. Wahai manusia! Apakah yang telah memperdayakan kamu (berbuat derhaka) terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah yang telah menciptakan kamu lalu menyempurnakan kejadianmu dan menjadikan (susunan tubuh) mu seimbang, dalam bentuk apa sahaja yang dikehendaki. Janganlah sekali-kali engkau terpedaya dan mendustakan Hari Pembalasan."

Beri semangat, perangsang kepada mangsa Tsunami

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar,
Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar,
Allahuakbar, Walillahihamd.

Subhanahu Wataala sahaja pada saat itu dan kemudiannya yang menjalankan urusan pembalasan iaitu tepat namanya Hari Kiamat itu hari pembalasan dan perhitungan.

Maka sesuai dengan kefahaman serta semangat itulah apabila terjadi musibah berikutan daripada malapetaka kita orang-orang yang beriman akan mengatakan dalam Surah Al-Baqarah ayat 156 yang tafsirnya: "Kita ini kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kita kembali."

Oleh itu, dalam menghadapi keadaan sesudah kejadian Tsunami, meskipun tidak menimpa kita secara langsung namun kedahsyatan yang ditonton dan ditatap didengar dan dibaca sangatlah mengerunkan. Tetapi apa pun perasaan kita terhadapnya kita sentiasalah mengawal diri daripada membuat kesimpulan yang mudah seperti misalnya menudingkan telunjuk kepada perilaku yang tidak cocok dengan cita rasa kita yang berdasarkan ajaran dan kefahaman agama.

Kejadian tsunami seperti juga kejadian-kejadian lain bencana alam, tidaklah sama dengan kejadian perang. Mangsa bencana alam sangat menambat simpati yang mendalam. Tidak ada pihak yang dipertanggungjawabkan seperti dalam kejadian peperangan,

Khutbah Kedua

ngan, di mana ada pihak yang bertanggungjawab memulakan atau mengundung teretusnya perang. Kita mudah sahaja menjadi pihak-pihak yang pro atau kontra terhadap kejadian perang, tetapi tidak demikian terhadap bencana alam. Maka tidaklah wajar kita membiarkan diri kita dirangsang oleh sentimen marah terhadap perilaku buruk orang lain dengan tujuan mengingatkan orang-orang kita supaya tidak terikut-ikut dan terbawa-bawa berperilaku buruk yang sama.

Memang sedemikian itu bertujuan baik terutama sekali menyedarkan orang supaya takutkan balasan dan kemurkaan Allah Taala. Akan tetapi dalam keadaan di mana ramai mangsa yang terselamat memerlukan bantuan untuk pemulihan kehidupan mereka terutama sekali kanak-kanak yang menjadi yatim piatu, perhatian dan usaha kita patutlah lebih tertumpu kepada sokongan melalui kata-kata dan perbuatan.

Sokongan semangat dan perangsang untuk mereka yang menjadi mangsa membina semula kehidupan mereka. Sokongan tenaga dan barangan serta kewangan

untuk bantuan yang termampu dalam rangka membina semula infrastruktur yang musnah. Maka kata-kata yang terbaik dalam suasana sekarang ialah kata-kata yang merangsang bahawa mangsa-mangsa itu masih mempunyai harapan meneruskan kehidupan. Kata-kata yang disertai dengan huluran bantuan yang berputatan.

Hal itulah yang dibuat oleh masyarakat antarabangsa menerusi badan dan organisasi tertentu dan kita juga sama berbuat sedaya upaya yang kita terdaya. Orang ramai dan orang perseorangan, badan-badan dan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan bergandeng bahu menghulurkan bantuan yang mana bantuan untuk Aceh mengatasi yang lain kerana wilayah itulah yang paling terus terjejas dan ianya paling terdetak yang mampu kita datang. Lalu bantuan kita pun telah sampai di Aceh berupa pasukan perubatan dan bantuan barangan dengan dukungan angkatan bersenjata kita, bahkan juga Syarikat Penerbangan Diraja, (RBA) turut membantu mengangkut bantuan.

Sesungguhnya dengan berbuat sedemikian kita sebenarnya menepati ciri-ciri bangsa dan negara bertamadun di mana nilai peri kemanusiaan dipraktikkan dengan baik me-

limpasi batas-batas sempadan wilayah negara.

Demikian yang tergambar dengan nyata. Semoga kita dapat meneruskan usaha bukan sahaja melakukan yang baik bahkan melakukan yang baik-baik itu dengan cara-cara yang terbaik iaitu berlandaskan iman kepada Allah berharapan ampun dan redaNya. Sebab siapa pun kita dan apa pun status kita yang wajib dan patut sentiasa ketara ialah kita semua adalah hamba Allah, makhluk-Nya yang tertakluk kepada aturan-aturan-Nya yang kita fahamkan dengan sebutan sunnatullah. Kepada-Nya kita berta'abbud dan bertaqarrub: mengabdikan diri dan mendekatkan diri kepada-Nya.

Demikianlah saudara-saudara yang berbahagia. Sesuai pula dengan suasana Aidiladha yang kita sambut maka kita akhiri khutbah ini dengan firman Allah yang tafsirnya:

"Sesungguhnya kami (Allah) telah mengurniakanmu kebaikan yang banyak. Oleh itu dirikanlah sembahyang demi Tuhanmu dan dan sembelilah korban sebagai tanda bersyukur. Sesungguhnya orang yang bencikan engkau (wahai Muhammad) dialah yang terputus daripada mendapat sebarang yang diinginkannya."

Tegasnya: Hanya Allah

MAJLIS ANUGERAH CIPTA PADA 19 - 21 FEBRUARI

TUNGKU, 1 Februari. - Majlis Penganugerahan Kreatif, Produk Inovatif dan Teknologi Terkini (CIPTA) dan Pamerannya akan dilangsungkan pada 19 hingga 21 Februari bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Sehubungan itu penghakiman peringkat kedua yang disertai oleh 21 peserta terdiri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Universiti Brunei Darussalam, sekolah-sekolah dan orang perseorangan yang menyertai Pertandingan CIPTA diadakan di Institut Teknologi Brunei di sini.

Mereka terpilih ke peringkat akhir setelah berjaya mengharungi pusingan pertama yang dihakimkan oleh empat orang hakim daripada Negara Brunei Darussalam, Republik Singapura, Brunei Shell Petroleum dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Antara lain faktor penilaian penghakiman ialah ciri keaslian, daya kreatif, kemampuan pemasaran dan penyesuaian dalam penggunaan komersil.

Dalam penganugerahan itu nanti pemenang pertama, kedua dan ketiga akan menerima hadiah wang tunai sejumlah \$6,000.00, \$4,000.00 dan \$2,000.00 bersama piala CIPTA, manakala peserta

Oleh Haji Ahmad
Haji Salim

lain juga akan menerima hadiah wang tunai sebanyak \$500.00 dan sijil.

Di samping hadiah kepada pemenang-pemenang, penyertaan projek terbaik juga akan diumumkan dengan hadiah wang tunai \$10,000.00 bersama piala dan sijil sebagai penghargaan terhadap sumbangan mereka dalam bidang sains dan masyarakat.

Pertandingan bertujuan untuk mengasah daya kreativiti dan inovasi para belia dan orang awam bagi pembangunan negara, menggalakkan inovasi dan pembaruan di Negara Brunei Darussalam dan mempromosi proses perkembangan perkilangan dan produk teknologi di Negara Brunei Darussalam.

Pertandingan dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori pertama iaitu kreatif atau produk pembaruan, proses atau teknologi yang meliputi semua produk proses atau teknologi bagi kegunaan masyarakat sekitar.

Manakala kategori kedua ialah kreatif atau pengubahsuaian pembaruan yang terdapat pada produk, proses atau teknologi.



TIMBALAN Setiausaha Tetap III, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ishaaq menyaksikan Pameran Kerjaya 2005 anjuran Institut Teknologi Brunei (ITB). - Gambar oleh Masri Osman.

Dialog Kerjaya ITB

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 Januari. - Institut Teknologi Brunei (ITB) hari ini mengadakan Majlis Dialog Kerjaya 2005 yang berlangsung di ITB di sini.

Majlis Dialog Kerjaya 2005 tertumpu dalam memberikan penerangan dan penjelasan kepada semua lepasan pelajar di institut berkenaan mengenai peluang pekerjaan di sektor kerajaan dan swasta.

Majlis tersebut telah dibuka rasmi oleh Timbalan Setiausaha Tetap III, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ishaaq bin

Oleh Aliddin
Haji Moktal

Haji Abdullah yang antara lain menyeru pihak swasta akan terus memberikan komitmen dan kerjasama dalam membantu rakyat serta penduduk tetap negara ini dalam memberikan penerangan mengenai pekerjaan.

Majlis Dialog Kerjaya 2005 selama sehari itu memuatkan pelbagai aktiviti termasuk pameran dan taklimat Unit Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja dengan tajuk 'Tips Menghadiri Temuduga'.

Majlis Tahlil sempena Hari Polis



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman ketika menjurus ayang asah-asahan ke atas pusara Allahyarham APO Sarjan 5662 Awang Hamdan bin Abdul Aziz. - Gambar oleh Ramli Tengah.

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaasiin, Tahlil dan Doa Arwah sempena Sambutan Hari Polis Ke-84 Tahun Pasukan Polis Diraja Brunei.

Majlis Membaca Surah Yaasiin, Tahlil dan Doa Arwah itu bagi Allahyarham APO Sarjan 5662 Awang Hamdan bin Abdul Aziz yang meninggal dunia semasa menjalankan tugas yang berlangsung di Tanah Perkuburan Orang Islam di Kubah Makam Diraja di sini.

Majlis Membaca Surah Yaasiin, Tahlil dan Doa

Oleh Aliddin
Haji Moktal

Arwah telah dipimpin oleh Imam Haji Abdullah bin Haji Karim, Imam Surau Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei, Gadong di sini.

Turut hadir di majlis itu ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan dan Timbalannya, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Awang Zainuddin bin Jalani serta para pegawai dan anggota polis yang lain berserta kaum keluarga Allahyarham Awang

Hamdan bin Abdul Aziz. Allahyarham APO Sarjan 5662 Awang Hamdan bin Abdul Aziz telah kembali ke rahmatullah pada 10 November 2003 ketika menjalankan tugas.

Sebelum ini majlis yang sama juga telah diadakan pada 14 Januari yang lalu bagi Allahyarham Koperan Asnan bin Aman.

Semoga roh-roh mereka dicucuri rahmat dan dimasukkan ke dalam golongan orang-orang yang beriman dan beramal salih serta termasuk dalam golongan ahli-ahli Syurga, amin.



BELAJAR DI UBD

Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam

Khamis, 17 Februari 2005

8.00 pagi - 4.30 petang

Jumaat, 18 Februari 2005

8.30 - 11.00 pagi dan 2.00 - 4.00 petang

KURSUS-KURSUS DITAWARKAN

Ijazah Sarjana Muda :

- Pendidikan
- Dasar Awam & Pentadbiran
- Pentadbiran Perniagaan
- Pengajian Brunei / Ekonomi / Geografi/ Sejarah
- Pengajian Islam / Kesusasteraan / Linguistik
- Syariah, Usuluddin, Bahasa Arab
- Matematik
- Sains Biologi
- Kimia
- Fizik

Kedoktoran :

- Kesusasteraan
- Geosains Petroleum
- Biologi
- Kimia
- Matematik
- Fizik
- Pendidikan

Ijazah Sarjana :

- Dasar Awam
- Pentadbiran Perniagaan
- Pendidikan
- Pengajian Islam
- Geosains Petroleum
- Pengurusan Alam Sekitar
- Ekonomi

SILA TEMUI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL-WAKIL DARI :

- Institut Pendidikan Sultan Hassanul Bolkiah (SHBIE)
- Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar (FBEPs)
- Fakulti Sains (FOS)
- Institut Perubatan (IM)
- Akademi Pengajian Brunei (APB)
- Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddin (IPIHOAS)
- Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS)
- Pusat Bahasa (LC)
- Institut Teknologi Brunei (ITB)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Bahagian Perhubungan Awam
Universiti Brunei Darussalam
Hotline: (+673) 246 3015
e-mel: pro@admin.ubd.edu.bn

<http://www.ubd.edu.bn>



Pegawai Perhubungan Awam perlu lebih aktif memberikan maklumat

BERAKAS, 27 Januari . -

Pegawai Perhubungan Awam perlulah mempertingkatkan lagi profesionalisme dan tatacara menambah baik serta mengesankan lagi penyebaran maklumat yang sedia wujud dengan mencetuskan percambahan fikiran dan idea yang positif lagi konstruktif adalah penting.

Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan berkata demikian di Majlis Ramah Mesra Perhubungan Awam anjuran Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang berlangsung di Hotel Orchid Garden di sini.

Yang Dimuliakan percaya dan yakin Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan telah dan akan terus membuat penilaian dan analisis apakah kekurangan dan bagaimana tatacara memperbaiki dan menjadikannya lebih aktif dan dinamik. Strategi-strategi yang lebih berkesan dan produktif hendaklah dikenal pasti demi mencapai objektif dan tujuan jawatankuasa ditubuhkan dan begitu juga perhubungan awam diwujudkan.

Menurut Yang Dimuliakan, tugas dan tanggungjawab Pegawai Perhubungan Awam adalah semakin mencabar dan memerlukan pembaharuan bagi menyesuaikan dengan keadaan, perkembangan dan kehendak semasa apatah lagi disebabkan dengan faktor-faktor luaran, perubahan-perubahan, perkembangan dan kecanggihan teknologi maklumat, tatacara penyebaran maklumat yang semakin canggih dan boleh didapati dengan sekelip mata.

Yang Dimuliakan menambahkan, dalam menghadapi cabaran dan perubahan-perubahan tersebut, mahu tidak mahu peranan Pegawai Perhubungan Awam hendaklah juga sentiasa berusaha mengikut perkembangan semasa, proaktif, komited, kreatif dan inovatif terutama sekali dari aspek penyebaran maklumat supaya relevan dan dapat diterima oleh masyarakat sesuai dengan ekspektasi orang ramai atau pelanggan organisasi.

Pegawai Perhubungan Awam, kata Yang Dimuliakan, merupakan barisan hadapan (front line) bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan dalam menyalurkan maklumat bagi pihak kementerian dan jabatan masing-masing dan segala maklumat yang disalurkan itu hendaklah tepat, jelas, cepat, mudah difahami dan sampai kepada sasaran audien yang dimaksudkan.

"Apa yang penting, maklumat yang disalurkan oleh Pegawai Perhubungan Awam tidak mendatangkan kesan negatif ke atas kementerian-kementerian atau jabatan masing-masing yang boleh mencetuskan tidak keseimbangan di antara maklumat yang sebenar dan tanggapan orang ramai sehingga ia boleh mengelirukan orang ramai," ujar Yang Dimuliakan.

Oleh
Aliddin Haji Mokhtal

Dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang, berkualiti dan efisien sudah tentunya Pegawai Perhubungan Awam perlu memiliki ciri-ciri etika kerja yang mulia dan murni seperti dedikasi, komited, amanah, bersopan santun, pandai berkomunikasi, mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam hal-hal yang berkaitan dengan tanggungjawab, mempunyai 'network' yang baik dengan pihak media dan juga memahami teori-teori dan amalan yang baik digunakan pakai yang berhubung kait dengan perhubungan awam.

Perhubungan awam di kementerian dan jabatan-jabatan, tambah Yang Dimuliakan, hendaklah berusaha mengambil langkah dalam meningkatkan dan juga mengaktifkan fungsinya terutama sekali bagi mempromosi dan menjaga nama baik, imej dan kredibiliti kementerian atau jabatan khususnya dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam umumnya, di samping menangkis segala sangkaan-sangkaan yang negatif apatah lagi yang tidak berasas.

"Maklumat dan penjelasan yang disampaikan melalui media massa, infokomunikasi hendaklah sentiasa diguna pakai dan 'up to date' yang antara lain berhubung kait dengan objektif, fungsi, struktur organisasi, dasar, perkembangan, kemajuan, perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan termasuk tatacara proses dan maklumat-maklumat yang diperlukan, syarat-syarat permohonan, TPOR yang diperkenalkan dan lain-lain," jelasnya.

Di samping itu juga, tambahnya, aduan daripada orang ramai hendaklah diberikan perhatian dan diberikan respon dengan sebaik mungkin dan memberikan penjelasan yang memuaskan walaupun permohonan itu tidak dapat dipertimbangkan kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Pegawai Perhubungan Awam, jelas Yang Dimuli-

kan, hendaklah juga memiliki kesedaran terhadap keselamatan yang tinggi dan rujukan bagi orang ramai dalam mendapatkan nasihat dan panduan dalam hal-hal yang berkaitan dengan kementerian dan jabatan masing-masing.

Yang Dimuliakan menegaskan, Pegawai Perhubungan Awam perlu memahami bidang tugas dan peranan yang perlu dimainkan di setiap kementerian atau jabatan dan tidak hanya memfokuskan kerja-kerja rutin dan mengamalkan tugas-tugas 'conventional' seperti mengendalikan urusan-urusan mereka yang hendak melawat ke kementerian atau jabatan atau menguruskan aktiviti-aktiviti dan majlis-majlis tertentu.

Pegawai Perhubungan Awam



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan bergambar kenangan bersama Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, para Pegawai Perhubungan Awam kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan. - Gambar oleh Masri Osman.

Perhubungan Awam merupakan 'Front Line' kepada organisasi

BERAKAS, 24 Januari . -

Fungsi dan tugas perhubungan awam di sesebuah organisasi merupakan salah satu tanggung utama bagi organisasi tersebut kerana ia merupakan barisan depan atau 'front line' kepada mana-mana organisasi dalam mengetengahkan wawasan, misi atau dasar perkara yang berkaitan dengan organisasi itu.

Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail yang juga selaku

Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan (JKPAKK & JJK) berucap demikian ketika memberikan ucapan alu-aluan di Majlis Ramah Mesra JKPAKK & JJK yang berlangsung di Hotel Orchid Garden di sini.

Selain itu, kata Dato Paduka, ianya menjadi harapan agar interaksi di antara pemimpin dengan pengamal perhubungan awam melalui majlis seperti ini akan dapat meningkatkan 'capacity-

building' atau tahap pengetahuan dan kemahiran para pengamal perhubungan awam dalam menangani cabaran-cabaran yang berlaku di sekitar mereka.

Dato Paduka menjelaskan, tujuan majlis seperti ini diadakan agar dapat menjalin dan mengukuhkan hubungan silaturahim atau 'networking' di antara pembuat dasar (policy makers) di peringkat menteri, timbalan menteri serta setiausaha tetap selaku pegawai eksekutif (CEO) kementerian-kementerian dengan pengamal-pengamal perhubungan awam sama ada di sektor kerajaan mahupun di sektor swasta.

Seterusnya Dato Paduka menjelaskan, selain mengadakan mesyuarat, jawatankuasa itu juga mengadakan lawatan kerja ke agensi-agensi kerajaan dan swasta pada tahun lalu dan kalendar acara jawatankuasa pada tahun ini akan turun padang mengadakan kunjungan ke kawasan pedalaman dalam usaha untuk mendekati rakyat dan penduduk luar bandar, di samping mendapatkan maklumat balas dari mereka.

Inisiatif seperti ini, kata Dato Paduka, tidak lain adalah bagi menyahut dan mencontohi langkah bijak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ber-

cemar duli ke seluruh negara termasuk ke kampung-kampung dan jabatan-jabatan kerajaan dari masa ke semasa semata-mata untuk meninjau lebih dekat lagi bersama rakyat baginda.

Dato Paduka menegaskan, perhubungan awam yang efektif, bukanlah hanya bersifat menunggu dan menerima tetapi hendaklah bersifat secara proaktif yang akan dapat mengukuhkan lagi perpaduan serta kred-

ibiliti Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di kalangan rakyat dan penduduk.

Dato Paduka berharap, majlis seumpama ini akan dapat meningkatkan lagi semangat Pegawai-pegawai Perhubungan Awam dalam meningkatkan imej yang baik Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada umumnya dan kementerian dan jabatan masing-masing khususnya.

Didapati salah di bawah Akta Pencegahan Rasuah

BERAKAS, 3 Februari . -

Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan telah menjatuhkan hukuman ke atas seorang pegawai dari Jabatan Pengangkutan Darat Kuala Belait, Pengiran Haji Idris @ Pengiran Haji Alias bin Ahmad setelah beliau didapati bersalah ke atas dua pertuduhan di bawah Seksyen 6 (a) Akta Pencegahan Rasuah (Penggali 131). Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara satu tahun dua bulan bagi setiap pertuduhan yang

dijalankan serentak.

Dalam kedua-dua pertuduhan tersebut, Pengiran Haji Idris @ Pengiran Haji Alias didakwa pada 15 Mei 2003, telah cuba untuk memperolehi suapan sebanyak B\$400.00 (empat ratus ringgit Brunei) dari dua orang warga India, sebagai dorongan untuk mengembalikan cukai jalan dan lesen memandu dan seterusnya tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap kesalahan-kesalahan yang kononnya telah mereka lakukan.



MAJLIS Ramah Mesra Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan. Majlis berlangsung di Hotel Orchid Garden, Berakas. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan berucap merasmikan Majlis Ramah Mesra Perhubungan Awam. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.

Berangkat saksikan Perlawanan Bola Sepak Amal

Oleh
Haji Ahat Haji Ismail
Gambar-gambar oleh
Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BERAKAS, 29 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan berangkat menyaksikan Perlawanan Bola Sepak Amal bagi Tabung Bantuan

Mangsa Bencana Tsunami di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia di-

junjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji

Awang Hussain dan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Perlawanan amal di Stadium Negara Hassanal Bolkiah itu bermula dengan perlawanan antara Pasukan ABDB dengan Skuad Negara Bawah 21 Tahun bagi Piala Hassanal Bolkiah yang dimenangi oleh ABDB 2 - 1.

Selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan piala-piala dan hadiah-hadiah kepada pasukan-pasukan dan pemain yang berjaya dalam Kejohanan Liga Bola Sepak Brunei (B-League).

Perlawanan kedua kemudian dilangsungkan antara Skuad Liga Perdana Brunei Darussalam menentang SAF Warriors dari Republik Singapura yang berkesudahan kemenangan kepada pasukan pelawat 4 - 2.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan hadiah dan piala kepada juara Liga Bola Sepak Brunei (B-League) Bahagian Satu, DPMM F. C. berupa piala dan hadiah wang B\$15,000.00.



PEMAIN-PEMAIN DPMM F. C. menerima pingat emas yang dikurniakan oleh Duli Yang Teramat Mulia selepas menjuarai Liga Bola Sepak Brunei Bahagian Satu.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berangkat menyaksikan Perlawanan Bola Sepak Amal Bagi Tabung Bantuan Mangsa Bencana Tsunami di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



DULI Yang Teramat Mulia mengurniakan piala kepada juara Liga Bahagian Dua (B-League), NBT F. C. (atas kiri).

SEORANG pemain terbaik dalam Kejohanan Liga Brunei menerima hadiah yang dikurniakan oleh Duli Yang Teramat Mulia (atas).

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan menerima sumbangan derma bagi Tabung Bantuan Mangsa Bencana Tsunami yang disampaikan oleh Setiausaha Agung BAFA (kiri).



AKSI perlawanan amal antara Skuad Negara Bawah 21 Tahun dengan ABDB yang berkesudahan ABDB menang 2 - 1.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain diperkenalkan kepada Skuad Negara Bawah 21 Tahun bagi Kejohanan Piala Hassanal Bolkiah.



SEDIA ... Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman melancarkan Walkaton Amal Daerah Belait.

Dua acara baru diperkenalkan

KUALA BELAIT, 31 Januari.- Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusop bin Bakar berkata, selaku rakyat dan penduduk negara ini sewajarnya melibatkan diri dalam apa jua acara yang dilaksanakan sebagai bukti ketaatsetiaan yang tidak berbelah bahagi terhadap raja yang dikasihi.

Pegawai Daerah juga menyampaikan harapan Pengerusi Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam peringat kebangsaan agar jawatankuasa perayaan peringkat daerah berusaha lebih keras lagi untuk sama-sama meramaikan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan baginda tahun ini.

Beliau berucap demikian semasa mempengerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari

Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 bagi Daerah Belait yang diadakan di Dewan Santap di sini.

Menurut Dato Paduka, daerah ini tidak pernah gagal dalam membuat persiapan menjunjung keberangkatan baginda dalam Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat, malah hampir setiap tahun daerah ini telah diisytiharkan sebagai pengendali upacara padang yang terbaik.

Ianya adalah satu rekod dan sejarah yang tidak dapat dilupakan berkat kerjasama semua pihak dengan komitmen yang tinggi, kerja berpasukan yang kental, pengorbanan yang tidak mengira masa, wang dan tenaga semata-mata menjalankan tugas sebagai penaung payung mahkota, ujar Dato Paduka.

"Kita tidak juga menafi-

kan kejayaan yang diraih tahun-tahun kebelakangan itu bukan hanya berasaskan curahan tenaga dan fikiran serta masa setiap warga kerja yang dilantik akan tetapi yang lebih penting juga memainkan peranan dan sangat diperlukan pada setiap tahun ialah sumbangan dari segi wang ringgit daripada segenap lapisan masyarakat dan peranan syarikat swasta serta ahli-ahli perniagaan," tambah Dato Paduka.

Mesyuarat antara lain membincangkan mengenai laporan kewangan dan pengesahan kunci kira-kira bagi kewangan kerajaan dan kewangan tabung komiti sambutan perayaan. Selain itu mesyuarat juga turut membubarkan jawatankuasa tertinggi tahun lalu seterusnya mengadakan pembentukan jawatankuasa tertinggi yang baru bagi tahun ini dan perlantikan pengerusi acara persembahan.

Sebanyak 21 acara dijangka akan diadakan di

Walkaton Amal Tsunami

KUALA BELAIT, 30 Januari. - Kira-kira 200 orang penduduk Daerah Belait menyertai Walkaton Amal bagi Tabung Bantuan Mangsa Bencana Tsunami yang diadakan di Padang Bandaran di sini.

Walkaton Amal bertaja dilancarkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman. Acara dimulakan dengan senam robik beramai-ramai yang dipimpin oleh Kumpulan Wan Health Fitness.

Walkaton itu dikendali-

kan oleh Jabatan Daerah Belait dengan kerjasama institusi penghulu, ketua kampung dan ketua rumah panjang daerah ini yang dibagikan kepada dua kumpulan lelaki dan perempuan serta setiap peserta dikehendaki mendapatkan seberapa banyak tajaan berbentuk wang tunai melalui kad tajaan.

Dianggarkan lebih 2,000 keping kad tajaan telah habis diedarkan bagi tujuan amal itu. Hasil wang

tersebut akan didermakan sepenuhnya kepada tabung berkenaan.

Kumpulan lelaki berjalan sejauh lima kilometer bermula dari Padang Bandaran melalui Jalan Maulana, manakala kumpulan wanita sejauh lebih dua kilometer juga bermula dari tempat yang sama melalui Jalan Bunga Simpur kembali semula ke padang berkenaan.

Acara dimeriahkan de-

ngan penyampaian hadiah istimewa kepada pemenang yang berjaya mengutip wang terbanyak melalui kad tajaan dan hadiah cabutan nombor bertuah. Walkaton yang diadakan serentak di keempat-empat daerah bukan hanya untuk mengumpul wang tunai melalui tajaan tetapi juga sebagai riadah menjaga kesihatan diri, di samping menanamkan sikap pemedulian, prihatin, tolong-menolong dan sikap sedia berbakti kepada insan yang kurang bernasib baik yang memerlukan bantuan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusop bin Bakar menyertai senam robik beramai-ramai.

daerah ini. Tahun ini acara kemuncak Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dijangka akan diadakan di Padang Bandaran. Tahun lalu acara tersebut diadakan di Kelab Rekreasi Syarikat Minyak Brunei Shell.

Selain itu acara baru, Rakit Klasik dan Kejohanan Oleh Raga akan diwujudkan dalam sambutan perayaan tahun ini. Agenda lain yang diperbincangkan termasuklah cadangan perubahan bentuk dan format acara perayaan yang akan diadakan semasa musim perayaan itu nanti.



PEGAWAI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusop bin Bakar ketika mempengerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 bagi Daerah Belait.

Lahirkan pelajar cemerlang

SERIA, 29 Januari. - Sekolah Saint Michael merupakan salah sebuah sekolah bukan kerajaan yang tertua di daerah ini telah berjaya melahirkan pelajar-pelajar yang berkaliber dan berjawatan tinggi di jabatan kerajaan dan juga sektor swasta termasuk Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) serta Syarikat Brunei

LNG.

Bagi memperingati 50 tahun penubuhannya sekolah itu telah meraikan sambutan Jubli Emas yang bertema 'Mengenang Detik Lalu Raihan Masa Baru Untuk Masa Depan'. Majlis dirasmikan dengan upacara melepaskan ikan emas ke dalam kolam sekolah berkenaan

yang dilakukan oleh tetamu kehormat, Awang Cornelius Sim.

Sekolah yang dulunya dikenali sebagai Sekolah Ingeris Seria buat pertama kali menerima kemasukan pelajar seramai 66 orang pelajar pada tahun 1966 dengan tiga orang tenaga pengajar. Bagaimanapun hari ini

jumlah pelajarinya meningkat kira-kira 300 orang, separuh daripada mereka berbangsa Melayu, manakala 27 orang tenaga pengajar dan 30 peratus daripada mereka adalah guru tempatan.

Bangunan lama sekolah itu dibuat daripada kajang yang digunakan sebagai Ibu Pejabat British Malayan Petroleum. Apabila bangunan sekolah yang ada sekarang siap dibina nama sekolah tersebut telah ditukar kepada namanya sekarang.

Menurut Pengetua sekolah itu, Awang Vincent Sumping selain daripada menitikberatkan pembangunan akademik pelajar, pihak sekolah juga memberikan keutamaan kepada pencapaian di bidang sukan melalui kejohanan olah raga antara sekolah-sekolah menengah peringkat negara dengan menjuarai kejohanan tersebut pada tahun 2003 dan 2004. Katanya, mulai tahun ini juga sekolah berkenaan akan memperkenalkan kelas Tingkatan Enam.



SEKOLAH Saint Michael, Seria merupakan sebuah sekolah tertua di Daerah Belait telah berhasil melahirkan pelajar-pelajar cemerlang yang berjawatan tinggi.



SAMBUTAN Jubli Emas Sekolah Saint Michael diserikan dengan upacara melepaskan ikan emas ke dalam kolam sekolah berkenaan.

ARENA SUKAN



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Jemat bin Haji Ampal dan Pengarah Belia dan Sukan ketika hadir menyaksikan Perlawanan Akhir Lawan Pedang antara Republik Filipina bertemu Viet Nam.

Indonesia dan Viet Nam pasukan yang menyerlah

BERAKAS, 27 Januari. - Tiga acara berpasukan lelaki dan wanita dilangsungkan di hari keempat Kejohanan Lawan Pedang ASEAN Ketujuh iaitu acara berpasukan lelaki Epee, Foil dan wanita berpasukan Saber yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Negara yang menyertai bagi acara berpasukan ialah Negara Brunei Darussalam, Republik Filipina, Republik Singapura, Republik Indonesia, Malaysia dan Viet Nam.

Dalam perlawanan acara berpasukan lelaki Epee Republik Indonesia berjaya meraih pingat emas dengan kemenangan tipis ke atas pasukan Viet

Nam dengan kiraan 23 berbalas 22, Republik Singapura pula menduduki tempat ketiga sekali gus meraih pingat gangsa bersama Republik Filipina.

Manakala pasukan negara bagi acara ini terkeluar lebih awal dalam pusingan pertama apabila tewas di tangan Republik Filipina dengan kiraan 45 berbalas 33.

Sementara acara berpasukan lelaki Foil, Viet Nam yang merupakan pasukan yang begitu menonjol dalam sukan ini mampu meraih lagi pingat emas untuk negara mereka apabila berjaya menjinakkan Republik Filipina di peringkat akhir acara Foil dengan kiraan 45 berbalas 43.

Dalam acara ini juga

Republik Singapura hanya mampu meraih pingat gangsa bersama Republik Indonesia.

Dalam acara berpasukan wanita Saber pula Viet Nam sekali lagi menunjukkan taringnya dengan menggondol pingat emas setelah berjaya menumpaskan pesaing rapatnya Republik Filipina sekali gus menghadiahkan mereka pingat perak. Pingat gangsa dimiliki oleh pasukan Republik Indonesia.

Pasukan negara bagi acara ini telah menunjukkan prestasi yang begitu baik dengan memasuki pusingan kedua, walaupun terkandas di pusingan kedua di tangan Republik Indonesia dengan kiraan 45 berbalas 27.

Indonesia dinobatkan sebagai juara keseluruhan BRUNEI HANYA MAMPU RAIH SATU GANGSA

BERAKAS, 28 Januari. - Indonesia dinobatkan sebagai juara keseluruhan dalam Kejohanan Sukan Lawan Pedang ASEAN Ketujuh yang berakhir malam ini dengan memperolehi 13 pingat iaitu 6 pingat emas, 1 perak dan 6 gangsa.

Republik Indonesia telah menunjukkan prestasi yang baik sejak bermulanya kejohanan yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Tempat kedua diikuti oleh Viet Nam dengan memperolehi 16 pingat iaitu 5 pingat emas, 5 perak dan 6 gangsa. Viet Nam yang merupakan pasukan pesaing sengit bagi Indonesia sering mengejar mata dalam perlawanan-perlawanan yang mereka sertai.

Republik Filipina yang tidak asing dalam sukan lawan pedang hanya mampu menduduki tempat ketiga dengan mengutip 9 pingat iaitu 1 emas, 6 perak dan 2 gangsa. Republik Singapura pula menduduki tangga keempat dengan memperolehi tiga pingat gangsa sahaja.

Manakala pasukan Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah diharapkan mempunyai kelebihan untuk mengutip pingat dalam kejohanan



UNTUK KENANGAN ... Setiausaha Tetap KKBS dan Yang Dipertua Pertubuhan Lawan Pedang Negara Brunei Darussalam bergambar kenangan selepas upacara pengalungan pingat kepada pemenang.

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
Gambar-gambar oleh
Hamadi Haji Mohammad

ini hanya mampu mengutip satu pingat gangsa melalui peserta negara iaitu Awang Mohd. Yunus dan menduduki tangga kelima. Pasukan Malaysia dan Thailand masing-masing menduduki tempat keenam dan ketujuh tanpa memperolehi sebarang pingat di sepanjang kejohanan tersebut.

Terdahulu dari itu beberapa acara berpasukan

lelaki Saber serta acara berpasukan wanita Epee dan Foil telah dilangsungkan di mana dalam perlawanan tersebut bagi acara berpasukan lelaki Saber pingat emas dimenangi oleh Viet Nam, pingat perak, Republik Filipina dan Republik Indonesia memperoleh pingat gangsa.

Acara berpasukan wanita Foil, Republik

Indonesia berjaya meraih pingat emas, manakala Republik Filipina pingat perak dan Viet Nam pingat gangsa. Sementara berpasukan wanita Epee, pingat emas dimenangi oleh Viet Nam, Republik Filipina memperoleh pingat perak dan pingat gangsa dimiliki oleh Republik Indonesia.

Kejohanan Lawan Pedang ASEAN Ketujuh ditutup rasmi oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal.



AKSI mencari sasaran tepat, pemedang Viet Nam ketika bertemu dengan peserta Republik Filipina.



BARISAN WIRA NEGARA ... Memperlihatkan penghormatan mereka selaku tuan rumah di Majlis Penutup Kejohanan Lawan Pedang ASEAN Ketujuh.

Pasukan PPA raih 13 pingat

BERAKAS, 28 Januari. - Pasukan Pejabat Pentadbiran Awam (PPA) Berakas menjuarai keseluruhan Sukan Kementerian Pertahanan Bahagian Awam selepas menggondol 13 pingat keseluruhan di hari terakhir kejohanan tersebut berlangsung di Kompleks Sukan Berakas, di sini.

Pemangku Menteri Pertahanan, Yang Amat

Oleh
Samle Haji Jait

Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith menyampaikan hadiah-hadiah di Majlis Penutupan Sukan berkenaan, petang tadi.

Pasukan PPA Berakas

berjaya mengutip lima pingat emas, tiga perak dan lima gangsa menewaskan pasukan TEMD muncul selaku naib juara selepas mengutip sembilan pingat keseluruhan, sementara PPA Penanjong yang mengutip dua pingat emas, satu perak dan tiga gangsa menduduki di tempat ketiga.

Sebanyak 11 buah

pasukan mengambil bahagian yang mempertandingkan 14 acara dalam dewan dan acara balapan termasuk tarik kalat, dart, sepak takraw, badminton, bola tampar, boling, snuker, bola sepak, futsal, carrom dan ping pong.

Pada perlawanan penutup menyaksikan kemenangan pasukan TEMD C selepas mengalahkan pasukan TEMD B 4 - 2.

Tiket Perlawanan Bola
Sepak Liga Perdana
Malaysia \$10.00 dan \$5.00

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Februari. - Persatuan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (BAFA) memaklumkan bahawa tiket-tiket bagi menyaksikan Perlawanan Bola Sepak Liga Perdana Malaysia akan dijual setiap perlawanan berlangsung bertempat di kawasan Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB) bermula jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 2.00 hingga 5.30 petang, manakala di semua kontena depan dan belakang SNHB juga akan menjual tiket-tiket tersebut bermula 6.00 petang hingga 8.00 malam.

Menurut BAFA tiket bagi tempat duduk berbumbung berharga \$10.00 dan tiket tempat duduk terbuka berharga \$5.00.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Isteri Pesuruhjaya Polis yang menamatkan perkhidmatan, Pengiran Datin Hajah Sarifah dan isteri Pemangku Pesuruhjaya Polis, Dayang Suraiti. Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman.

Berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mesyuarat isteri Pesuruhjaya Polis yang menamatkan perkhidmatan dan isteri Pemangku Pesuruhjaya Polis di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Pengiran Datin

Oleh Samle Hali Jait

Hajah Sarifah binti Pengiran Haji Zaini, isteri Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman, Pesuruhjaya Polis yang telah menamatkan perkhidmatan dan Dayang Suriati binti Haji Morneh, isteri Yang Dimulainya Pehin Dato Kerma Setia Awang Zainuddin, Pemangku Pesuruhjaya Polis yang baru dilantik.

DPMM berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGA-
WAN, 8 Februari. - Duli-
Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran
Muda Mahkota Pengiran
Muda Haji Al-Muhtadee
Billah hari ini berkenan
menerima mengadap dua
perwakilan negara sahabat
yang berlangsung di Istana
Nurul Iman di sini.

Duli Yang Teramat Mulia mula-mula menerima menghadap Pesuruhjaya Tinggi India, Tuan Yang Terutama Butshikan Singh. Tuan Yang Terutama telah menyampaikan watanikan perlantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 4 Februari yang lalu sebagai Pesuruhjaya Tinggi India ke negara ini.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian berkenan

Oleh Haji Ahmad
Haji Salim

menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Abbas Talebifar. Tuan Yang Terutama juga telah menyembahkan watanik perlantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam pada 4 Februari yang lalu.

Hadir sama di majlis itu ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya.



DULI Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi India, Tuan Yang Terutama Butshikan Singh (atas). Sementara gambar bawah, Duli Yang Teramat Mulla berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Abbas Talebifar. - Gambar oleh Haji Ariffin Haji Md. Noor dan Hamadi Haji Mohammad.



Majlis Perjumpaan Penerangan bagi Mukim Kuala Belait

KUALA BELAIT: - Majlis Perjumpaan Penerangan bagi Mukim Kuala Belait anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim Kuala Belait akan diadakan pada hari Ahad, 13 Februari 2005 bermula jam 8.00 pagi bertempat di Dewan Bandaran di sini.

Majlis yang bertemakan 'Pempimpin Menyusuri Mukim' antara lain bertujuan sebagai wadah interaksi dua hala di antara rakyat dan penduduk di mukim tersebut dengan agensi-agensi kerajaan, di samping sebagai pemudah cara untuk menghuraikan kemusykilan dan permasalahan di peringkat akar umbi.

Semasa majlis itu para penduduk Mukim Kuala Belait akan berpeluang mendengar penerangan dan penjelasan oleh wakil agensi-agensi kerajaan yang berkenaan mengenai pelbagai isu yang akan dibangkitkan oleh wakil-wakil dari kampung-kampung di mukim tersebut melalui sesi dialog dan soal jawab.

Majlis Perjumpaan Penerangan akan dihadiri oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri yang juga selaku tetamu kehormat majlis, beberapa orang Setiausaha Tetap dari kementerian-kementerian

berkenaan dan pegawai-pegawai kanan dari agensi-agensi kerajaan yang lain.

Antara yang akan dibangkitkan termasuklah isu pembangunan, infrastruktur dan kemudahan asas seperti jalan raya, air, tanah, elektrik, perumahan, pendidikan, keagamaan, kesihatan dan lain-lain lagi.

i-ahli perniagaan diseru

SERTAI AGENDA PEMBANGUNAN SOSIAL

BERAKAS, 27 Januari. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Diga-dong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyeru masyarakat dan ahli-ahli usaha niaga supaya secara bersepadu hendaklah menyertai sebarang agenda pembangunan sosial terutamanya dalam bidang sosioekonomi demi kepentingan bangsa dan negara.

Oleh
Abdullah Asqar

Menurut Yang Berhormat, dalam era dan arus gelombang universalisme yang penuh mencabar dan terlalu bersaing dan membandingkan saiz kependudukan negara yang kecil, senjata kita yang utama ialah ilmu dan iman selain kekuatan dan keyakinan yang tinggi.

"Kita menyadari persaingan dan cabaran bukanlah penghalang alami dan keazaman untuk maju sebaliknya kedua-dua faktor itu hendaklah dijadikan perangsang untuk mempercepat proses membina dan menjana kehidupan dan pembangunan bangsa dan negara," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata, kita tingkatkan usaha membina suasana aman damai sehingga menciptakan iklim yang membolehkan kita lebih arif dengan jaringan dunia teknologi infokomunikasi dan dapat pula memahami penemuan-penemuan terbaharu hasil daripada keupayaan sains dan teknologi moden.

Beliau berucap demikian di Majlis Pembukaan Rasmi Galeri Patriotisme yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei di Ruang Berlepas Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini.

Yang Berhormat berkata, dalam abad ke-21 ini, mudah-mudahan akan menyaksikan kecemerlangan

peradaban Melayu Brunei, di mana inilah harapan dan keinginan negara, kita tiupkan semangat serta gerakan naluri generasi muda untuk membangun bangsa yang benar-benar tahu akan erti 'mandiri'.

"Janganlah kita wariskan kepada mereka sifat lalai dan laka yang menyebabkan kita tergolong masyarakat 'consumers' yang hanya tahu 'mengguna' tetapi lemah dalam penciptaan serta usang dalam menajua daya kreativiti dan tidak berkemampuan ilmu pengetahuan ke dalam bentuk yang lebih sempurna dan bermakna," tegas Yang Berhormat.

Lebih 20 buah galeri yang terdiri dari beberapa buah syarikat perniagaan dan perusahaan Melayu Brunei menyertai pameran tersebut yang dibuka dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam.

Ia juga mempamerkan kain songket tenunan tangan buatan tempatan, hasil kraf tangan dari perak, perabot rotan dan buluh hasil tempatan, fesyen pakaian rekaan tempatan, fabrik, makanan buatan tempatan dan perkhidmatan pengembaraan tempatan.

Pameran hasil barangan tempatan itu sebagai pertunjukan kepada penduduk di negara ini bahawa barangan Negara Brunei Darussalam setanding kualitinya dengan barangan dari luar negara yang memenuhi pasaran tempatan, namun mungkin harganya sedikit berbeza kerana ia buatan tangan.

Sambungan dari muka I

Kemudian selepas itu konvoi yang membawa bendera bergerak ke daerah-daerah masing-masing yang disertai oleh beberapa buah kereta pacuan empat roda dan Persatuan Kemuda (motorikal) dan juga disertai oleh kenderaan-kenderaan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Kira-kira 1.500 orang para belia dan masyarakat negara ini menyertai Upacara Menaikkan Bendera bagi memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-21 pada tahun ini. Tema Hari Kebangsaan tahun ini ialah Bersepadu Memperkasa Mandiri Bangsa.



کیبرکن بندیرا دغن سماغة قتریوتیک
KIBARKAN BENDERA DENGAN SEMANGAT PATRIOTIK

دربېتکن اوله جېانن فټراښ، جېانن فردان منټري دان دچېتق اوله جېانن فرچېتقن کراچان، جېانن فردان منټري، نگارا برونې دارالسلام.

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba

995

Mencari &
Menyelamat

998

**PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
PENTING**

Air

140

Elektrik

144

Maklumat
Penerbangan

2331747

Pusat Mencari &
Menyelamat
(udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan
Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Penderaan

2338700

2339733

2345050

PADA pagi hari Ahad bertarikh 26 Disember 2004, suatu malapetaka yang amat dahsyat dalam abad ke-21 ini telah melanda dunia Asia dengan amukan badai Tsunami yang membawa ratusan ribu korban manusia dan berbilion-bilion ringgit kemusnahan harta benda. Peristiwa ini telah mengejutkan umat seluruh dunia mengapa kejadian ini berlaku tanpa amaran, sedangkan manusia hari ini juga telah mengukir kehebatan teknologi moden abad ke-21 ini sememangnya luar biasa, tetapi di sebaliknya manusia juga sebagai makhluk pelupa dan lalai akan kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wataala yang menjadikan manusia dan bumi serta semuanya.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah As-Sajdah ayat 7, 8 dan 9 yang tafsirnya: "Yang mencipta (Allah) tiap-tiap sesuatu yang sebaik-baiknya dan dimulakannya kejadian manusia berasal dari tanah. Kemudian Ia menjadikan keturunan manusia itu dari sejenis pati iaitu dari air (benih) yang sedikit dipandang orang. Kemudian Ia menyempurnakan kejadiannya, serta menentukannya roh ciptaan-Nya. Dan Ia mengurniakan penglihatan serta hati (akal fikiran), (supaya kamu bersyukur), tetapi amatlah sedikit kamu bersyukur."

Seterusnya firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Mulk ayat 15 yang tafsirnya: "Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu, mudah digunakan, maka berjalanlah di merata ceruk rantainya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah, dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula. (maka hargailah nikmat-Nya dan takutlah kemurkaan-Nya)."

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Maa'idah ayat 17 yang tafsirnya: "Bagi Allah jualah kuasa pemerintahan langit dan bumi dan barang yang ada di antara keduanya. Dia menjadikan apa jua yang dikehendaki-Nya. Dan (ingatlah) Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu."

Memang tidak dapat dinafikan bagi mereka yang menerima musibah ini adalah suatu yang mencabar ketakwaan mereka dalam beribadat dan meyakini mengenai kewujudan dan kekuasaan Allah Subhanahu Wataala. Seseorang golongan akan ber-

DI SEBALIK AMUKAN BADAI TSUNAMI

OLEH
HAJI SULAIMAN HAJI DURAMAN

tambah pula kekuatan iman dan takwanya kepada Allah Subhanahu Wataala, setengah golongan pula marah kepada Allah Subhanahu Wataala dengan menimbukan perasaan tidak berpuas hati mengapa kami ditakdirkan dan disiksa menerima malapetaka ini, apakah dosa kami?

Sebenarnya bila kita merenung semula firman Allah Subhanahu Wataala di atas tadi sesungguhnya Allah Yang Berkuasa menghidupkan dan mematikan makhluk-Nya bila sahaja dikehendaki-Nya dengan apa cara yang Allah Subhanahu Wataala suka. Mereka yang marah itu adalah digolongkan kepada mereka yang tidak beriman dan bertakwa, mereka lupa mengenai kekuasaan Allah Subhanahu Wataala. Berkali-kali ulama-ulama, cendekiawan-cendekiawan memberitahu kita, manusia tidak akan hidup selamanya. Tetapi kerana kealpaan dan kelalaian dibuai dunia, maka dia telah lupa siapa sebenarnya dirinya.

Amukan badai Tsunami menerjang segelintir manusia hingga membawa kepedihan, kesayuan, tangisan, kehilangan yang dikasihi, adalah suatu yang lum-

rah dibicarakan dan didegar oleh seluruh warga dunia. Tetapi pembicaraan penulis mengenai amukan badai Tsunami ingin mengongsikan pendapat melihat suatu kejadian yang luar biasa seolah-olah kita tidak percaya kebenarannya tetapi peristiwa ini menjadi kenyataan kepada mereka yang mengalaminya. Sebagai contoh peristiwa seorang anak berumur dua bulan yang berada di atas sebuah tilam hanyut oleh badai Tsunami, namun kuasa Allah Subhanahu Wataala anak itu masih hidup. Beberapa orang yang hanyut di tengah laut dalam beberapa hari juga masih dapat hidup dan diselamatkan. Begitu juga dengan seorang mangsa Tsunami tidak mendapat makanan dan minuman dalam beberapa hari masih dapat hidup. Demikian sebahagian keanehan dalam peristiwa amukan badai Tsunami.

Dalam penulisan ini penulis ingin berbicara mengenai 'keberkatan seorang pengasas Islam di Pulau Sumatera iaitu Sultan Malikul Saleh dan sultan-sultan pemerintahan Kerajaan Sumatera masa dahu-lu'. Peristiwa dalam amuk-

an badai Tsunami ini adalah suatu perkara yang di luar pemikiran manusia tetapi kenyataannya benar dan ini diakui oleh mereka yang terlibat dalam menghadapi amukan badai Tsunami. Makam Sultan Malikul Saleh terletak kira-kira 100 meter dari pantai. Diceritakan oleh mereka yang terlibat menghadapi amukan badai Tsunami ketika itu, sebelum amukan badai Tsunami bermaharajalela, lebih 100 orang telah berkumpul di Makam Sultan Malikul Saleh. Ketika amukan badai Tsunami setinggi pokok kelapa namun air tidak pernah mencecah dan menerjang Makam Sultan Malikul Saleh, air hanya berada di persekitaran makam baginda. Manusia yang berlindung di dalam kawasan makam tersebut telah terselamat daripada amukan badai Tsunami. Inilah kejadian yang amat menakjubkan kepada kita yang telah disaksikan dan diceritakan semula oleh mereka yang berlindung di makam tersebut.

Sultan Malikul Saleh adalah Sultan yang pertama memeluk agama Islam dan mengembangkan syiar Islam di Pulau Sumatera. Dalam Hikayat Raja-Raja Pasai telah menceritakan bagaimana Sultan Malikul Saleh membuka Pulau Sumatera dan memeluk agama Islam. Ringkasan ceritanya seperti berikut:

"Tersebut pula perkataan Merah Silu membuat negeri di tempat di mana ia bertemu semut besar. Samudera nama negerinya. Maka masyhurlah Samudera sampai ke Mekah. Syarif Mekah atas perintah Nabi Muhammad, mengutus seorang nakhoda bernama Syekh Ismail bersama-sama dengan Raja Muhammad dari Mengiri pergi ke Samudera. Pada malam itu juga Merah Silu bermimpi bahawa Nabi Muhammad mengunjunginya dan mengajarnya mengucapkan syahadat. Ia diberitahu juga bahawa ia (Merah Silu) akan diangkat menjadi sultan dengan gelaran Malikul Saleh. Pada keesokan harinya Syekh Ismail dan fakir Muhammad pun sampai-lah. Ternyata Merah Silu sudah dapat mengucapkan syahadat dan membaca Al-Quran. Maka Merah Silu pun ditabalkan menjadi raja dengan gelaran Malikul Saleh. Rakyatnya juga semua masuk Islam. Adapun dua orang besar negeri itu masing-masing bergelar Sayid Ali Ghaiful-din dan Sayid Asmayul-din."

(Dr. Liaw Yock Fang, Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik, 1975, halaman 208).

Inilah suatu keberkatan seorang raja Islam yang telah dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wataala

kepada Sultan Malikul Saleh, di saat manusia benar-benar memerlukan pertolongan dan petunjuk daripada Allah Subhanahu Wataala jua. Dalam hal ini janganlah pula disalahertikan keberkatan baginda (kubur keramat) menjadikan manusia atau orang Islam itu menjadi penganut yang sesat bahawa kuburan itulah yang menyelamatkan mereka. Yakini-lah semua itu adalah petunjuk dan kekuasaan Allah Subhanahu Wataala kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya. Peristiwa ini mengingatkan penulis akan cerita Nabi Musa Alaihissalam menentang Firaun (Raja Mesir) iaitu Laut Merah terbelah dua ketika Nabi Musa Alaihissalam melaluinya. Di Laut Merah inilah Firaun mati lemas dan tenggelam ditelan air.

Demikianlah sebuah kisah kejadian yang luar biasa di saat amukan badai Tsunami yang mengerikan dan menakutkan. Manusia hanyalah merancang dalam kehidupan di dunia ini tetapi sebenarnya Allah Subhanahu Wataala yang menentukan semuanya itu. Begitulah terjadinya kepada Kerajaan Saba' sebuah kerajaan yang unggul dan rakyatnya makmur akhirnya kerana kelalaian dan kealpaan manusia, Allah Subhanahu Wataala melenyapkan Kerajaan Saba' dengan sekelip mata sahaja.

Dalam hal ini mari kita renungkan dan amati sedalam-dalamnya firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 30 yang tafsirnya: "Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi. Mereka bertanya (tentang hikmah ketetapan Tuhan itu dengan berkata): Adakah Engkau (ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan menyucikan-Mu? Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya."



AMUKAN badai Tsunami telah mengakibatkan Banda Aceh menjadi padang jarak padang tekukur. - Gambar oleh Pengiran Rafee Pengiran Dato Paduka Haji Metassin.

BERSIKAP TERBUKA :

'Terima pandangan dan nasihat demi kebaikan'



Oleh Sahari Akim

"ADDEENUN nasechah - Agama itu adalah nasihat." (sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam).

Dalam konteks agama Islam, maka semua hukum, peraturan, suruhan, larangan dan pengajarannya sememangnya berupa nasihat yang menyeru manusia agar sentiasa melakukan kebaikan dan melarang dari melakukan sebarang kemungkaran.

Jadi dalam kehidupan selaku umat Islam, kita sentiasa dipandu dengan peringatan dan nasihat bagi mendapatkan kebaikan bukan sahaja untuk kebahagiaan kehidupan di dunia malah kebahagiaan di akhirat nanti.

Secara umumnya, selain dari petunjuk Kitab Suci Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam umat Islam juga mendapat pengajaran dan panduan berkebaikan dari para sahabat Nabi dan para ulama selepasnya.

Kita secara berterusan mendapat nasihat dari ibu bapa, para pemimpin, guru-guru, para ilmuwan dan cendekiawan tidak terkecuali masyarakat umumnya. Kita semua memerlukan nasihat dari orang lain kerana sebagai insan kerdil kita tidak mengetahui dan mahir dalam semua perkara dan urusan.

FOKUS kali ini akan membicarakan mengenai pentingnya 'memberi dan menerima nasihat'. Kita juga akan memfokuskan kepada manfaat nasihat, sikap bersedia menerima nasihat dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

NASIHAT

Sebelum kita membicarakan lebih lanjut mengenai 'nasihat' ini, kita petik dahulu firman Allah Subhanahu Wataala yang

tafsirnya:

"Demi masa, sesungguhnya manusia itu dalam kerugian kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran."

Nasihat-menasihati memang dituntut oleh ajaran Islam. Kita juga sering disarankan untuk ingat-mengingati di antara satu dengan lain. Dalam kehidupan seharian, manusia yang bersikap lemah dan serba kekurangan memerlukan bantuan buah fikiran dan nasihat dari orang lain.

Sedari kecil kita menerima asuhan, bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat dari ibu bapa dan ahli keluarga. Setelah bersekolah kita dididik, dibimbing dan diberi nasihat secara formal oleh guru-guru. Secara lebih luas kita juga menerima pandangan dan nasihat dari pemimpin, ketua, rakan-rakan terdekat dan masyarakat umumnya.

Secara umum nasihat yang baik dan bernas bukan semestinya datang dari mereka yang 'berumur' atau pemimpin masyarakat semata-mata. Adakalanya nasihat yang berguna juga boleh datang dari 'golongan muda' atau orang-orang bawahan.

Biasanya orang yang dapat memberikan nasihat itu ialah orang yang tahu dan memahami kedudukan sesuatu perkara. Seseorang yang arif atau berpengetahuan mengenai sesuatu perkara itu mungkin melalui pengalaman, mempelajarinya secara formal dan seumpamanya.

Pada keadaan-keadaan tertentu atau perkara-perkara khusus seseorang yang memahami sesuatu situasi itu kerana kepakaran, kemahiran dalam bidang tugas masing-masing. Sebagai contoh, para

doktor memanglah memahami mengenai bidang perubatan dan kesihatan, para peguam mengenai perundangan, ahli ekonomi mengenai bidang ekonomi, ulama mengenai hukum dan keagamaan, begitulah seterusnya dalam bidang-bidang lain.

Tidak kurang juga yang berkemahiran mengenai sesuatu bidang melalui pengalaman masing-masing. Sebagai contoh para petani mahir dalam bidang bercucuk tanam, para nelayan bukan sahaja mahir cara-cara menangkap ikan malah tahu di mana lubuk ikan. Begitulah juga dengan hal-hal lain banyak yang didapati melalui pengalaman. Dalam hal ini tetatlah bidalan yang mengatakan 'jahuri jugalah yang mengenal manikam'.

Apa yang patut dilakukan ialah kita harus 'respect' kepada kemahiran dan kebolehan seseorang tanpa mengira statusnya dalam masyarakat. Buah fikiran dan pengetahuan, tunjuk ajar dan nasihat mereka patutlah diambil kira dan diberikan perhatian sewajarnya.

PENGAJARAN

Dalam hal 'nasihat' ini banyak cerita-cerita legenda lama yang terjadi dalam masyarakat orang Melayu. Sebagai contoh legenda Singapura dilanggar ikan todak. Kerana tidak tajam berfikir, betis manusia dijadikan kubu menghadapi serangan todak. Sehingga 'seorang budak pintar' menasihatkan agar batang pisang dijadikan sebagai kubu dan masalah itu dapat diatasi. Tetapi akibatnya budak tersebut bukan pula diberikan sanjungan malah dibunuh kerana takut akan kepintarannya.

Menyebut mengenai 'nasihat' ini, orang Melayu juga terkenal dengan ungkapan-ungkapan dan peri-

bahasa yang berhubung kait dengannya. Kita selalu disarankan supaya menghormati dan meminta nasihat dari orang tua-tua kerana 'mereka lebih dahulu makan garam'. Dari aspek ajaran agama, adat dan budaya 'menghormati dan meminta nasihat dari orang tua' memang digalakkan.

Kita juga biasa mendengar ungkapan 'ketulahan' kerana tidak mendengar nasihat orang tua. Seseorang mendapat musibah atau menghadapi masalah yang disifatkan 'ketulahan' kerana tidak mendengar 'cakap atau nasihat orang tua'.

Satu kisah yang boleh dijadikan pengajaran mengenai 'nasihat' ini ialah kisah Nabi Noh Alai-hissalam bersama umatnya. Nabi Noh mengajak dan menasihatkan umatnya supaya menaiki bahtera untuk menyelamatkan diri dari banjir besar yang akan menimpa.

Sebahagian besar umatnya termasuk ahli keluarganya sendiri tidak menghiraukan malah tidak mempercayai nasihat tersebut. Akhirnya mereka terkurban akibat sifat angkuh dan tidak mahu menerima nasihat.

Banyak pengajaran yang boleh diambil dari kisah-kisah dan ungkapan-ungkapan di atas. Betapa orang yang sombong tidak mahu menerima nasihat itu kurang mendapat berkat dan sering mendapat masalah dan musibah.

Selain dari itu, kita tidak harus memandang rendah akan teguran atau nasihat dari orang bawahan atau orang biasa. Lebih-lebih lagi pada zaman yang serba moden dan canggih ini, banyak perkara yang orang 'muda' lebih tahu dari orang 'dewasa'. Walau bagaimanapun pandangan, nasihat dan restu orang tua masih lagi diperlukan.

PENASIHAT

Disebabkan nasihat itu penting maka para pemimpin masyarakat, golongan korporat, organisasi dan sebagainya memerlukan penasihat. Biasanya penasihat terdiri dari orang yang berilmu, berkepakaran dan berpengetahuan dalam bidang-bidang tertentu.

Penasihat yang dilantik juga lazimnya terdiri dari orang yang berpengalaman luas, bijaksana, berwibawa, berpengaruh dalam masyarakat, berpandangan jauh, adil dan telus. Penasihat berperanan dalam memberikan pandangan, teguran, saranan, di samping dapat mencetuskan wawasan yang berfaedah.

Menyentuh mengenai 'nasihat dan penasihat' ini, ia berhubung kait dengan syura, masayuarah dan perundingan yang setentunya akan mendapat keberkatan. Dalam hal ini ada baiknya kita petik beberapa hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengenainya:

"Sesiapa yang hendak melakukan sesuatu urusan umat Islam hendaklah melakukan syura, nescaya Allah akan memberikan taufik bagi memperelokkan urusan mereka." (Riwayat Al-Tabarani).

"Hendaklah kamu meminta pandangan (bersyura) dari cerdik pandai nescaya akan mendapat petunjuk dan jangan kamu mengingkarinya, nescaya kamu menyesal." (Riwayat Al-Khatib).

"Orang yang diminta nasihatnya (yang diajak bersyura) adalah orang yang dipercayai dan jika ia memberi nasihat maka berikan nasihat yang ia sendiri ingin melaksanakannya untuk dirinya." (Riwayat Al-Tabarani).

Seperti yang dinyatakan di awal tulisan ini, dalam keadaan tertentu

nasihat-nasihat yang baik bukan semestinya didapatkan secara formal dari penasihat-penasihat tetapi ia boleh sahaja didapati melalui orang-orang tertentu atau pandangan orang ramai.

PANDANGAN

Pandangan, teguran dan nasihat datang dari pelbagai pihak dan peringkat dalam masyarakat. Ia diluahkan oleh pemimpin-pemimpin negara, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pemimpin organisasi, pemimpin masyarakat, cendekiawan dan masyarakat umum.

Ia disampaikan melalui pelbagai cara, dari pertuturan dan perbincangan biasa secara formal atau di majlis-majlis termasuk di kedai kopi membawa kepada ucapan-ucapan, syarahan-syarahan, ceramah-ceramah, kaunseling dan seumpamanya.

Dengan kemudahan teknologi infokomunikasi (ICT) yang canggih ketika ini ia disalurkan melalui media-media elektronik dan cetak. Terdapat juga pandangan yang disalurkan melalui penulisan-penulisan berbentuk artikel atau melalui ruangan-ruangan pendapat pembaca yang disiarkan melalui akhbar-akhbar tempatan.

Semua itu patut diberikan perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk diteliti dan seterusnya diambil langkah-langkah perlu bagi menanganinya dan mengatasi sebarang masalah dan kekusutan.

SARANAN

Takaduhong membicarakan perlunya kita

bersikap terbuka dalam menerima pandangan dan nasihat ini maka ada baiknya kita menyorot petikan-petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidiladha pada 10 Zulhijjah 1425/20 Januari 2005 untuk manfaat kita bersama:

"Semua pihak perlu terbuka untuk kebaikan. Nasihat-nasihat yang baik janganlah sewenang-wenangnya ditolak. Lebih-lebih lagi jika nasihat-nasihat itu datangnya daripada sumber rasmi, seperti ucapan-ucapan para pemimpin, khutbah-khutbah, ataupun ia dalam bentuk tulisan dan seumpamanya."

Terdahulu baginda juga bertitah:

"Inilah yang kita inginkan, supaya setiap individu itu mengambil bahagian dalam usaha membina ummah. Janganlah hanya tahu menonton kepincangan-kepincangan yang ada tanpa memberikan reaksi-reaksi positif ke arah penyelesaiannya. Kita mungkin sahaja ada masalah, tetapi - adalah jarang terdapat - masalah yang tidak boleh diselesaikan."

Pada kesimpulannya, dalam membangun bangsa dan negara semua kita perlu mengambil kira setiap pandangan dan fikiran positif untuk kebaikan dan kesejahteraan bersama.

Akhir kata: Bacaan Talkim di pusara membawa mesej bahawa manusia masih memerlukan nasihat hingga ke liang lahad.



KAMPONG Ayer, Negara Brunei Darussalam, sebuah penempatan yang terdiri daripada tujuh buah mukim yang mengandungi 29 buah kampung. Penduduknya pula seramai lebih kurang 19,698 orang yang mendiami lebih kurang 2,391 buah rumah. Ia dilengkapi pelbagai kemudahan awam termasuk bekalan elektrik, bekalan air, sekolah, klinik, balai polis dan balai bomba. Kebanyakan penduduk telah berpindah ke darat sama ada melalui Rancangan Perumahan Negara, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati mahupun mendiami rumah yang mereka beli sendiri. Gambar kiri menunjukkan kerja-kerja pemasangan saluran paip air menyeberangi Sungai Brunei dari Bandar Brunei ke Kampung Ayer yang dilaksanakan dalam awal tahun 1960-an. - Sumber : Abd. Rahim bin Haji Mohd. Noor, Penguasa Kanan Polis, Timbalan Pengarah Gerakan, Ibu Pejabat Polis Gadong, 'Kampung Ayer - Jenayah dan Pencegahan'. Kertas Kerja Seminar Serantau Kampung Ayer - Warisan Hidup : Cabaran dan Kesinambungan anjuran Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam pada 29 - 31 Januari 2005 di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam. (2005 : 1) & State of Brunei Annual Report 1960, Kuala Belait, State of Brunei : The Brunei Press Ltd. (1962 : facing 115).

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI (BAHAGIAN PERLESENAN)

Bahagian III

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR	
		Mendapatkan Lesen kali pertama	Membaharui Lesen
1.	Panggung Wayang (Pawagam)/Tempat Kunjungan dan Hiburan Orang Ramai	30 hari	7 hari
2.	Pasar Raya (Supermarket)	30 hari	7 hari

MEROKOK PERBUATAN SIA-SIA, MERUGIKAN DAN MEMUDARATKAN

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Agama Islam sangat menitikberatkan keselamatan dan kesejahteraan umatnya sesuai dengan makna Islam itu sendiri iaitu agama selamat. Oleh yang demikian, agama Islam tidak mahu umatnya terdedah kepada kerosakan dan kebinasaan, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 195 yang tafsirannya:

"Dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan."

Berdasarkan kejayaan para doktor menyatakan bahawa di antara perkara yang boleh memudaratkan dan membinasakan manusia ialah perbuatan merokok. Merokok membahayakan kesihatan dan merupakan faktor utama yang menyebabkan beberapa penyakit seperti barah paru-paru, barah pangkal tengkorak, barah mulut, barah saluran kencing, stroke, penyakit jantung dan bermacam-macam lagi penyakit. Bagi wanita mengandung yang merokok, kemungkinan besar akan melahirkan anak yang mempunyai kecacatan organ badan, lahir tidak cukup bulan, kurang timbangan berat badan, kurang kecerdasan serta lebih terdedah kepada pelbagai penyakit dan kematian. Doktor Muhammad Ali Albarra seorang pakar kedokteran Islam yang terkenal di bidang ini menegaskan: "Kesan buruk ke atas kesihatan disebabkan merokok sekarang adalah lebih berbahaya daripada penyakit taun, kolera, cacar, penyakit paru-paru dan kusta." Oleh yang demikian, tabiat merokok hendaklah dihentikan demi keselamatan diri sendiri dan juga orang lain.

Ketahui! Dan hendaklah diambil perhatian bahawa rokok itu sangat berbahaya kerana mengandungi banyak bahan kimia yang menjadi racun kepada kesihatan tubuh badan kita. Menurut kajian, telah ditemui bahawa tembakau itu mengandungi 4,000 unsur kimia, di antaranya ialah racun dan lain-lain penyebab barah dan unsur utama tembakau ialah nikotin yang dikatakan racun paling membunuh dan sangat tepatlah ia dikatakan racun, kerana para petani pun menggunakannya untuk membunuh serangga-serangga dan ulat-ulat yang menyerang tanaman mereka.

Menurut pakar negara jiran menyatakan bahawa sembilan puluh sembilan peratus (99 peratus) penagih dadah di negara berkenaan adalah bermula akibat tabiat merokok seawal umur 13 tahun. Dalam hal ini ibu bapa memainkan peranan amat penting bagi memastikan anak-anak mereka tidak menjadi seorang perokok. Ibu bapa yang merokok hendaklah berhenti merokok dan tunjukkanlah tauladan yang baik yang boleh menjadi ikutan kepada anak-anak mereka.

Perbuatan merokok itu adalah perbuatan yang sia-sia dan merugikan, jauh sekali untuk memberi keuntungan. Bahkan ia merupakan perbuatan yang tidak mendatangkan kebaikan dan manfaat kepada manusia dan merupakan suatu pembaziran. Sebagai contoh jika seorang perokok merokok satu kotak sehari dengan harga \$3.00 sekotak, ini berarti ia akan membelanjakan wangnya sebanyak seribu sembilan puluh lima ringgit (\$1,095.00) setahun tanpa nampak faedahnya dan jika tidak bernasib baik akan memudaratkan dirinya kerana ditimpa sakit dan bermacam-macam masalah kesihatan.

Perlu diingat bahawa rokok itu bukan sahaja membahayakan diri perokok itu sendiri tetapi juga orang lain khususnya orang yang berada di sekeliling perokok. Mereka ini dinamakan perokok pasif. Menurut kajian, asap rokok yang tersedut oleh perokok pasif adalah tidak bertapis, mengandungi lebih banyak kimia yang berbahaya iaitu mengandungi tiga kali lebih tar, tiga kali lebih nikotin, lima kali lebih karbon monoksida dan lima puluh kali lebih kimia yang menye-

babkan kanser berbanding dengan asap rokok yang disedut oleh perokok itu sendiri.

Berdasarkan penyelidikan juga mendapati bahawa perokok pasif mempunyai 30 peratus lebih risiko untuk menghadapi penyakit jantung. Seorang wanita yang tidak merokok tetapi tinggal bersama seorang perokok mempunyai 24 peratus lebih risiko bagi menghadapi penyakit kanser paru-paru.

Alangkah zalim dan berdosa umpamanya seorang ayah atau suami yang dipertanggungjawabkan selaku ketua keluarga dan pelindung menjadi punca penyebab berlakunya kemudaratan dan kebinasaan kepada anak dan isteri yang disayangi disebabkan asap rokok yang dihisapnya sendiri.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya: *"Daripada Abi Abas Radiallahuanhu: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Se-seorang itu tidak boleh memudaratkan orang lain yang boleh mengurangkan haknya dan orang yang dimudaratkan itu tidak boleh pula membalasnya dengan kemudaratan."* (Riwayat Al-Imam Ibnu Majah).

Ingatlah wahai kaum Muslimin, sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada berguna, kerana kita tentu sudah maklum akan bahaya rokok itu dari sudut kesihatan dan

syarak. Langkah untuk menyedarkan masyarakat juga telah dibuat seperti pendidikan kesihatan melalui kempen-kempen, forum-forum, ceramah-ceramah, poster-poster dan risalah-risalah. Di samping itu bagi mengelakkan orang ramai dari perbuatan merokok, pihak kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah yang wajar, di antaranya larangan merokok di semua bangunan kerajaan, sekolah-sekolah dan rumah-rumah sakit. Tidak terkecuali di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat baik di dalam bangunan mahupun di kawasan sekitarnya, yang merupakan tempat suci lagi mulia, dan syiar agama Islam di sesebuah negara.

Sedarlah dan ingatlah akan akibat dan bahaya merokok, oleh yang demikian, sama-samalah kita berganding bahu membanteras gejala merokok dari berleluasa dan menguatkan azam dan usaha yang gigih ke arah membendungnya. Semua pihak dan setiap individu adalah memainkan peranan yang penting dalam mengatasi masalah merokok ini bagi menjadikan udara negara kita, udara yang bersih dan bebas dari pencemaran. Sebagai manusia kita sepatutnya berfikir dan membuat pilihan yang betul apakah meneruskan tabiat merokok itu lebih baik daripada berhenti merokok. Tetapi jika melihat kepada akibat yang akan diterima oleh perokok seterusnya bagi

manusia yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wataala akal akan mengambil keputusan berhenti daripada merokok.

Hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi kita akan melangkah ke tahun baru 1426 Hijrah, maka sama-samalah kita merealisasikan makna hijrah itu dengan meninggalkan perbuatan sia-sia kepada perbuatan berfaedah, meninggalkan keburukan kepada melakukan kebaikan, meninggalkan perkara merugikan kepada menguntungkan, dan dari pada merokok kepada tidak merokok, kerana tiada jalan lain jika kita mahu selamat baik di dunia mahupun di akhirat melainkan dengan patuh perintah Allah, menjauhi larangan-Nya dan menerima nasihat yang baik dan membina. Sama-samalah kita berdoa

manusia yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wataala akal akan mengambil keputusan berhenti daripada merokok.


Hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi kita akan melangkah ke tahun baru 1426 Hijrah, maka sama-samalah kita merealisasikan makna hijrah itu dengan meninggalkan perbuatan sia-sia kepada perbuatan berfaedah, meninggalkan keburukan kepada melakukan kebaikan, meninggalkan perkara merugikan kepada menguntungkan, dan dari pada merokok kepada tidak merokok, kerana tiada jalan lain jika kita mahu selamat baik di dunia mahupun di akhirat melainkan dengan patuh perintah Allah, menjauhi larangan-Nya dan menerima nasihat yang baik dan membina. Sama-samalah kita berdoa

manusia yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wataala akal akan mengambil keputusan berhenti daripada merokok.

Hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi kita akan melangkah ke tahun baru 1426 Hijrah, maka sama-samalah kita merealisasikan makna hijrah itu dengan meninggalkan perbuatan sia-sia kepada perbuatan berfaedah, meninggalkan keburukan kepada melakukan kebaikan, meninggalkan perkara merugikan kepada menguntungkan, dan dari pada merokok kepada tidak merokok, kerana tiada jalan lain jika kita mahu selamat baik di dunia mahupun di akhirat melainkan dengan patuh perintah Allah, menjauhi larangan-Nya dan menerima nasihat yang baik dan membina. Sama-samalah kita berdoa

manusia yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wataala akal akan mengambil keputusan berhenti daripada merokok.

Hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi kita akan melangkah ke tahun baru 1426 Hijrah, maka sama-samalah kita merealisasikan makna hijrah itu dengan meninggalkan perbuatan sia-sia kepada perbuatan berfaedah, meninggalkan keburukan kepada melakukan kebaikan, meninggalkan perkara merugikan kepada menguntungkan, dan dari pada merokok kepada tidak merokok, kerana tiada jalan lain jika kita mahu selamat baik di dunia mahupun di akhirat melainkan dengan patuh perintah Allah, menjauhi larangan-Nya dan menerima nasihat yang baik dan membina. Sama-samalah kita berdoa



manusia yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wataala akal akan mengambil keputusan berhenti daripada merokok.

Hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi kita akan melangkah ke tahun baru 1426 Hijrah, maka sama-samalah kita merealisasikan makna hijrah itu dengan meninggalkan perbuatan sia-sia kepada perbuatan berfaedah, meninggalkan keburukan kepada melakukan kebaikan, meninggalkan perkara merugikan kepada menguntungkan, dan dari pada merokok kepada tidak merokok, kerana tiada jalan lain jika kita mahu selamat baik di dunia mahupun di akhirat melainkan dengan patuh perintah Allah, menjauhi larangan-Nya dan menerima nasihat yang baik dan membina. Sama-samalah kita berdoa

manusia yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wataala akal akan mengambil keputusan berhenti daripada merokok.

Hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi kita akan melangkah ke tahun baru 1426 Hijrah, maka sama-samalah kita merealisasikan makna hijrah itu dengan meninggalkan perbuatan sia-sia kepada perbuatan berfaedah, meninggalkan keburukan kepada melakukan kebaikan, meninggalkan perkara merugikan kepada menguntungkan, dan dari pada merokok kepada tidak merokok, kerana tiada jalan lain jika kita mahu selamat baik di dunia mahupun di akhirat melainkan dengan patuh perintah Allah, menjauhi larangan-Nya dan menerima nasihat yang baik dan membina. Sama-samalah kita berdoa

manusia yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wataala akal akan mengambil keputusan berhenti daripada merokok.

Hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi kita akan melangkah ke tahun baru 1426 Hijrah, maka sama-samalah kita merealisasikan makna hijrah itu dengan meninggalkan perbuatan sia-sia kepada perbuatan berfaedah, meninggalkan keburukan kepada melakukan kebaikan, meninggalkan perkara merugikan kepada menguntungkan, dan dari pada merokok kepada tidak merokok, kerana tiada jalan lain jika kita mahu selamat baik di dunia mahupun di akhirat melainkan dengan patuh perintah Allah, menjauhi larangan-Nya dan menerima nasihat yang baik dan membina. Sama-samalah kita berdoa

manusia yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wataala akal akan mengambil keputusan berhenti daripada merokok.

Hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi kita akan melangkah ke tahun baru 1426 Hijrah, maka sama-samalah kita merealisasikan makna hijrah itu dengan meninggalkan perbuatan sia-sia kepada perbuatan berfaedah, meninggalkan keburukan kepada melakukan kebaikan, meninggalkan perkara merugikan kepada menguntungkan, dan dari pada merokok kepada tidak merokok, kerana tiada jalan lain jika kita mahu selamat baik di dunia mahupun di akhirat melainkan dengan patuh perintah Allah, menjauhi larangan-Nya dan menerima nasihat yang baik dan membina. Sama-samalah kita berdoa

manusia yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wataala akal akan mengambil keputusan berhenti daripada merokok.

Hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi kita akan melangkah ke tahun baru 1426 Hijrah, maka sama-samalah kita merealisasikan makna hijrah itu dengan meninggalkan perbuatan sia-sia kepada perbuatan berfaedah, meninggalkan keburukan kepada melakukan kebaikan, meninggalkan perkara merugikan kepada menguntungkan, dan dari pada merokok kepada tidak merokok, kerana tiada jalan lain jika kita mahu selamat baik di dunia mahupun di akhirat melainkan dengan patuh perintah Allah, menjauhi larangan-Nya dan menerima nasihat yang baik dan membina. Sama-samalah kita berdoa

manusia yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wataala akal akan mengambil keputusan berhenti daripada merokok.

Hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi kita akan melangkah ke tahun baru 1426 Hijrah, maka sama-samalah kita merealisasikan makna hijrah itu dengan meninggalkan perbuatan sia-sia kepada perbuatan berfaedah, meninggalkan keburukan kepada melakukan kebaikan, meninggalkan perkara merugikan kepada menguntungkan, dan dari pada merokok kepada tidak merokok, kerana tiada jalan lain jika kita mahu selamat baik di dunia mahupun di akhirat melainkan dengan patuh perintah Allah, menjauhi larangan-Nya dan menerima nasihat yang baik dan membina. Sama-samalah kita berdoa

manusia yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wataala akal akan mengambil keputusan berhenti daripada merokok.

وقت سمبھیت، امساك، شوروق دان ضھر

وقت ۲ سمبھیت، امساك، شوروق دان ضھی باگی دائره برونی دان موارا مولای دری هاری رابو، 29 ذوالحجه، 1425 برسمان دغن 9 قیواری، 2005 هیفک کھاری ثلاث، 6 محرم، 1426 برسمان دغن 15 قیواری، 2005 اداله سقرت دباوه این :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحی	مسیحی
نوالحجه 29 محرم 1426	12.36	3.56	6.33	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	قیواری 9
1	12.36	3.56	6.33	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	10
2	12.36	3.56	6.34	7.45	5.07	5.17	6.36	7.00	11
3	12.36	3.56	6.34	7.45	5.07	5.17	6.36	7.00	12
4	12.36	3.56	6.34	7.45	5.07	5.17	6.35	7.00	13
5	12.36	3.56	6.34	7.45	5.07	5.17	6.35	7.00	14
6	12.36	3.56	6.34	7.45	5.07	5.17	6.35	7.00	15

وقت ۲ سمبھیت باگی دائره توتوغ دتمبه ساتو مینیت دان دائره بلایت دتمبه تیگ مینیت، سمبھیت فرض جمعة دسلوروه نگارا برونی دارالسلام دمولای دری فوکل 12.45 تفھاری.

JALAN RAYA PUN ADA HAK

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

JALAN raya adalah kemudahan awam yang disediakan oleh pihak kerajaan dalam sesebuah negara bagi kegunaan orang ramai untuk berhubung dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain.

Jalan raya disediakan bukan sahaja di bandar-bandar besar atau pekan, malah juga disediakan di luar bandar, di kampung dan desa. Bagi semua pengguna jalan raya kecuali pejalan kaki dan basikal sebahagian negara telah mewajibkan para pengguna seperti kereta dan semua jenisnya seperti bas dan seumpamanya, termasuk motosikal membayar 'road tax' mengikut kadar yang ditentukan oleh kerajaan. Begitu juga hal di Negara Brunei Darussalam. Dengan makna yang lain, jalan raya umumnya adalah hak bersama bukan hak perseorangan atau individu melainkan jalan raya persendirian.

Untuk menjamin jalan raya itu selamat dan selesa digunakan oleh semua pengguna, sama ada kenderaan bermotor atau pejalan kaki, kerajaan telah memperuntukkan peraturan dan undang-undang bagi pengguna jalan raya. Ia hendaklah dipatuhi. Mana-mana pengguna yang menyalahinya akan dikenakan tindakan menurut undang-undang.

Tidak syak lagi bahawa peraturan dan undang-undang tersebut memberi tumpuan keselesaan dan keselamatan kepada semua pengguna jalan raya.

Kecuaian di jalan raya boleh berakhir dengan kematian, selain kecederaan, kerosakan dan kemusnahan kenderaan itu sendiri. Apakah pandangan Islam mengenai jalan raya? Apakah dia hak-hak jalan raya itu?

HAK-HAK JALAN RAYA

Daripada Abu Sa'id Al-Khudri Radiallahuanhu bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang maksudnya:

"Jangan kamu duduk-duduk di jalan-jalan!"

Sahabat bertanya: "Kami susah meninggalkannya dan di sana kami hanya duduk-duduk bercerita."

Baginda bersabda: "Jika itu begitu, apabila kamu pergi juga ke tempat kamu bercerita itu, kamu berikan-

lah hak-hak jalan raya".

Mereka bertanya lagi: "Apakah dia hak-hak jalan raya itu?"

Baginda menjawab: "Memelihara pandangan, membuang yang menyakitkan, menjawab salam dan membuat kebaikan serta menghalang kejahatan." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Hadis di atas melarang perbuatan duduk-duduk di jalan raya sama ada di kawasan lapang di hadapan rumah atau di tepi-tepi jalan. Pengertian hadis di atas juga membawa kepada beberapa etika yang patut diketahui dan diamalkan ketika berada di jalan raya. Etika yang dimaksudkan berdasarkan hadis di atas ialah:

1. MEMELIHARA PANDANGAN

Ibnu Hajar Al-Asqalani Rahimahullah dalam kitab Fath Al-Bari menjelaskan bahawa memelihara pandangan itu ialah menjauhkan pandangan daripada perkara-perkara fitnah dan maksiat seperti menjauhkan pandangan daripada wanita-wanita yang melintasi atau menggunakan jalan raya tersebut kerana mereka juga seperti pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Ini termasuklah mengganggu dan menyakiti mereka.

2. MEMBUANG PERKARA YANG MENYAKITKAN

Dalam perkara ini Ibnu Hajar Al-Asqalani menyatakan yang ertinya:

"Adapun yang dimaksudkan membuang sesuatu yang menyakitkan di jalan raya ialah menjauhkan apa sahaja yang boleh menyakiti pengguna jalan raya seperti tidak berada di jalan raya sehingga menyempitkan (menghalang lalu) orang lain, atau jangan duduk di pintu sehingga boleh mengganggu pengguna jalan raya atau sehinggalah boleh menampakkan aurat keluarganya." Inilah pendapat 'Iyadh. Beliau juga berkata: "Boleh jadi juga yang dimaksudkan dengan membuang yang menyakitkan itu membuang

mana-mana yang menyakitkan atau menghalang yang boleh membawa orang ramai berselisih (bergaduh)."

3. MENJAWAB SALAM

Menjawab salam juga menjadi perkara yang ditekankan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu bagi memuliakan orang-orang yang melintas dan menggunakan jalan raya. Kerana itu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melarang duduk-duduk di jalan raya, dihutari ramai pengguna jalan yang melintasnya dan memberi salam kepadanya, dengan keadaan demikian berkemungkinan dia sendiri tidak dapat menjawab salam tersebut. Jika ini berlaku perbuatan sedemikian akan mendatangkan dosa kerana menjawab salam itu adalah wajib. Dengan pengertian yang lain, mereka dianjurkan berkata-kata dengan baik dan bersopan (beradab) kerana ada kemungkinan para pengguna jalan raya bertanya sesuatu atau ingin memastikan arah jalan yang dimaksudkan.

Menurut Ibnu Hajar Al-Asqalani, perintah menjawab salam itu disyaratkan dengan suara yang nyaring sekira-kira yang boleh didengar ketika memberi salam dan menjawab salam, maka tidak memadai dengan isyarat tangan. Walau bagaimanapun Abu Sa'id dan Ibn Mas'ud Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa ada seorang lelaki telah memberi salam kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ketika Baginda sedang sembahyang dan Baginda menjawabnya dengan isyarat. Berdasarkan riwayat ini adalah harus menjawab salam dengan isyarat berserta perkataan (talaffuz) jika dia tidak mendengar dan dalam keadaan yang berjauhan.

4. MEMBUAT KEBAIKAN SERTA MENCEGAH PERBUATAN MUNGKAR

Dalam perkara membuat kebaikan dan mencegah kemungkaran ini banyak anju-



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail: mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Bilangan 199 Bahagian Pertama

ran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengemudikannya, antaranya Ibnu Hajar Al-Asqalani menyatakan riwayat daripada Abu Zar Radiallahuanhu bahawa membuat kebaikan dan mencegah kemungkaran itu adalah satu sedekah.

Dalam konteks di jalan raya, membuat kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran boleh membawa maksud usaha-usaha pihak berkenaan dalam memastikan keselamatan pengguna jalan raya bagi menyelamatkan nyawa dan harta manusia dari sebarang kemalangan, antaranya:

1. Mengadakan sekatan jalan raya dan pemeriksaan kenderaan daripada sebarang pengubahsuaian yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang.
2. Pemandu juga dikenakan pemeriksaan supaya tidak memandu dalam keadaan mabuk.
3. Pemandu-pemandu juga sentiasa diperingatkan agar mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya termasuk kempen-kempen dan iklan-iklan.
4. Pemandu-pemandu kenderaan dinasihatkan supaya sentiasa mencari langkah dan memastikan keselamatan seperti memakai tali pinggang keledar, memeriksa kenderaan sebelum menggunakannya dan lain-lain supaya pengguna jalan raya benar-benar selamat.

BERSAMBUNG

HIKMAH DI SEBALIK PERISTIWA HIJRAH

ALLAH Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Ali 'Imran ayat 110 yang tafsirnya: "Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi faedah umat manusia, kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik, dan melarang daripada perkara yang salah (buruk lagi keji) serta kamu pula beriman kepada Allah."

Ayat di atas menegaskan bahawa umat Islam adalah umat pilihan dan terbaik, menjadi contoh kepada umat lain, umat yang beriman kepada Allah, melaksanakan makruf, berbuat kebaikan, melakukan kebajikan dan dalam masa yang sama meninggalkan maksiat, mengelakkan kerosakan dan mencegah kemungkaran.

Melalui hijrah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan umat Islam dapat membuktikan dan melaksanakan perutusan ayat-ayat di atas tadi. Tanpa hijrah umat Islam tidak akan menjadi umat mulia, terhormat, maju dan menjadi contoh kepada umat yang lain dalam semua aspek kehidupan seperti yang dituntut oleh Islam.

Di sebalik peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memberikan beberapa pengajaran yang amat berharga dan warisan yang tidak ternilai tingginya kepada umat Islam di dalam usaha mereka untuk melahirkan iaitu negara aman makmur dan mendapat keampunan dari Allah Subhanahu Wataala. Di sini dapatlah kita memperoleh beberapa pengajaran, hikmah di sebalik hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai garis pandu yang amat berguna jika sekiranya kita menjadi seorang pemimpin atau ketua di dalam sesebuah organisasi, supaya ianya lebih mantap dan lebih maju lagi ke hadapan.

Di antara dasar-dasar yang diamalkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam semasa kepimpinannya ialah:

1. Menubuhkan sebuah negara Islam di Madinah dengan menjadikan pentadbirannya adalah berdasarkan ajaran-ajaran Islam.

2. Mempunyai dasar perjuangan yang jelas iaitu menyebarkan ajaran Islam dengan cara dakwah yang berkesan, penuh rahsia, bijaksana dan tepat menentukan sasaran dakwah sehingga tidak boleh dikesan oleh musuh-musuh Islam di mana sahaja mereka berada.

3. Mempunyai rancangan atau program yang praktikal, rapi, berkesan dan sesuai dengan keadaan masa, suasana, tempat dan keadaan setelah dilakukan kajian dan penelitian sesuai untuk dilaksanakan untuk mencapai matlamat, sebagai contoh, sebelum hijrah ke Madinah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam membuat percubaan mengarahkan sebahagian para sahabat berhijrah ke Habsyah dan hijrah ini telah berjaya, mengadakan hubungan dengan orang-orang Madinah, mengadakan Bai'ah Akabah al-Ula dan dituruti dengan Bai'ah Akabah al-Thaniyah, mengadakan sistem usrah di Madinah dan mengarahkan para sahabat agar berhijrah secara rahsia dan seterusnya.

4. Mempunyai pengurusan pentadbiran dan pelaksanaan segala rancangan dan program yang cekap, amanah, jujur dan ikhlas, sanggup berkorban apa sahaja demi untuk menjayakan segala rancangan yang diatur untuk mencapai matlamat hijrah.

5. Menyerahkan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab kepada orang yang paling berkebolehan, berkecekapan, sesuai, tepat dan berwibawa.

Dalam hubungan di sebalik peristiwa hijrah ini, ternyata Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah berazam dan berusaha membawa kita dan Negara Brunei Darussalam untuk menghayatinya. Baginda telah menggariskan falsafah negara berasaskan Melayu Islam Beraja.

Pada 23 Februari 1993 antara lain baginda bertitah:

"Kita tahu, tidak ada undang-undang dan perlembagaan yang lebih benar dan lebih unggul daripada Al-Quran, kerana itu turut menjadi kewajipan kita untuk mengutip mana-mana yang termampu oleh kita melaksanakannya daripada ajaran-ajaran Al-Quran itu. Sebagai misal, kita telah pun melakukan peng-

منوجوكر رمضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان ثوسة دعوه اسلاميه

haraman arak, kerana arak dengan terangnya diharamkan oleh Al-Quran. Begitu juga kita telah menubuhkan institusi-institusi kewangan Islam, kerana di dalam Al-Quran juga ada menyebutkan tentang riba.

Beta penuh yakin dengan berkat kita mengikut dan mematuhi lunas-lunas Al-Quran inilah, negara kita terus maju dan stabil dan bahkan makmur dengan tidak perlu bergantung kepada sumber-sumber yang haram.

Kita akan terus mengekalkan sikap dan pendirian yang baik ini dengan berpandukan moral dan semangat Al-Quran. Kerana sudah sampailah masanya untuk orang-orang Islam itu berbuat sesuatu bukan lagi sekadar meneriakkan slogan-slogan dan cakap-cakap tinggi."

Sempena hari dan saat yang berkat ini marilah kita mempertingkatkan iltizam dengan berusaha dan bertindak secara lebih berkesan untuk menjayakan dan merealisasikan wawasan dan cita-cita baginda yang jelas mengajak kita melakukan hijrah menuju ke arah keredaan Allah Subhanahu Wataala. Marilah kita melakukan hijrah dengan mempertingkatkan ketaatan kita kepada Allah, Rasul dan Ulii-Amri di dalam perkara-perkara yang diredai Allah.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirimmkannya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunet.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

Ada apa dengan azam tahun baru?

BACALAH, kerana membaca itu kunci untuk memperoleh ilmu pengetahuan. Bacalah, kerana orang yang paling rugi di Hari Kiamat ialah orang yang ada peluang untuk mendapat ilmu di dunia, tetapi dia malas untuk mendapatkannya.

Belum lama kita melangkah masuk tahun baru 2005 Masihi. Masih lagi ramai orang di sekeliling kita yang akan memperkatakan mengenai azam tahun baru. Malah, besar kemungkinan kita juga begitu. Mereka memperkatakan mengenai azam untuk memperoleh sesuatu kejayaan dalam tahun tersebut. Setiap orang dengan azamnya tersendiri. Tetapi kenapa mesti menunggu waktu tibanya tahun baru untuk menanamkan azam baru?

Sekarang bila memperkatakan mengenai azam, akan timbul pula persoalan, apakah tahun lepas dan azam itu belum? Malah, sempena tahun baru ada pula yang mengatakan dia berazam untuk menyempurnakan azam tahun lepas yang belum terlaksana. Tetapi hampir atau mungkin lebih 80 peratus belia dan beliawanis kita yang azam mereka itu hanya tinggal nama. Mulut saja kata 'azamku itu ini ini' tetapi usaha untuk menyempurnakan azam itu hangat-hangat tahi ayam. Atau bak kata pepatah, 'cakap tak serupa bukin'.

Tidak salah kita menanamkan azam baru, apatah lagi azam merupakan salah satu ciri untuk memperoleh kejayaan. Tetapi itu cuma salah satu sahaja, bermakna yang mempunyai azam sahaja belum tentu berjaya, kerana ada banyak lagi ciri-ciri lain yang perlu ada untuk berjaya. Sebenarnya, istilah azam tahun baru sepatutnya tidak wujud kerana kita perlu menanamkan sesuatu azam itu pada bila-bila masa sahaja, tidak semestinya pada tahun baru. Kita hendaklah menanamkan azam bila kita berkehendakkan sesuatu untuk diperolehi atau dicapai. Bukannya bila tiba waktu tahun baru, berfikir apa azam baru yang hendak ditanam. Azam apa yang hendak dibuat kita tidak perlu berfikir, kerana ia berdasarkan apa yang kita mahu.

Menurut para pakar motivasi kecemerlangan, kejayaan itu tidak semudah yang dikatakan. Berusaha itu pahit rasanya tetapi manis hasilnya. Yang penting kita perlu 'set'kan dalam minda, apa yang hendak kita capai? Apa yang kita mahu perolehi? Terlebih dahulu sebelum itu, kita kena kenali diri sendiri, cari apa kelebihan kita dan di mana kelebihan kita? Kita dikurniakan kelebihan dan kelemahan. Misalnya, pelajar yang cemerlang dalam bidang sains seharusnya menanamkan azam untuk berjaya dalam bidang itu terlebih dahulu. Kerana jika dia berazam untuk cemerlang dalam bidang lain, mungkin dia akan menemui kesukaran, jika nasibnya baik, dia akan berjaya tetapi jika tidak, berkemungkinan dia akan gagal. Tidak salah menanamkan azam untuk mencapai kejayaan dalam bidang yang lain tetapi adalah lebih baik kita capai terlebih dahulu kejayaan dalam bidang yang kita sendiri mahir dan arif.

Kesimpulannya, capai kecemerlangan itu satu persatu dan jangan menanamkan azam untuk mencapai perkara yang di luar kemahiran atau kelebihan kita, kerana ditakuti nanti ia hanya sia-sia belaka. Jadi tanamlah azam pada bila-bila masa apabila hati kita berkehendakkan sesuatu kejayaan. Apabila tiba tahun baru, tidak semestinya kita mempunyai azam baru, jika pada waktu tibanya tahun baru itu, hati kita tidak berkehendakkan apa-apa jadi kita tidak perlu menanamkan azam.

Sebenarnya jika kita ada azam sahaja adalah masih kurang. Azam perlu diadun dengan ciri-ciri yang lain barulah hasilnya akan membanggakan. Misalnya nasi, jika kita makan nasi putih sahaja setiap hari, akan terasa enaknya? Tentu sekali berbeza rasanya apabila nasi ditambah dengan lauk-pauk dan masakan lain. Begitu juga dengan azam, kita perlu sertai dengan imaginasi dalam minda kita, ada kehendak hati yang kuat, ada hasrat untuk benar-benar mencapai kejayaan tersebut, mempunyai sasaran bagaimana untuk mencapai kejayaan itu, tentukan matlamat kita dengan apa kaedah yang akan digunakan bagi mencapainya dan jadikannya azam kita itu sebagai cita-cita sehingga berjaya memperolehinya.

Akeem HGM.

ASEAN, PENUBUHAN DAN KEAHLIANNYA

HUBUNGAN LUAR ASEAN

DEKLARASI ASEAN Vision 2020 telah mengukuhkan lagi dasar melihat keluar ASEAN dengan memainkan pelbagai peranan dalam masyarakat antarabangsa dan menggariskan kepentingan bersama ASEAN.

ASEAN telah pun berusaha sedaya mungkin untuk membina hubungan kerjasama dalam rantau Asia Pasifik dan akan terus meletakkan pada tahap yang tinggi. Kerjasama dengan negara-negara Asia Timur telah pun dipercepatkan dengan mengadakan dialog tahunan bersama pemimpin-pemimpin ASEAN, China, Jepun dan Republik Korea. Pada tahun 1997, satu kenyataan bersama antara ASEAN dan rakan dialog berkenaan telah ditandatangani yang mana memberikan ASEAN satu rangkaian kerja bagi kerjasama ke arah abad ke-21. Pada bulan November 1999, pemimpin-pemimpin ASEAN, China, Jepun dan Republik Korea mengeluarkan kenyataan bersama mengenai Kerjasama Asia Timur dan menggariskan bidang-bidang kerjasama di kalangan mereka.

Sidang Kemuncak ASEAN tahun 1992 telah memandatkan bahawa ASEAN, sebagai sebahagian daripada kawasan yang semakin saling memerlukan, hendaklah memperluaskan hubungan kerjasamanya dengan rakan-rakan dialognya. Perundingan antara ASEAN dan Rakan Dialognya telah diadakan di peringkat menteri luar secara tahunan. Rakan Dialog ASEAN termasuklah Australia, Kanada, China, Kesatuan Eropah, India, Jepun, Republik Korea, New Zealand, Persekutuan Russia, Amerika Syarikat dan Rancangan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Mantap dengan hasratnya untuk menggalakkan kerjasama dengan rantau yang membangun, ASEAN mengekalkan hubungannya dengan pertubuhan antara kerajaan seperti Pertubuhan Kerjasama Ekonomi, Majlis Kerjasama Teluk, Kumpulan Rio, Pertubuhan Asia Selatan, Rio, Pertubuhan Asia Selatan dan Forum Pasifik Selatan.

Kebanyakan negara-negara anggota ASEAN juga menyertai dengan aktif aktiviti-aktiviti Kerjasama Ekonomi Asia - Pasifik (Asia - Pacific Economic Cooperation, APEC), Mesyuarat Asia-Eropah (Asia-Europe Meeting, ASEM) dan Forum Timur Asia-Amerika Latin, (East Asia - Latin America Forum, EALAF).



Kelolaan Hj. Dayang Hj. Kassim

SIRI AKHIR

STRUKTUR DAN MEKANISME ASEAN

Penentuan keputusan yang tertinggi dalam ASEAN adalah dibuat oleh Ketua-ketua Negara dan Kerajaan negara-negara anggota ASEAN. Sidang Kemuncak ASEAN diadakan pada setiap tahun. Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN (menteri-menteri luar) diadakan juga pada setiap tahun. Mesyuarat menteri-menteri bagi beberapa sektor yang lain juga diadakan, seperti mesyuarat-mesyuarat pertanian dan perhutanan, ekonomi, tenaga, persekitaran, kewangan, penerangan, pelaburan, buruh, undang-undang, jerebu serantau, pembangunan luar bandar, pembanteraan kemiskinan, sains dan teknologi, kesejahteraan sosial, jenayah antara negara, pengangkutan, pelancongan, belia, Majlis AIA dan Majlis AFTA. Mesyuarat-mesyuarat tersebut dibantu oleh 29 jawatankuasa pegawai-pegawai kanan dan 122 kumpulan kerja teknikal.

Untuk membantu pelaksanaan hubungan luar ASEAN, ASEAN telah menubuhkan jawatankuasa yang terdiri daripada ketua-ketua misi diplomatik di ibu negara seperti Brussels, London, Paris, Washington D.C., Tokyo, Canberra, Ottawa, Wellington, Geneva, Seoul, New Delhi, New York, Beijing, Moscow dan Islamabad.

Setiausaha Agung ASEAN adalah dilantik berdasarkan bakti mereka dan diberikan status menteri. Setiausaha Agung ASEAN

yang menyandang jawatan berkenaan bagi tempoh lima tahun, adalah dimandatkan untuk menggalak, menasihati, menyelaras dan melaksanakan aktiviti-aktiviti ASEAN. Tenaga profesionalnya di Sekretariat ASEAN adalah terdiri daripada mereka yang dilantik secara terbuka dan pelawaan terbuka serantau.

ASEAN juga mempunyai beberapa badan dan pengendali khusus yang mempromosikan kerjasama antara kerajaan dalam pelbagai bidang seperti Rangkaian Kerja Universiti ASEAN, Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Pusat Tenaga ASEAN, Pusat Perancangan Pembangunan Pertanian ASEAN, Pusat Maklumat Gempa Bumi ASEAN, Pusat Penyelidikan dan Latihan Ternakan Ayam Itik, Pusat Serantau ASEAN Bagi Pemuliharaan Biodiversiti, Pusat Pembangunan Belia Luar Bandar ASEAN, Pusat Kajiucua Khusus ASEAN, Pusat Maklumat Pelancongan ASEAN dan Pusat Teknologi Kayu Balak ASEAN.

Sebagai tambahan, ASEAN juga mempromosikan aktiviti kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan yang ada hubung kait dengan tujuan dan hasrat ASEAN seperti Dewan Perdagangan dan Perindustrian ASEAN, Forum Perdagangan ASEAN, Persatuan Pelancongan ASEAN, Majlis Petroleum ASEAN, Persatuan Pelaburan-pelaburan ASEAN, Kelab Minyak Sayur ASEAN dan Institut Bagi Kajian Antarabangsa dan Strategik ASEAN. Terdapat juga sebanyak 53 buah pertubuhan bukan kerajaan yang telah bergabung secara rasmi dengan ASEAN.



Kelolaan: Sahari Akim

Kategori Anugerah ICT Brunei (BICTA)

BICARA IT kali ini merupakan sambungan dari siri minggu lepas mengenai Anugerah ICT Brunei (BICTA). Kali ini kita akan membicarakan sinopsis definisi kategori-kategori yang dipertandingkan.

KATEGORI I: PENDIDIKAN DAN LATIHAN

Definisi kategori ini mengenai apa juga aplikasi 'software' atau 'hardware' ke arah meningkatkan program, mengembang, membantu atau mengurus latihan, pengetahuan am, akademik, teknikal, kemahiran vokasional dan pencapaian individu.

Program-program ini digunakan di sekolah, aktiviti prasekolah dan pusat-pusat penjaagaan kanak-kanak, maktab-maktab, universiti-universiti, sekolah terencat akal dan cacat anggota, radio pendidikan dan stesen televisyen, perpustakaan, perusahaan dan muzium.

KATEGORI II: PENJAGAAN KESIHATAN

Definisi kategori ini mengenai apa juga aplikasi 'software' atau 'hardware' yang berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan kepada individu atau komuniti menggunakan sistem penjagaan kesihatan atau oleh para profesional ke arah meningkatkan, mengekalkan, memantau atau memulihkan kesihatan. Penjagaan kesihatan meliputi spektrum yang luas mengenai pemberian perkhidmatan-perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti oleh kumpulan tenaga perubatan.

KATEGORI III: KESELAMATAN

Definisi produk ini mengenai apa juga aplikasi 'software' atau 'hardware' yang berkaitan dengan ketulenan, sistem pengesanan pencerobohan, anti-virus, data atau sistem kawalan.

KATEGORI IV: E-KERAJAAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN

Kategori ini mengenai apa juga aplikasi 'software' atau 'hardware' yang membolehkan transformasi dalaman atau luaran proses bisnes ke arah pemuatan kepada pelanggan berasaskan peluang-peluang pemberian perkhidmatan bagi memenuhi matlamat kerajaan dalam menyediakan keberkesanan dan efisiensi di samping keadilan dan kesaksamaan.

KATEGORI V: APLIKASI INDUSTRI

Definisi kategori ini mengenai apa juga aplikasi 'software' atau 'hardware' yang diperlukan oleh industri bagi membantu mereka dalam meningkatkan penyediaan keupayaan perkhidmatan-perkhidmatan untuk meningkatkan efisiensi dan produktiviti. Beberapa contoh aplikasi seperti: 'Computer Aided Design and Manufacturing (CAD/CAM)', Optimization Devices and Sistem, Process Effectiveness Monitoring Tools'.

KATEGORI VI: BUSNIS

Anugerah ini diberikan kepada calon yang paling inovatif dalam membangunkan aplikasi-aplikasi ICT, penyelesaian dan perisian bagi membantu mempelbagaikan proses perniagaan dalam syarikat (contohnya kewangan, tenaga manusia, perbankan dan lain-lain).

KATEGORI VII: E-PERDAGANGAN

Anugerah ini diberikan kepada calon yang paling inovatif dalam mengembangkan aplikasi-aplikasi ICT, penyelesaian dan perisian bagi sistem-sistem transaksi 'online internet'.

S i B u d i m a n



MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Di Mana Bumi Dipijak Di Situ Langit Dijunjung'. Tarikh tutup 16 Februari 2005.
2. 'Pembangunan Sumber Tenaga Manusia Penting Bagi Kemajuan Negara'. Tarikh tutup 23 Februari 2005.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
emel: pelita@brunet.bn

AMALKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG

MENYEBUT mengenai budaya, umumnya seringkali ditafsirkan sebagai cara hidup. Budaya meliputi tindak-tanduk dan kebiasaan dalam kehidupan seharian. Sesuatu yang diamalkan dan menjadi rutin dalam kehidupan bolehlah dikatakan sebagai budaya. Ia tidak kira sama ada kebiasaan itu positif ataupun negatif. Pada amnya untuk memupuk kebiasaan atau budaya yang positif bukanlah satu jalan yang mudah. Antara budaya positif yang boleh dikatakan sukar untuk dipupuk ialah 'kerja cemerlang'.

Kerja cemerlang ialah cara bekerja yang menitik-beratkan kepada kualiti kerja yang mesti dimiliki oleh semua tingkat pekerja dari buruh hinggalah pegawai dan pengarah dalam sesebuah organisasi. Jika kita semak dalam penentuan prestasi kerja pada setiap

tahun, kerja cemerlang menggariskan banyak aspek. Antaranya kedatanganan. Kedatanganan mesti bersih dan menepati jam yang ditetapkan. Mutu kerja juga dinilai dari aspek kemampuan menyiapkan kerja mengikut masa yang ditetapkan. Sebenarnya secara mudah kerja cemerlang ialah mematuhi peraturan dan arahan ketua. Jika semua pekerja mematuhi arahan dan peraturan bermakna kerja cemerlang telah menjadi budaya mereka.

Seandainya dalam situasi kerja ada pekerja yang selalu lambat datang atau memang sudah menjadi tabiat lambat, suka keluar waktu bekerja, banyak bersembang dari membuat kerja, selalu bertanggut-tanggut dalam menyiapkan kerja, maka itu bermakna budaya kerja cemerlang tidak diamalkan. Dalam masa yang sama juga bererti mereka tidak mematuhi peraturan dan arahan ketua. Jika ini terjadi sudah tentu-

lah organisasi tersebut menghadapi kualiti kerja yang tidak membanggakan. Sudah tentu menjejaskan masa depan organisasi tersebut. Malah tidak hairan kesannya boleh melarat kepada pencapaian negara. Hal ini perlu disedari oleh setiap individu pekerja dalam merentasi hidup bekerja setiap hari. Kita tidak mahu disebabkan oleh sikap beberapa pekerja yang pasif negerai menanggung kerugian.

Menyadari hal tersebut maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengingatkan kita sebagai individu pekerja supaya bertanggungjawab untuk meningkatkan prestasi dan kualiti kerja. Apa yang kita lakukan adalah bergantung kepada niat kita. Kerja cemerlang dapat disamakan seperti berpuasa. Sama ada batal atau tidak puasa kita, hanya diri kita sendiri yang

mengetahui. Kita tidak perlu mengembar-gemburkan diri berpuasa kepada orang ramai. Yang Penting kita tahu tanggungjawab kita wajib berpuasa, apa tuntutan puasa dan kemudian kita pun berusaha menyempurnakan ibadah puasa kita. Jika semangat puasa itu kita amalkan dalam budaya kerja, insya Allah kita akan dapat mencapai budaya kerja yang cemerlang baik dari segi aspek fizikal mahupun aspek spiritual.

Kita bekerja bukan hendak mengampuni. Kita juga bekerja bukan kerana terpaksa dan tidak ada pilihan. Kita bekerja kerana kita mahu bekerja dan kita sudah membuat perjanjian dengan majikan kita. Majikan memberi gaji dan kita memberikan khidmat. Adalah tidak adil jika setiap bulan kita menerima gaji yang penuh sedangkan khidmat yang kita berikan hanya seadanya sahaja. Kata orang 'asal ada' atau 'jangan inda' atau 'asal bebonus'. Kita tidak boleh menyiapkan kerja seadanya atau separuh jalan sahaja. Mahukah kita tinggal di rumah yang siap separuh sahaja setiap hari? Siapakah yang suka dengan kerja yang kurang sempurna?

Dalam membentuk

budaya kerja cemerlang, paradigma individu perlu dikemaskini. Cara berfikir mesti dibetulkan. Satu hal yang mesti diingat, bekerja dalam erti kata yang sebenar ialah tuntutan hidup. Yang dinamakan bekerja ialah mengeluarkan tenaga baik dari segi fikiran mahupun fizikal mengikut tuntutan majikan. Kita 'tidak dinamakan bekerja' jika kita hanya datang ke tempat kerja dan membuat aspek fizikal mahupun aspek spiritual.

Abdul Samat bin Banin,
No. 1, Simpang 255,
Kampung Sungai Tilong,
Jalan Madang, Muara,
BC 3315.
No. k/p : 00-004544

Pekerja cemerlang tunggak kemajuan organisasi

PRODUKTIVITI yang berkualiti adalah hasil kerja yang cemerlang. Untuk meneruskan pengeluaran produktiviti kerja yang berkualiti maka kita hendaklah mengamalkan budaya kerja cemerlang. Seseorang yang boleh dianggap mengamalkan budaya kerja yang cemerlang adalah mereka yang sentiasa mengikut peraturan bekerja yang telah ditetapkan dan sentiasa mendisiplinkan diri ketika bekerja sambil menumpukan perhatian sepenuhnya kepada setiap kerja yang dibuatnya dengan ikhlas, telus, kreatif, jujur dan amanah, di samping tidak mengabaikan suruhan agama.

Mengamalkan budaya sedemikian bukan sahaja akan memberi kepuasan dan manfaat kepada orang ramai yang berkeperluan bahkan membawa berkat kepada kehidupan kita seharian kerana pekerja yang cemerlang adalah pekerja yang bijak mengimbangi urusan duniawi dan ukhrawi.

Pekerja yang cemerlang adalah tunggak kemajuan sesebuah organisasi dan juga sesebuah negara, oleh itu kita rakyat Negara Brunei Darussalam lebih-lebih lagi umat Islam dari semua lapisan dan peringkat bermula dari pemimpin hinggalah yang dipimpin sewajarnya menyedari peranan masing-masing dalam merealisasikan program dan objektif negara terutamanya dalam pembangunan insan yang cemerlang.

Pembangunan insan ke arah mengamalkan budaya kerja cemerlang lebih menjurus kepada pembinaan sahsiah individu Muslim dengan pemantapan akidah, perhiasan akhlak terpuji, pengukuhan ilmu Islam dan semangat patriotisme. Lebih-lebih lagi gelora globalisasi, pasca modenisme dan dunia tanpa sempadan semakin menghempas dunia kini menuntut banyak kesediaan umat Islam melakukan perubahan ke arah kecemerlangan.

Apabila ditinjau di dalam Al-Quran

betapa umat-umat terdahulu telah mengecapi kemajuan dan pembangunan dengan hasil kerja cemerlang yang mengagumkan pada zaman tersebut sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Fajr ayat 7 - 10 yang tafsirnya:

"(Iaitu penduduk Iram yang mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi, yang belum pernah dibangun (suatu kota) seperti itu, di negeri-negeri lain dan kaum Tsamud yang memotong batu-batu besar di lembah (Wadi Qura) tempat tinggalnya. Dan (terhadap) Firaun yang menguasai bangunan-bangunan yang handal dan kukuh." Kita harus mengambil iktibar melalui kejadian tersebut bahawa dengan kerja cemerlang yang dihasilkan oleh kaum terdahulu telah menaikkan martabat mereka kepada umat yang semakin bertamadun dan maju.

Tidak cukup dengan itu sewajarnya kita mencontohi peribadi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengimbu hasil kerja Baginda dalam penyebaran agama Islam. Disebabkan kecemerlangan dari hasil kerja Baginda itu kita dapat menyaksikan teresanya agama Islam dengan amat meluas ke seluruh dunia tanpa alat-alat elektronik yang canggih pada masa itu. Baginda dan generasi selepasnya adalah contoh terbaik untuk diteladani dalam mengamalkan budaya kerja yang cemerlang kerana Baginda berjaya mendidik generasinya dengan tauhid, akhlak, ilmu dan semangat jihad hingga tercipta satu generasi yang berprinsip cemerlang, bertakwa, terbagus peribadi jasmani dan rohaninya serta berdaya juang dalam menyelusuri titian hidup dengan penuh waspada dan yakin dengan jaminan Allah Subhanahu Wataala.

Abdul Rahim bin Raya @ Mohd. Taib,
No. 21 Simpang 51 - 17 - 5, STKRJ,
Kampong Rimba, Gadong, BE 3119.
No. k/p: 00-282578

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Amalkan Budaya Kerja Cemerlang'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Bekerja dengan jujur, amanah dan berdisiplin

ISLAM sangat menghargai budaya kerja cemerlang dalam rangka mewujudkan cita-cita yang luhur sebagai umat yang terbaik. Budaya kerja cemerlang yang didasarkan kepada rasa keimanan dan ketakwaan lebih bermakna dan akan terasa lazatnya apabila secara aktual dimanifestasikan dalam bentuk ibadah atau wujud amal saleh dalam setiap pekerjaan. Budaya kerja cemerlang yang diamalkan sebagai ibadah bukan saja dinikmati hasilnya di dunia malah di akhirat.

Mengamalkan budaya kerja cemerlang wajar dilakukan. Pertama, budaya kerja cemerlang yang mantap mampu merubah pandangan hidup masyarakat terhadap peningkatan kemajuan dan pembangunan mereka dari masa ke semasa dalam menghadapi realiti kehidupan. Kedua, kejayaan mengamalkan budaya kerja cemerlang mempunyai keistimewaan tersendiri sehingga setanding dengan negara-negara yang telah maju. Ketiga, pengalaman budaya kerja cemerlang penting bagi sesebuah bangsa yang ingin menjadi dinamik dan proaktif dengan perubahan globalisasi, namun tetap mempunyai identiti budaya sendiri.

Kecemerlangan tidak datang dengan sendiri. Apa lagi untuk mengamalkan budaya kerja cemerlang. Kecemerlangan wujud hasil daripada usaha yang gigih dan berterusan yang dijalankan dengan penuh iltizam. Hanya insan yang menghargai nilai kerja cemerlang yang akan mampu menghasilkan perkhidmatan yang cemerlang kepada masyarakat.

Pencapaian kecemerlangan kerja sebenarnya merupakan hasil daripada buah tangan manusia yang cemerlang juga. Ini adalah kerana kita yakin hanya insan yang berkualiti (cemerlang) dapat menghasilkan kecemerlangan dalam segala aspek kehidupannya. Walaupun golongan ini tidak ramai, tetapi percayalah dengan kualiti (kecemerlangan) yang mereka miliki, mereka mampu untuk merubah masyarakat dan membina tamadun manusia. Inilah fakta sejarah dalam kehidupan di dunia yang sementara ini. Begitu ramai orang yang dapat merasa kenikmatan hidup akibat wujudnya insan-insan yang berkualiti (cemerlang) di sekitar mereka.

Antara faktor-faktor yang menyumbang ke arah penga-

malan budaya kerja cemerlang ialah penghayatan kepada sifat-sifat murni seperti amanah, sabar, ikhlas, berlapang dada dan sebagainya yang menjadi dasar utama kepada penjiwaan budaya kerja cemerlang. Contoh atau teladan dari orang-orang yang berjaya dengan cemerlang harus menjadi ikutan dan motivasi ke arah mengamalkan budaya kerja cemerlang. Penerbitan buku-buku motivasi adalah salah satu daripada pelbagai pendekatan untuk menjadi seorang pelajar dan pekerja yang bermotivasi dalam usaha mengamalkan budaya kerja yang cemerlang.

Justeru itu penglibatan semua pihak dan setiap lapisan masyarakat bersepakat dan bersatu hati dengan penuh keinsafan, kesungguhan dan keiltizaman yang tinggi dalam mewujudkan amalan budaya kerja cemerlang akan lebih berjaya dicapai.

Namun begitu keberkesanan dan pencapaian budaya kerja cemerlang terletak di tangan individu itu sendiri. Pendisiplinan diri yang konsisten dan terus berusaha meningkatkan kemajuan dapat menjadikan diri mereka sebagai salah seorang dari pencinta budaya kerja cemerlang.

Dengan adanya pengalaman budaya kerja cemerlang akan membolehkan ahli-ahlinya mengenali kekuatan diri sendiri. Ini akan melahirkan generasi yang cemerlang akal budi dan mampu menampilkan model kejayaan masyarakat itu sendiri.

Demikianlah bahawa semangat mengamalkan budaya kerja cemerlang harus menjadi ciri utama agenda pembangunan setiap bangsa di manapun mereka berada. Andainya budaya kerja cemerlang itu dapat diamalkan dan dimanfaatkan secara menyeluruh dan bijaksana, maka bangsa itu akan mengukir sejarah hidup dengan agenda tapak-tapak kerja berprestasi cemerlang yang mampu mencipta pencapaian besar yang cukup bererti bagi bangsa itu dan generasi seterusnya.

Haji Abidin bin Haji Omar @ Umar,
No. 64J, Kampong Bolkiah 'B', BK 1325.
No. k/p : 00-056373

REMAJA

PENGORBANAN BERBAYAR DENGAN KEJAYAAN

BERBAGAI-BAGAI ragam dan reaksi dapat dilihat apabila keputusan peperiksaan G. C. E. 'A' dan 'O' Level dikeluarkan baru-baru ini. Itulah hakikatnya yang sempat kita temui semasa kesibukan pelajar-pelajar kita meneliti dan menyemak keputusan yang dikeluarkan oleh Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan minggu lepas. Setelah berusaha dengan penuh gigih dan dedikasi akhirnya telah membuahkan hasilnya. Namun bagi yang gagal tidak perlu menyerah kalah, muhasabahlah di mana silapnya bila keputusan muncul sedemikian adanya. Sebagai pelajar yang cemerlang kita tidak perlu mengalah, malahan jika bertemu dengan kegagalan jadikanlah sebagai pendorong untuk mencipta kecemerlangan.

Belumlah dikatakan terlambat jika kita selepas ini akan mengubah corak dan pendirian kita terhadap bidang pelajaran. Jangan biarkan masa itu berlalu tanpa adanya sesuatu yang dapat kita jadikan sebagai taruhan untuk meraih yang lebih baik lagi dari apa yang berlaku sekarang. Janganlah kecuai yang sekiranya menjadi punca kegagalan atau 'stigma' dalam meneruskan dunia atau alam persekolahan dan pembelajaran. Bagi mereka yang mencapai kejayaan yang cemerlang hari ini bukan merupakan noktah untuk mencapai kecemerlangan di masa depan.

Kenapa kita mengatakan hari ini sebagai masa depan semua, kerana yang jelasnya ialah dalam usia yang ada ini, kitalah yang

menentukan bagaimana corak kehidupan yang kita mahukan di masa hadapan. Hampir semua para pelajar menginginkan suatu kebaikan yang dapat menjamin kehidupan mereka. Maknanya masa depan yang cemerlang adalah impian semua orang.

Namun tidak banyak yang menyedari betapa hari ini adalah untuk masa hadapan. Misalnya para pelajar yang berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan besar mereka, tentu akan melahirkan daya fikir dan pandangan yang dapat dijadikan aset atau modal untuk berbincang dengan pihak lain. Hari ini yang dilalui oleh para pelajar semua adalah bagaikan acuan yang akan dipamerkan ke khalayak masyarakat kitani di hari muka. Jika acuannya baik dan

OIEH H. A. MANAP

menarik maka kukuhlah dan akan bertambah tenteram lagi suasana dan iklim bermasyarakat. Masyarakat yang terbina dengan ketinggian ilmu pengetahuan akan dapat membantu membina tamadun pembangunan negara dengan lebih baik dan berkesan. Justeru peluang yang ada di negara kita ini merupakan sebaik-baik pelantar untuk meraih dan menimba sebanyak mana ilmu pengetahuan yang ada yang disediakan oleh institusi pengajian tinggi, menengah dan rendah yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Jadinya kayu pengukur yang paling dekat untuk menentukan bagaimana kualiti pendidikan dan pembelajaran yang dicapai adalah berdasarkan keputusan peperiksaan di semua peringkat dan bidang. Apa yang akan kita lihat melalui keputusan tersebut ialah cermin keberkesanan sistem dan juga pengajaran yang telah dibuat di sekolah-sekolah. Kerana itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Pendidikan menyediakan jumlah per-

untukan yang sangat besar bagi memperkembangkan dan meluaskan bidang pendidikan. Usaha ini merupakan penyediaan untuk masa depan negara dan masyarakat yang dibina dengan ketinggian ilmu pengetahuan dan pendidikan yang berguna. Di negara kita jumlah masyarakat pelajar adalah sangat besar bilangannya dari peringkat rendah hinggalah ke peringkat institusi pengajian tinggi. Jumlah ini membuktikan bahawa kadar literasi di negara kita sangat tinggi dan kadar ilterasinya pula mungkin berada di tahap sifar.

Inilah pelaburan terbesar yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ingin melihat rakyat dan penduduk di negara ini merupakan golongan yang berpendidikan dan mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi. Matlamat ini ialah bagi mengimbangi perluasan bidang kepelbagaian ilmu yang semakin berkembang pesat di era globalisasi masa ini. Kepesatan dan evolusi berterusan inilah yang memerlukan setiap individu pelajar agar mampu

setara dan seimbang dengan perubahannya. Keseimbangan yang hanya mampu setara ialah melalui bidang pendidikan yang dijalin dengan pelbagai bidang keilmuan. Itulah yang ada di negara kita ini. Persoalannya sekarang meskipun sebahagian para pelajar menerima keputusan peperiksaan tidak begitu menggalakkan, malahan mungkin di tahap yang tidak lulus, janganlah dijadikan sebagai sebab untuk kita berhenti dari meneruskan kesinambungan proses pencarian ilmu.

'Option' yang ada semakin meluas dari jurusan akademik hingga ke vokasional merupakan keluasan bidang ilmu yang kini semakin mudah diperolehi di negara kita. Bidang perdagangan juga kini mula mendapat perhatian dengan tertubuhnya institusi yang menyediakan jurusan tersebut. Semua ini adalah arus perkembangan dan kemajuan yang lebih kompetitif berbanding beberapa tahun lalu. Jadi terulanglah kepada para pelajar semua untuk menimba ilmu pengetahuan tersebut agar nanti tidak menyesal di hari muka. Selalulah ingat hari ini adalah hari esok untuk semua.

Bas baru Jabatan Bandaran

Oleh
Haji Ahmad
Haji Salim

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 Januari. - Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan kini mempunyai sebuah bas baru yang boleh memuatkan 22 orang penumpang bagi kemudahan dan kegunaan pengangkutan pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan.

Sehubungan dengan itu, Majlis Menepung Tawar Bas Baru tersebut berlangsung hari ini di Rumah Persinggahan Kerajaan di sini. Menepung tawar disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Awang Haji Saji bin Haji Mudin. Bas

baru tersebut berharga \$72,780.00.

Selepas majlis itu, tetamu kehormat dan Pemangku Setiausaha Lembaga Bandaran, Awang Haji Jamaluddin bin OKMD Haji Saman; Pemangku Pegawai Pentadbir, Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Abdul Rahman dan pegawai serta kakitangan jabatan berkenaan dibawa mengelilingi Bandar Seri Begawan menggunakan bas baru tersebut.



PENGERUSI Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Awang Haji Saji menabur bunga rampai ke atas bas baru bagi kegunaan pengangkutan para pegawai dan kakitangan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan. - Gambar oleh Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 26 Januari 2005

Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

ALAI PINTAR



Apakah nama masjid ini?

Md. Nazirul Hazwan bin Juned,
Sekolah Chung Hwa.
Umur : 6 tahun

SOALAN ALAI PINTAR 657

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 657

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 657,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 26 Januari 2005

Mohd. Syazwan bin Saini,
Sekolah Rendah Tungku.
Umur : 10 tahun

Muhammad Faizuddin bin Haji
Jamaluddin,
Sekolah Sinar Matahari.
Umur : 8 tahun



KESEDARAN terhadap pentingnya penjagaan kesihatan di kalangan masyarakat ketika ini sangat menggalakkan apabila pada setiap pagi dan petang, terutama di hujung minggu akan kelihatan orang ramai berduyun-duyun melakukan kegiatan riadah seperti walkaton, berjogging atau bersukan.

Aktiviti seperti ini amat penting dan perlu dilakukan secara tetap bagi mengekalkan tahap kesihatan fizikal, mental dan psikologi seseorang. Para pakar kesihatan sependapat kurang pergerakan badan (exercise) adalah penyebab utama penyakit-penyakit kronik.

Menurut pakar perubatan dan kesihatan kurang pergerakan badan ditambahkan lagi dengan masalah kegemukan akan menyebabkan seseorang mudah ditimpa penyakit jantung koronari, darah tinggi, kencing manis, beberapa penyakit baru dan lain-lain masalah kesihatan.

Banyak kajian menunjukkan kekerapan membuat pergerakan badan boleh melindungi diri kita dari risiko penyakit-penyakit kardiorovaskular iaitu salah satu pembunuh utama di kebanyakan negara membangun, seperti Negara Brunei Darussalam.

Banyak faedah dan manfaat dapat diperolehi dengan melakukan pergerakan badan, iaitu jika selalu dilakukan dalam masa yang panjang, sekurang-kurangnya setengah jam, tiga atau empat kali seminggu dengan inisiatif yang sederhana atau kuat dapat melindungi kita dari risiko penyakit-penyakit seperti menurunkan risiko mati pramasa, membantu mengurangkan berat ba-

Kegiatan pergerakan badan dan bersukan

KEKALKAN TAHAP KESIHATAN DAN KECERGASAN BADAN

dan dan kegemukan, membantu dan memelihara tulang otot dan sendi dalam keadaan sihat, mengurangkan tekanan jiwa dan keresahan.

Dalam melakukan kegiatan fizikal ini terdapat beberapa jenis kegiatan tertentu yang dapat dilakukan secara perlahan atau sederhana dalam masa setengah sehari adalah seperti:

- * Badminton biasa,
- * Menari,
- * Membersihkan jendela,
- * Berbasikal pada per-

mukaan rata,

- * Berjalan cepat pada permukaan rata,

* Aktiviti berkebun seperti menyapu daun, memotong rumput dan menanam bunga,

- * Mencangkul tanah,
- * Berjogging,

* Mengangkat/ mengalihkan perabot yang berat,

- * Bermain golf,
- * Mengecat rumah,
- * Memop lantai,
- * Bermain bola tampar.

Aktiviti lebih kuat pula ialah beberapa kegiatan

seperti dibawah ini;

- * Bermain bola keranjang,
- * Memotong kayu,
- * Berbasikal naik bukit,
- * Memberus lantai,
- * Bermain bola sepak dan
- * Berenang.

Bersenam atau kegiatan fizikal sepatutnya tidak menyebabkan seseorang itu merasa terlalu letih sebaliknya penting menyesuaikan diri pada kegiatan fizikal yang dilakukan.

Denyutan jantung adalah satu sukatan yang baik bagi mengetahui kecergasan (cardiovascular fitness) iaitu keupayaan jantung, paru-paru dan saluran darah untuk menyam-paikan oksigen pada keseluruhan badan semasa melakukan kegiatan fizikal.

Menepati sasaran denyutan jantung semasa dan selepas bersenam atau melakukan kegiatan fizikal adalah salah satu cara yang baik bagi memantau keadaan kecergasan tubuh badan. Tahap denyutan jantung perlu dikekalkan perpatutan dengan umur semasa



BERMAIN bola sepak yang menjadi permainan yang diminati ramai adalah aktiviti sukan melalui pergerakan yang lebih kuat.

melakukan kegiatan fizikal yang kuat.

Berdasarkan kepada kesedaran penjagaan kesihatan ini amat penting, beberapa program atau kegiatan penjagaan kesihatan telah dianjurkan banyak pihak termasuk sektor kerajaan dan swasta. Aktiviti walkaton umpamanya, pihak melalui kementerian-kementerian telah berjaya menyelenggarakan secara bergilir-gilir sejak beberapa tahun

kebelakangan.

Penyertaan melalui aktiviti tersebut telah mendapat sambutan dan sokongan dari semua golongan masyarakat. Di samping usaha kerajaan, beberapa pihak dan organisasi juga mencontohi kegiatan itu dengan menggabungkan kegiatan amal seperti walkaton amal bagi tabung gempa bumi di Iran, walkaton amal tabung bantuan Afghanistan, Palestin dan yang terkini ialah

BERSENAM adalah kegiatan fizikal yang mudah bagi kesihatan semua peringkat.

walkaton bagi Tabung Bantuan Mangsa Bencana Tsunami.

Secara tidak langsung kegiatan pergerakan badan ini bukan saja ditumpukan bagi penjagaan kesihatan, malahan juga menyumbang kepada kegiatan masyarakat untuk meningkatkan amal sambil beriadah.

Begitu juga di peringkat sekolah, tidak ketinggalan dengan banyak aktiviti dan kegiatan bersukan dilaksanakan termasuk mengadakan pertandingan dan kejohanan sukan untuk menjadikan para murid dan penuntut sentiasa aktif dan cergas sepanjang masa.

Bagaimanapun dalam keghairahan untuk melakukan aktiviti pergerakan badan atau kegiatan bersukan ini perlulah mendapatkan nasihat daripada doktor jika seseorang itu belum pernah melakukan kegiatan bersenam atau bersukan.

Selain daripada itu, mereka yang mempunyai penyakit-penyakit jantung, darah tinggi, asma, sakit dada, pitam, pening, sesak nafas, penyakit endiu dan tulang juga perlu mendapatkan nasihat daripada doktor sebelum melakukan kegiatan bersukan.

Dengan demikian, bersenam atau bersukan perlulah dijadikan sebagai amalan harian yang berterusan ke arah mengekalkan tahap kesihatan dan kecergasan selain meng-hindarkan penyakit.



SUKAN badminton merupakan kegiatan yang boleh dilakukan secara perlahan atau sederhana.



BERBASIKAL pada permukaan rata juga merupakan kegiatan yang boleh dilakukan secara perlahan atau sederhana.

Ibadah Korban ... Ibadah Korban ... Ibadah Korban ...



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain mengagihkan daging korban kepada seorang yang berhak menerimanya. - Gambar oleh Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair yang juga selaku Pengerusi RBA mengagihkan daging korban kepada seorang penerima. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

RBA adakan Majlis Korban

BERAKAS, 24 Januari. - Dalam sama-sama merebut ganjaran pahala dan rahsia kebaikan melaksanakan ibadah korban Jabatan Mufti Kerajaan dengan gabungan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) hari ini mengadakan Majlis Kesyukuran kerana sempurnanya ibadah korban.

Majlis yang berlangsung di Surau RBA di Jalan Terunjing bermula dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah seterusnya diikuti bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan ceramah yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Penyelidik Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Mazana bin Haji Yusof.

Dalam majlis itu sebanyak tiga ekor kerbau, seekor sapi dan lapan ekor kambing telah dikorbankan.

Majlis tersebut dihadiri Setiausaha Tetap oleh Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair yang juga selaku Pengerusi RBA; Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili beserta Pengarah-pengarah,

Oleh
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai serta kakitangan kedua-dua organisasi berkenaan.

Sebahagian daging-daging korban tersebut telah diagihkan kepada

fakir miskin melalui ketua-ketua kampung yang dipilih sebelum diagih-agihkan kepada yang hadir di majlis tersebut.

Majlis yang diungkayahkan oleh dua organisasi yang berbeza itu merupakan suatu langkah ke arah kerjasama dan kesepakatan yang lebih bermakna.

Kementerian Pendidikan berkorban empat ekor sapi

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 Januari. - Ibadah korban yang disunatkan setiap menjelang Hari Raya Aidiladha dan diikuti dengan tiga hari selepas itu (hari Tasyrik) terus dijalankan di negara ini bagi sama-sama mendapat pahala dan ganjaran yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wataala di akhirat nanti.

Antara pegawai dan kakitangan kementerian yang mengerjakan ibadah tersebut ialah Kementerian Pendidikan dengan mengorbankan empat ekor sapi dan dua ekor kambing yang dilangsungkan di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di sini.

Mengagih-agihkan da-

Oleh Abu Bakar Haji Abdul Rahman

ging-daging korban itu ialah Setiausaha Tetap kementerian berkenaan Dato Paduka Sheikh Haji Adnan.

Majlis yang dikendalikan oleh Jabatan Sekolah-Sekolah itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatiha beramai-ramai yang kemudiannya disusuli dengan bacaan doa selamat.

Sementara awal di sebelah pagi Majlis Ibadah Korban dan Akikah juga telah diadakan bagi Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) yang berlangsung di

Pelbagai pihak adakan Majlis Ibadah Korban

Oleh
Abdullah Asgar

BERAKAS, 22 Januari. - Sambutan Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Korban terus dijalankan oleh umat Islam untuk sama-sama mendapatkan pahala yang dijanjikan oleh Allah bagi setiap binatang korban yang dikorbankan.

Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Korban dengan mengagihkan daging-daging korban terdiri 11 ekor kambing, dua ekor lembu dan sembilan ekor kerbau kepada 80 orang yang berhak menerimanya serta kepada pegawai dan kakitangan di kementerian itu.

Majlis tersebut berlangsung di kawasan bangunan kementerian berkenaan dengan dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain.

Sementara itu, pada Jumaat lepas Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) juga mengadakan sambutan yang sama dengan mengorbankan tiga ekor lembu dan mengagihkan daging-daging korban kepada 140 orang yang berhak menerimanya terdiri para pegawai, kakitangan dan pemegang akaun di bank berkenaan.

Hadir bagi meng-



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan mengagihkan daging korban kepada seorang kakitangan Jabatan Perdana Menteri. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.



agihkan daging-daging korban itu ialah ahli-ahli Lembaga Pengarah IDBB antaranya Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Dato Paduka Haji Matnor dan Dato Paduka Awang Haji Danial.

Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada 24 Januari lalu juga mengadakan Majlis Korban dan Akikah sempena sambutan Hari Raya Aidiladha dengan mengorbankan tujuh ekor lembu dan lima ekor kambing.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi mengagihkan daging-daging korban kepada penerima ialah Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman.

Tahun ini seramai 40 orang menyertai ibadah korban terdiri pegawai dan kakitangan UBD dan para jemaah Masjid UBD, manakala tujuh orang membuat akikah.

Sementara itu Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan di bawahnya pada 23 Januari lalu juga mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena sempurnanya penyembe-

lihan ibadah korban di Bangunan Darulifta, Jabatan Mufti Kerajaan di sini.

Sembilan ekor lembu disembelih sebagai ibadah korban daripada 57 kakitangan JPM dan pihak lain.

Hadir mengagihkan daging-daging korban kepada fakir miskin melalui ketua kampung yang dipilih ialah Pemangku

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan.

Majlis keagamaan itu diteruskan dengan ceramah mengenai ibadah korban yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Istimbath, Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Japar bin Haji Maidin.



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman mengagihkan daging korban kepada seorang yang berhak menerimanya. - Gambar oleh Haji Masmaleh H. Mohd. Ali.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايي

Tiada Kesepakatan Dalam Menanggapi Teori Sastera Islam

PENGENALAN

PERSOALAN Islam telah menjadi isu yang sering dibincangkan sehingga kini walaupun persoalan ini pernah dicituskan pada awal tahun 1970-an. Polemik persoalan ini semakin memuncak apabila terdapatnya berbagai-bagai pendapat yang telah dikemukakan oleh para cendekiawan, sasterawan dan ilmuwan. Namun sebelum membincangkan pendapat-pendapat yang dikemukakan itu, dinyatakan dahulu pengertian atau definisi teori dan sastera Islam bagi memudahkan untuk memahami atau menanggapi atau menilai apa sebenarnya teori sastera Islam itu.

DEFINISI TEORI DAN SASTERA ISLAM

Menurut Kamus Dewan, teori ialah pendapat (bersifat pandangan yang tidak dapat dibuktikan dengan kukuhnya) yang dikemukakan untuk menerangkan sesuatu perkara dan lain-lain, prinsip-prinsip am atau asas-asas kasar yang menjadi dasar pembentukan (perkembangan) sesuatu pengetahuan dan asas atau dasar (bukan amalan atau apa yang biasanya berlaku). Dengan kata lain, sesuatu teori itu akan berubah-ubah dari masa ke semasa bergantung kepada dapatan-dapatan dan bukti terbaru.

Definisi sastera Islam menurut Muhammad Uthman El-Muhammady, ialah sastera pendidikan yang mengarah segala potensi kepada ketakwaan dan mempertingkatkan konsep kemanusiaan sejagat yang tidak dibatasi oleh ruang, tempat dan masa dengan mencontohi sifat-sifat insan al-kamil. Selain itu, menurut Shafie Abu Bakar ialah sastera yang dihasilkan oleh orang-orang Islam mengenai sebarang tema menurut nilai-nilai keislaman. Manakala, menurut Rahman Shaari, sastera Islam ialah sastera yang mengambil Islam sebagai jalan penyelesaian segala persoalan. Sementara menurut Profesor Tahar Hussein, sastera Islam ialah sastera yang bergerak berdasarkan kepada kebenaran, keindahan, kebaikan dan kemuliaan.

Justeru disebabkan definisi atau takrif sastera Islam itu berbeza-beza, maka terdapat tiga golongan telah mengkategorikan sesebuah karya itu dapat dianggap sebagai sastera Islam atau tidak:

1. Golongan pertama melihat dari sudut karya itu semata-mata.
2. Golongan kedua melihat kedua-duanya sekali iaitu pengarang dan juga karya.
3. Golongan ketiga melihat dari sudut pembaca. Dengan kata, kesan yang ditinggalkan oleh hasil sastera kepada pembaca.

CIRI-CIRI SASTERA ISLAM

Untuk mengenal pasti bagaimana ataupun ciri-ciri sesebuah karya itu boleh dianggap sebagai sastera Islam atau tidak. Banyak pendapat telah dikemukakan oleh para cendekiawan, sasterawan dan ilmuwan mengenai persoalan ini tetapi hanya lima pendapat sahaja yang akan dirujuk untuk melihat pandangan dan penilaian mereka mengenai teori sastera Islam itu:

Pendapat pertama iaitu Mohamed Pitchay Gani bin Mohamed Abdul Aziz. Beliau menjelaskan kesusasteraan Islam secara umum dianggap sebagai bertunjangan ibadah berdasarkan makna horizontal dan vertikal yang berintikan konsep mistik dan realiti. Menurutnya lagi, kesusasteraan Islam boleh dicapai melalui tiga unsur iaitu:

- i. Pencapaian spiritual.
 - ii. Objek yang mampu dihasilkan.
 - iii. Pencapaian spiritual pembaca, penikmat dan pengguna.
- Pencapaian spiritual merujuk kepada kemampuan penulis mengilhamkan idea berteraskan hubungan dengan kebesaran penciptanya. Idea ini pula dimanifestasikan dalam bentuk wujud yang boleh merealisasikan idea tersebut. Idea ini pula mampu dinikmati oleh pembaca dengan menyedari kebesaran dan keagungan penciptanya iaitu Allah. Kesedaran ini kemudiannya diaplikasikan untuk kebaikan masyarakat umumnya.

Bagi menghasilkan konsep kesusasteraan Islam, beliau telah merumuskan beberapa ciri bagi sastera Islam seperti berikut:

- i. Menggambarkan cita-cita keislaman.
- ii. Mempertingkatkan peradaban sesuatu umat.
- iii. Dijalankan kerana Allah dan hikmahnya adalah untuk manusia.
- iv. Keindahan sebagai keperluan memupuk kebenaran hakiki atau hak.
- v. Sentiasa me-

ngatakan kebenaran dan amanah serta menjauhi fitnah dan propaganda.

vi. Mengandung unsur-unsur tauhid yang meningkatkan keimanan, ketakwaan dan amal salih.

Maka kesusasteraan Islam itu, menurut beliau lagi boleh dibahagikan kepada dua iaitu:

i. Sastera Islam iaitu merujuk kepada semua bahan kesusasteraan yang dihasilkan oleh penulis beragama Islam dalam menyedarkan masyarakat pembaca mengenai kebesaran Tuhan dan muhasabah diri (tasawuf) ataupun menyedarkan manusia tentang tanggungjawab mereka sebagai Khalifah di bumi dan hamba Allah dalam merealisasikan fitrah kewujudan mereka di bumi Allah.

ii. Sastera bersumberkan Islam pula merujuk kepada sebarang jenis kesusasteraan yang ditulis untuk menjelaskan konsep agama Islam itu sendiri misalnya hukum, rukun dan sejarah ataupun mengaplikasikan ilmu Islam dalam penulisan. Penulis tidak semestinya beragama Islam tetapi harus mempunyai ilmu mengenai agama Islam. Karya yang dihasilkan lebih merujuk kepada pembaca yang ingin mengetahui gagasan ajaran Islam atau perkembangannya.

Dengan kata lain, sastera Islam berteraskan ibadat kerana ciri jati diri Muslim penulis dan motif penulisan. Namun demikian, sastera bersumberkan Islam boleh diklasifikasikan sebagai sastera Islam sekiranya ia ditulis oleh seorang Muslim dengan motif ibadat. Justeru itu, genre kesusasteraan yang dihasilkan itu merupakan manifestasi tiga jenis makna seperti berikut:

- i. Makna vertikal merujuk kepada karya-karya yang bersifat merealisasikan kebesaran Tuhan melalui doa dan muhasabah diri penulis.
- ii. Makna horizontal merujuk kepada karya-karya yang cenderung kepada realiti fizikal atas alam nyata. Ia boleh dialami oleh penulis dan pembaca tanpa memerlukan penilaian fahaman.
- iii. Makna tidak horizontal merujuk kepada karya-karya yang sekular dan moden (tidak menekankan unsur agama).

Oleh yang demikian, makna di atas ini diperlukan bagi membezakan antara sastera Islam dengan sastera bersumberkan Islam. Sastera Islam sebenarnya lebih bersifat mistik yang direalisasikan dalam

bentuk realiti. Manakala sastera bersumberkan Islam tidak memerlukan kerana ia lebih bersifat aplikasi dalam bentuk yang boleh difahami pembaca secara langsung. Dengan kata lain, dasar vertikal dan horizontal itu adalah bertujuan kritikan dan penilaian berdasarkan konsep mistik dan realiti.

Pendapat kedua iaitu S. Othman Kelantan. Beliau menjelaskan konsep kesusasteraan Islam sebagai satu bentuk kesusasteraan dalam media bahasa yang bertulis dan menggambarkan cita-cita keislaman sebagai visi, menerapkan pengajaran Al-Quran, Al-Hadis dan Sunnah Rasulullah yang menjalankan kemurnian cita-cita dan pengajaran Islam sebagai hasil interpretasi daripada Al-Quran dan Al-Hadis. Beliau telah menggariskan lapan ciri kesusasteraan Islam iaitu:

- i. Memancarkan ilmu pengetahuan secara akhlah, menjelaskan ketinggian budi dan penggunaan akal. Ini bertepatan dengan anjuran Al-Quran dan Al-Hadis.
- ii. Memancarkan nur keimanan yang membearangkan berbuat kebajikan kepada makhluk manusia dan menjelaskan kasih sayang secara umum terhadap semua makhluk.
- iii. Lebih menekankan keilmuan daripada hanya mempermainkan kata-kata yang semata-mata berteraskan 'mazhab perasaan'.

iv. Menerapkan keindahan alam ke dalam karya bersama-sama gambaran membesarkan kuasa Allah, mensyukuri kejadian dan takdir Allah dan mencintainya iaitu gambaran keperibadian Muslim.

v. Memancarkan kebenaran fitrah atau dhamir yang memperlihatkan Al-Din dan nau'al insan secara yang sebenarnya.

vi. Memancarkan sifat tauhid dalam semua aspek kehidupan dengan makna mencari perdamaian, perpaduan, persatuan dan muhibah zati iaitu berkekalan.

vii. Memancarkan sifat mukalaf iaitu sifat bertanggungjawab atas semua tugas dan membina semangat untuk berbakti terhadap agama, bangsa dan tanah air.

viii. Memancarkan sifat dan sikap kesyukuran, di samping bertawakal kepada Allah dalam rupa ikhtiar dan berfikir secara halal yakni bebas dalam lingkungan kemanusiaan.

Oleh yang demikian, menurutnya lagi, suatu karya kreatif itu mestilah menggambarkan keindahan

an, kebenaran dan kebaikan. Karya kreatif mestilah dicipta oleh manusia (Islam) menurut apa yang ditentukan oleh Allah. Pencipta sastera Islam mesti dapat menguasai nafsu supaya kemajuan tamadun manusia dapat dicapai. Sastera dalam Islam, katanya, adalah hasil pancaran batin manusia yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai tauhid. Justeru itu, karya-karya seperti Salina, Sungsai Mengalir Lesu, Rantau Sepanjang Jalan, Keluarga Gerilya dan sebagainya didapati amat bercanggah dengan nilai-nilai Islam dan tidak dapat digolongkan sebagai sastera Islam. Menurut beliau lagi, penulisan sastera Islam itu ditulis dengan tujuan (niat) yang betul. Ia mestilah semata-mata tidak mementingkan keuntungan dan faedah material atau ekonomi sahaja sehingga sanggup mengorbankan nilai-nilai Islam yang positif.

Pendapat ketiga iaitu Pehin Yahya M. S. Beliau telah menegaskan bahawa sastera Islam adalah sastera yang 'committed' atau sastera 'engaged' yang mengungkapkan keseluruhan gambaran di dalamnya dari pandangan Islam. Dengan itu, beliau telah menggariskan empat prinsip utama yang mendasari sastera Islam iaitu:

i. Sastera Islam terbentuk dengan niat yang jelas, yang baik dan tulus ikhlas untuk kebajikan manusia dalam memperteguhkan ketauhidan dan hubungan dengan Tuhannya. Dengan kata lain sastera itu melambangkan ketauhidan tetapi juga membawa perutusan keimanan dan pendakwah-an.

ii. Sastera Islam adalah sastera yang dihasilkan oleh penulis yang beriman dan beramal salih, yang mendasarkan hasil-hasil penulisan kepada keimanan tulennya dan menjadikan Al-Quran dan Al-Hadis sebagai sumbernya yang utama dan dasar.

iii. Sastera Islam bersifat pendakwaan yang tercipta untuk menjadi perantara yang dapat mengingati, mensyukuri dan menginsafi keagungan Allah.

iv. Sastera Islam itu memiliki teras kebajikan. Bermaksud bahawa ia tercipta untuk tujuan-tujuan membawa kebaikan dan keindahan serta kesempurnaan.

Selain itu, Pehin Yahya M. S. juga mengatakan bahawa karya sastera Islam tidak mengandungi atau membayangkan fahaman bukan Islam yang antara lain berupa:

OLEH P. H. MAHANI

- * Fahaman ateisme.
- * Fahaman-fahaman dari Barat seperti realisme materialistik, sosialisme dan eksistensialisme.
- * Fahaman-fahaman penulis Kristian misalnya bahawa tindakan manusia bertolak daripada pemberian dosa.
- * Fahaman Hindu dan Barat bahawa hidup adalah tragedi.
- * Fahaman Bathiniyah
- * Fahaman yang membenarkan 'penyerupaan' atau 'pengjasaran' tuhan.
- * Kefahaman tohor tentang agama Islam.

Oleh yang demikian, menurut beliau lagi, karya sastera biasanya yang menganjurkan, mengajak, mempunyai perutusan untuk kebaikan manusia sejagat. Justeru itu, beliau menolak karya sastera Islam yang hanya mengajak manusia berbuat kebaikan dengan alasan karya sastera bukan Islam pun boleh dimasukkan sebagai karya Islam jika sastera Islam mempunyai takrif yang demikian. Dengan itu, beliau juga menekankan, selain mengajak kepada kebaikan, karya sastera Islam mesti menjelaskan bahawa manusia itu berjuang dengan panduan dengan tujuan yang satu iaitu mencapai keredaan Allah. Jadi kandungan sastera Islam mestilah:

- * Mengajak khalayak beribadat kepada Allah Subhanahu Wataala bermal salih dan mengingat Allah Subhanahu Wataala dalam setiap masa dan pekerjaan.
- * Mengakui kebesaran Allah Subhanahu Wataala.
- * Mengajak manusia kepada jalan atau fahaman yang berlandaskan akidah tauhid.
- * Mengajak manusia terus berjuang menghadapi dugaan hidup dengan iman yang berpancukan ajaran Islam.
- * Menyedarkan manusia bahawa mereka tidak bebas daripada perhitungan Allah Subhanahu Wataala di akhirat nanti.
- * Tidak mengandungi ania dengan pengertian tidak menggunakan hasil karya untuk berbuat ania.

Pendapat keempat ialah Kassim Ahmad. Beliau telah menafsirkan sastera Islam ialah sastera yang diciptakan oleh manusia dengan menggunakan bahasa dan mengandungi keindahan, kebenaran dan kebaikan mengikut estetika Islam untuk manusia. Justeru itu, beliau menolak karangan-karangan sastera

yang dihasilkan oleh orang-orang yang beragama Islam boleh bertentangan dengan prinsip-prinsip estetika Islam. Definisi ini lebih jelas kerana karya yang dihasilkan itu penulisnya tidak semestinya beragama Islam asalkan perbuatan dan fikiranannya cukup dengan ajaran-ajaran Islam maka bolehlah dikatakan sastera Islam. Contohnya, Raja Negus Abyssinia seorang Kristian yang telah melindungi pelarian-pelarian Islam; isteri Firaun yang disebutkan di dalam Al-Quran dan golongan hanif yang wujud di Tanah Arab sebelum Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam menerima wahyu.

Menurutnya lagi, definisi yang dikemukakan olehnya ini hampir sama semangatnya dengan definisi yang diberikan oleh Muhammad Quth yang merujuk sastera Islam:

"Seni yang menggambarkan kewujudan mengikut pandangan dunia Islam. Ia merupakan ungkapan-ungkapan yang indah tentang alam, kehidupan dan insan mengikut pandangan dunia Islam ... Seni sastera Islam ialah seni yang menggambarkan pertemuan yang sempurna di antara keindahan dan kebenaran."

Dengan itu beliau telah menekankan bahawa konsep yang utama di dalam estetika ialah keindahan. Kekaguman dan keinginan manusia kepada keindahan yang menjadi sumber, ilham dan asas kegiatan-kegiatan seni manusia. Keindahan itu datanginya tidak lain ialah salah satu daripada sifat-sifat Tuhan dan fitrah manusia. Dengan demikian, kegiatan seni bukan saja merupakan satu kegiatan semula jadi bagi manusia seperti kegiatan-kegiatan agama dan falsafah tetapi juga satu pemujaan Tuhan.

Selain itu, beliau juga menekankan bahawa keindahan juga mengandungi kebenaran dan kebaikan yang juga di antara sifat-sifat Tuhan. Umpamanya, Surah Al-Faatihah menyatakan kebenaran mengenai Tuhan dan mengenai hubungan manusia dengan Tuhan tetapi di samping itu juga mengandungi keindahan dan kebaikan. Begitulah juga dengan karya-karya agung dalam kesusasteraan dunia seperti tragedi-tragedi Shakespeare, epik-epik Homer Iliad dan Odyssey, epik-epik India

Tiada Kesepakatan Dalam Menanggapi Teori Sastera Islam

Dari muka 10

Mahabharata dan Ramayana dan syair-syair Firdaus, Rumi, Sadi dan Hafis. Karya-karya tersebut jelas mengandungi kebenaran. Adapun menurutnya lagi, sastera kerana Allah dan sastera berakhlak itu adalah sastera yang menciptakan kebenaran, kebaikan dan keindahan. Dengan itu susunan kata-kata itu perlu diubah menjadi indah, benar dan baik agar tidak dipertikalkan kerana yang menarik manusia kepada kesusasteraan ialah keindahan: keindahan bentuk, struktur, pengucapan, bahasa, sentimen, emosi dan idea.

Justeru itu, beliau menolak pendapat Shahnon Ahmad yang mengatakan semuanya (nilai-nilai dan sifat-sifat) perlu disahkan oleh Islam, perlu mengikut syariat Islam dalam perlakuan-saannya dan perlu beramal Islam bukan diabaikan oleh sesuatu ideologi, bukan mengikut sistem bimbingan manusia tanpa bertunggak Islam dan bukan beramal Islam yang lain selain memperoleh keredaan Allah. Beliau telah menindas kenyataan ini kerana ia boleh menimbulkan beberapa pertanyaan seperti siapakah yang mengesahkan dan menentukan kegiatan sastera itu mengikut syariat Islam? Apakah ukuran-ukuran untuk menentukan sesuatu karya sastera di-redai oleh Tuhan? Menurut pandangan beliau, kenyataan ini adalah bersifat kabur, sempit dan ianya tidak akan dapat meningkatkan perkembangan kesusasteraan.

Oleh yang demikian, beliau telah menegaskan kesusasteraan adalah satu kegiatan manusia yang universal dan nilai-nilai utamanya (keindahan, kebenaran dan kebaikan) juga nilai-nilai universal, maka perlulah estetika dan teori sastera Islam bersifat universal dan cukup luas tetapi cukup jelas untuk merangkumi semua kesusasteraan di samping mampu pula membuat penilaian bagi melahirkan karya-karya yang baik dan bermutu.

Pendapat terakhir ialah Shahnon Ahmad. Beliau menafsirkan sastera Islam ialah sastera kerana Allah berakhlak untuk manusia sejagat. Bagi menghasilkan kesusasteraan Islam, beliau telah menggariskan ciri-cirinya iaitu:

* Pertama, Islam menuntut sebarang keaburan dan ambiguiti kerana elemen-elemen ini akan mengilirakan pembaca.

* Kedua, bahasa yang mudah difahami dan indah dihayati harus menjadi pegangan bagi sasterawan Islam.

* Ketiga, jangan menggunakan teknik penceritaan dengan berlebih-lebihan atau keterlaluan kerana ia boleh membawa kemudaratan.

Maka peranan hasil karya dalam sastera Islam adalah untuk meningkatkan akhlak manusia yang baik, membezakan antara nilai murni dengan nilai palsu dan darinya membina

perpaduan etika yang baik di samping menyisihkan bibit-bibit yang mencemarkan kemanusiaan sejagat.

Menurutnya lagi, adapun sastera Islam itu bertolak dari dalam diri iaitu antara pengarang dengan Allah berdasarkan:

* Hasrat (niat), jenis, perbuatan dan natijah penulisnya.

* Estetika Islam dengan pandangan hidup Islam yang berteraskan Tauhid dan keyakinan mentauhidkan Allah meliputi Rub-baniyah (Bububiyah) dan tauhid Uluhiyah.

Ertinya di sini bahawa seorang penulis sastera Islam mesti mengikut kaedah-kaedah yang telah diberikan oleh Islam. Tanpa kaedah-kaedah Islam, penulis itu bukan penulis Islam dalam erti kata yang sebenar-benarnya. Sesuatu yang benar, cantik dan baik belum tentu bernama Islam selagi tidak bersumberkan tauhid dan memenuhi kaedah-kaedah Islam. Umpamanya, penubuhan bank-bank Islam tetapi tidak menjalankan organisasinya mengikut kaedah-kaedah Islam. Semuanya bukan Islam dalam erti kata yang sebenar-benarnya. Dengan itu, kebenaran, keindahan dan kebaikan perlu bertolak dari ketauhidan kepada Allah.

Maka dengan itu, seorang pengarang yang erat komunikasinya dengan Allah akan melahirkan karangannya kerana Allah. Maka apabila komunikasi si pengarang dengan Allah itu sendiri benar, indah dan baik akan terbuahlah hasil karya yang berlandaskan kebenaran, keindahan dan kebaikan.

SEBAB BERLAKUNYA PERCANGGAHAN PENDAPAT

Adapun yang menyebabkan berlakunya berbagai-bagai pendapat tentang sastera Islam itu ialah:

* Kesan awal pertembungan sastera Melayu dengan pengaruh sastera Barat. Pertembungan dengan nilai moden menimbulkan percanggahan-percanggahan. Moden diertikan sebagai kebebasan. Pembukaan ke arah kebebasan pada peringkat permulaan ini mendorong ramai novelis kemudiannya mengeksplot imarah dan lawwamah dengan sadar bertujuan untuk membangkitkan nafsu syahwat bagi kepentingan perdagangan. Contohnya kelahiran novel-novel picisan kerana ia merupakan gejala yang boleh meruntuhkan akhlak terutama kalangan mudamudi.

* Akibat pertembungan ideologi atau aliran di dalam sastera luar yang turut meresap ke dalam kesusasteraan Melayu. Pada waktu ini lahirnya slogan 'Seni Untuk Masyarakat' oleh ASAS 50 dan juga 'Seni Untuk Seni' yang lahirnya dari falsafah realisme dan humanisme universal.

* Perkembangan kesusasteraan Melayu memperlihatkan wujudnya beberapa aliran yang bersifat radikal. Pena Patriot menerusi 'The Truth' yang mengkritik dan mengancam karya-karya yang diang-

gapnya lemah dan pasif. Beliau menganjurkan aliran Mouist dan Leninist di dalam pendekatan sastera.

* Sesetengah pihak berterusan menggunakan unsur-unsur nafsu imarah dan lawwamah.

* Ada yang melihat sastera sebagai alat keseronokan semata-mata.

* Meresapnya gejala 'tidak keruan' lantaran terpengaruh dengan 'aliran bawah sadar' Freud.

* Perbezaan latar belakang pengarang dari segi pendidikan, pegangan atau falsafah atau ideologi.

CARA MENYATUKAN PENDAPAT

Langkah-langkah yang perlu diambil untuk menyatukan pendapat-pendapat para cendekiawan, sasterawan dan ilmunan itu adalah seperti berikut:

1. Seorang ahli teori sastera Islam perlu mengetahui teori sastera Barat dan Timur untuk melihat di mana letaknya masalah perbezaan dasar bagi menuju perkembangan selanjutnya.

2. Pertembungan sastera moden dengan persoalan sastera Islam menjadi satu tentangan bagi memperinci kembali teori-teori sastera antara keduanya.

3. Pertembungan dari nilai-nilai yang positif sesama-sesama perlu dimanfaatkan. Nilai yang bercanggah dengan akidah Islam misalnya, pastilah tidak akan diahayati sekiranya peribadi itu ingin melahirkan sastera yang bernafas Islam. Dari segi ilmu tentu sahaja mempelajari untuk sekadar mengetahui tidak ada salahnya.

4. Seorang ahli teologi Islam umpamanya perlu sekali meneliti agama-agama lain supaya dengan itu dapat melihat dengan jelas perbandingan dan kelebihan din Islam di atas agama yang bukan agama samawi.

RUMUSAN

Dari lakaran dan perincian di atas, ternyata timbul satu persoalan kenapa hal ini boleh berlaku? Padahal sastera Islam itu sudah wujud sejak sekian berabad lamanya (turunnya Al-Quran) dan ini dimantapkan lagi dengan wujudnya beberapa Hadis dan Sunnah Rasulullah. Hal ini terbukti lagi, apabila kedatangan Islam ke alam Melayu, sastera Islamlah yang bertugas sebagai pendukung pendekatan agama Islam. Jadi tidak hairanlah bahawa sastera Islam yang berkembang dahulu ialah sastera kitab. Secara zahirnya, tokoh-tokoh di atas terutamanya Yahya M. S. lebih ke depan jika diukur latar belakang pendidikan sekali juga jika tokoh ini berbicara tentang sastera Islam, maka beliau lebih diujuk. Namun begitu, keupayaan tokoh-tokoh yang lain tidak harus dilihat sebagai sasterawan yang tidak sejajar dengan tokoh tersebut walaupun mereka ini hanya berlatarbelakangkan pendidikan agama yang asas. Namun perbezaan demikian tidak menjadi halangan untuk kita menilai dan mengukur seseorang itu, apatah lagi dalam permasalahan ini

kita melihat sejauh mana tokoh-tokoh di atas menilai sastera Islam itu.

Dalam hubungan ini, kita perlu melihat definisi Islam itu sendiri, Islam dalam konteks ini sebagai Ad-deen; satu cara hidup yang lengkap dan diredai oleh Allah Subhanahu Wataala Islam merupakan sistem akidah dan tata akidah yang mengatur segala kehidupan dan penghidupan manusia dalam pelbagai hubungan manusia dengan Tuhan, manusia sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam lainnya dan sebagainya.

Apabila sastera dikaitkan dengan Islam akan timbul pertanyaan apakah peranan sastera Islam itu? Peranan sastera Islam itu termasuklah:

1. Menunaikan tanggungjawab dari segi amar makruf nahi mungkar.

2. Menegakkan ajaran Allah.

3. Menegakkan yang halal, benar dan mengharamkan yang batil.

4. Membimbing dan memimpin masyarakat yang adil dan makmur.

5. Memberi kesan bahawa orang jahat tidak ada jalan untuk hidup.

6. Ditulis oleh orang yang benar-benar tahu bahawa ia adalah Khalifah Allah di bumi ini.

Ternyata teori yang dikemukakan oleh mereka tentang sastera Islam itu ternyata tidak mereka serapkan dalam menghasilkan karya mereka. Ini menyebabkan karya mereka itu hanya dapat digolongkan dalam sastera berunsur Islam bukannya sastera Islam. Sastera Islam adalah merujuk kepada karya yang dihasilkan oleh penulis Islam yang benar-benar ahli dalam ilmu ketuhanan. Oleh itu, penulisnya berperanan penting mengukuhkan kewujudan dan kebesaran Allah lalu menyebarkan agama Islam itu melalui kesedaran bersastera. Penulis yang dapat digolongkan dalam kategori ini adalah seperti Hamka dan Hamzah Al-Fansuri. Hubungan antara pengarang dan karya itu ada tengah-tengahnya Allah. Ini bermakna hubungan keduanya itu bukan sahaja tetapi dua hala. Contohnya, Hamzah Al-Fansuri dikatakan berfahaman 'wahdatul wujud' iaitu aliran yang berfahaman wujudnya Allah dan segala kejadian yang wujud itu sebenarnya Tanazul Zat dan sifat-sifat Allah. Beliau merupakan seorang ahli tasawuf yang sentiasa mencari pengetahuan tentang agama sambil menyebarkannya. Selain itu, beliau sangat mahir dalam ilmu-ilmu fiqh, tasawuf, falsafah, mantiq, ilmu kalam, sejarah, sastera dan lain-lain. Dalam bidang bahasa pula, beliau menguasai dan fasih ilmu Arabiyah serta berkebolehan berbahasa Urdu, Parsi, Melayu dan Jawa. Adapun karya-karya yang dihasilkan seperti Syair Perahu, Syair Dagang, Al-Muntahi, Kitab fi Bayani Ma'rifah dan sebagainya itu bernafaskan sastera Islam. Umpamanya, Syair Perahu, jelas mengandungi

unsur mistik dan melambangkan hubungan Tuhan dengan manusia. Syair ini juga menekankan soal-soal pengajaran dan moral dalam kehidupan kita. Hal ini jelas digambarkan dalam beberapa petikan rangkap dalam Syair Perahu:

Lillah itu kesudahan kata, Tauhid makrifat semata-mata, Hapuskan hendak sekalian perkara, Hamba dan Tuhan tiada berbeza. Wahai muda kenali dirimu, lalah perahu tamsil tubuhmu, Tiadalah berapa lama hidupmu, Ke ahirat juga kekal hidupmu. Hai muda arif budiman, Hasilkan kemudi dengan pedoman, Alat perahumu juga kerjakan, Itulah jalan membentuk iman.

Melalui syair di atas, perahu melambangkan tubuh manusia sebagai perahu yang belayar di laut. Pelayaran itu amat merbahaya dan setiap orang mesti bersedia dengan peralatan pelayaran. Tetapi jika kuat berpegang kepada lailahailallah pasti akan tercapai tingkat perbezaan antara manusia dengan Tuhan tiada ada lagi. Maksudnya, penyair ini menyeru umat Islam supaya menyadari hakikat hidup sebagai hamba Allah di dunia ini. Hidup adalah sementara dan sentiasa dilambung oleh dugaan-dugaan yang maha pahit. Manusia mestilah bersedia dengan persediaan yang secukupnya supaya dapat mengharungi halangan-halangan tersebut.

Adapun ciri-ciri sastera Islam itu antaranya ialah:

i. Penulisnya hendaklah terdiri daripada ilmunan agama.

ii. Pensejajaran penulis mengandungi Islam.

iii. Niat menulis kerana Allah bukan disebabkan peraduan, desakan suasana semasa, persyaratan tugas dan sebagainya.

iv. Karya yang dihasilkan bukan berkehendakkan imbalan.

Manakala, sastera berunsur Islam pula merujuk kepada karya yang dihasilkan oleh penulis Islam sama ada yang mendapat pendidikan agama dari luar negeri ataupun sebaliknya. Adapun karya sastera berunsur Islam adalah karya yang hanya menyelitkan unsur Islam tetapi tidaklah secara mendalam. Terlalu banyak penulis-penulis Islam dapat dikategorikan dalam kelompok ini seperti Yahya M. S., Isa Kemari, Abdul Ghani Hamid, Shahnon Ahmad, Muslim Burmat dan sebagainya. Adapun puncak kelemahan Yahya M. S. yang paling ketara ialah puisinya yang lebih banyak tergolong kepada puisi yang agak susah difahami, maknanya tersembunyi dan sekali-sekala terasa kurang komunikatif sifatnya. Islam menuntut keaburan dan ambiguiti kerana ia boleh mengilirakan pembaca. Kelemahan Shahnon Ahmad pula, contohnya dalam novel Srengenge yang paling ketara ialah nilai estetika yang dilihat dari sudut intrinsik itu amat rendah

mutunya dan lazimnya tidak masuk akal atau bertentangan dengan akal sehat manusia. Islam selalunya memancarkan keindahan itu bukan terhadap bentuk semata-mata tetapi merangkumi bentuk dan isi malahan penekanan nilai akhlak itu juga penting bagi menunjukkan keupayaan akal manusia untuk berfikir dan menyaranan sesuatu yang baik iaitu proses pemikiran yang rendah kepada yang tinggi, dari negatif kepada positif. Sebab itulah Islam telah memberikan contoh sebagaimana yang ditunjukkan oleh Al-Quran.

Selain itu, penulis tempatan kita iaitu Muslim Burmat juga telah menghasilkan sebuah novel bertajuk Hadiyah Sebuah Impian dan telah memenangi 'hadiah kedua', namun novel ini juga digolongkan kepada sastera berunsur Islam walaupun dihasilkan Sempena Tahun Hijrah 1400 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. Novel ini yang mengisahkan perjuangan seorang pegawai agama iaitu Ghafor yang ingin berbakti, membangun dan menyebarkan agama Islam di Kampong Tanah Merah. Pembaharuan yang dibawa oleh Ghafor itu banyak mendapat tentangan terutamanya Ya'kub, Luba dan Mukim. Selain itu, diperlihatkan watak-watak yang mempunyai keperibadian terpuji dalam kehidupan bermasyarakat iaitu:

* Bersatu padu iaitu membina balai ibadat.

* Membangun umat iaitu mengorbankan tanah yang dimiliki menjadi tapak balai ibadat, menyebarkan pengetahuan agama, menjadi amil dan memajukan ekonomi kampung.

* Sanggup menolong orang dalam kesusahan, walaupun yang ditolong itu adalah orang yang menghalang kebajikan dan menentang usaha untuk kemajuan kampung.

Dalam hal ini, sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa novel yang dihasilkan ini mengandungi dan menepati nilai etika dan nilai estetika yang berlandaskan Islam. Sepatutnya novel ini dikelompokkan sebagai sastera Islam kerana menepati manifestasi Islam. Kenapa hal ini boleh terjadi? Ini disebabkan penulisnya mematikan watak antagonis (Luba) dengan kejam iaitu sewaktu Mukim mengekik leher Luba, Luba berundur dan akhirnya kakinya tergelincir lalu terhambun ke bawah untuk menemui ajalnya di hujung 'suda'. Hal ini bukan merupakan satu tarbiah dalam Islam. Islam melarang umatnya membunuh sekalipun orang itu bersikap zalim kepada kita. Selain itu antara sebab mengapa ia tidak dapat diangkat sebagai sastera Islam ialah:

i. Penulisnya bukanlah seorang ilmunan agama.

ii. Karya ini ditulis untuk menyertai peraduan.

iii. Pengakhiran watak antagonis dilesaikan secara dipaksakan.

iv. Kurang memahami ciri-ciri sastera Islam.

v. Hanya menekankan unsur psikologi dalam dan

mengabaikan unsur kesegatan dan tasawwar Islam.

KESIMPULAN

Nyatalah sudah bahawa teori sastera Islam itu memang wujud dan ianya amat baik dan memberi manfaat kepada manusia. Yang berbeza hanyalah permasalahan-permasalahan konsep, pelaksanaan dan penilaian saja. Adapun punca utama perbezaan-perbezaan itu disebabkan pendekatan-pendekatan yang berlainan. Ada yang cuba melihat sastera Islam dari perspektif sekularisme.

BIBLIOGRAFI

A.Rahim Abdullah, "Sastera Islam: Karya Untuk Kesejahteraan Ummah", Dewan Sastera, Jilid XIII, Bil.6, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Jun 1983.

Ahmad Kamal Abdullah, "Sastera Islam: Meningkatkan Percubaan Awal", Dewan Sastera, Jilid XIII, Bil.6, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Jun 1983.

Haji Hashim Awang dan Ampuan Ibrahim bin Ampuan Hj Tengah, "Teori Sastera Islam Daripada Perspektif Brunei Darussalam", Southeast Asia Multidisciplinary Journal, Vol. 2, No. 1 & 2, January-December 2000.

Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid, Dr., "Persoalan Islam Dalam Novel Muslim Burmat (Satu Telaah Beberapa Buah Novel Pilihan)", Bicara Sastera Brunei, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam, 2002.

Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996.

Lutfi Abas, "Sajak-Sajak Yahya M. S. Dalam Antologi Perjalanan Malam Kalimantan Menuju Siang dan Interpretasi Sastera Islam di Nusantara", Sekitar Kritikan Sastera Melayu Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, 1995.

Mohamed Pitchay Gani bin Mohamed Abdul Aziz, "Menemukan Konsep Sastera Islam Singapura: Kajian Cerpen dan Sajak Di Berita Minggu 1999-2000", Kertas Kerja Pertemuan Sasterawan Nusantara ke-XI, anjuran Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei Darussalam, 10-13 Ogos 2001.

Muslim Burmat, "Hadiyah Sebuah Impian", Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan, 1983.

S. Othman Kelantan, "Arah Pemikiran Sastera Malaysia", Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, 1987.

Shafie Abu Bakar, "Sastera Islam: Perkembangan Di Malaysia", Dewan Sastera, Jilid XIII, Bil. 6, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Jun 1983.

Shahnon Ahmad, "Sastera Islam Berteraskan Pandangan Hidup Islam", Dewan Sastera, Jilid XIII, Bil. 3, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Mac 1983.

-----, "Sastera Islam: Antara Dalam - Diri Dengan Luar", Dewan Sastera, Jilid XIII, Bil. 5, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Mei 1983.

GERPEN

DINGIN. Angin sejuk merangkul kemalapan petang, rakus mengulit-ulit. Hujan deras telah lama berlalu pergi. Hanya tinggal angin itu. Dingin hembusannya, menjilat lembut embun cerah di hujung rumput dan menerbangkannya masuk ke dalam sebuah bilik biru laut di pangsa-puri berhampiran. Di sana juga ada hujan. Hujan air mata. Jendela terbuka luas, mendedahkan langit saujana kehitaman. Nampaknya pelangi yang dinanti masih jua tidak muncul-muncul. Keadaan suram.

"Dasar penipu! Aku benci. Benci ..." jerit Shyafina, melayani kegeramannya.

"Sabar Shyafina. Sabar. Bawa bertenang. Setiap yang berlaku pasti ada tersirat hikmah di sebaliknya," pujuk Nora, menenteramkan jiwa teman karibnya itu.

Shyafina menangis lagi. Rona wajahnya merah menahan hiba. Esakannya semakin kencang, membuatkan Nora bertambah keliru. Nora pasti, sesuatu telah terjadi pada teman serumahnya itu.

Bayu lembap berpuhut sepoi bahasa, membelai lembut tubuh lesu di bilik biru laut itu. Memberi semangat baru. Kekuatan mula menguasai hatinya. Bila kegagahan terasa, curahan air mata yang mengalir di pipi gebu itu terhenti mati. Tangis gadis ayu itu akhirnya reda.

Memori mengusik hati mula berkisar segar di benak Shyafina. Semuanya begitu pantas terjadi.

Shyafina melabuhkan punggungnya di kusyen empuk warna hijau yang rapi tersedia di pinggir ruang masuk Hotel Royal Plaza. Lobi pada pagi itu kelihatan agak lengang, restoran berhampiran pintu masuk itu juga lengang dan hanya beberapa orang petugas hotel saja kelihatan sibuk mundar-mandir. Setentunya ramai penghuni hotel telah pergi menyusuri kesibukan Orchard Road, salah satu jalan di Singapura yang berderet ditumbuhi oleh kompleks-kompleks membeli-belah di sepanjang tepinya. Shyafina juga tidak mahu ketinggalan untuk menikmati semua itu walau wang di beg sakunya pasti akan habis hanya kerana itu.

"Tak pergi membeli-belahkah?" tanya seorang jejaka bertubuh sasa dengan tiba-tiba.

Shyafina tersentak dari lamunannya, lamunan terhadap baju-baju berjenama mahal - Gucci, Versace, Prada dan lain-lain lagi. Shyafina lantas

merenung jejak yang menengurnya itu. Lelaki itu bukan saja kakak malah bergaya. Kekacakannya semakin terserlah dengan kemeja Hugo Boss berwarna coklat gelap sesuai dengan kulitnya yang cerah itu. Bila mata merenka bertentangan, pemuda itu mengenyitkan matanya sambil menguntum senyuman.

Wajah Shyafina terus menjadi merah, menahan perasaan malunya.

"Memang nak pergi. Cuma saya sedang menanti rakan saya," jawab Shyafina.

Shyafina dan Nora telah merancang pada pagi itu untuk pergi ke gedung Takashimaya. Sewaktu berada di luar hotel, Nora tersedar bahawa dia telah tertinggal beg duitnya di bilik mereka. Nora terpaksa berpatah balik ke tingkat sepuluh hotel itu dan Shyafina juga terpaksa setia duduk menunggu di bawah.

"Awak sungguh cantik! Tidak pernah saya jumpa wanita secantik awak!" pemuda itu memuji sambil memerhatikan tubuh Shyafina dari atas hingga ke bawah.

Shyafina hanya mampu tersenyum dengan pujian itu. Dengan pantas dia berdiri dari sofa empuk itu, tidak sanggup direnang sebegitu rupa. Dia sedar dia sudah terikat dengan lelaki itu pada pandangan pertama. Ketika itu dari jauh, Nora sudah kelihatan menghampiri mereka.

"Jika tidak keberatan, bolehkah saya menemani saudari?" soal pemuda itu lagi.

Shyafina tidak menjawab, takut jika Nora tidak bersetuju. Dia mesti membincangkan permintaan pemuda itu terlebih dahulu dengan temannya itu. Nanti lain pula jadinya. Pemuda itu menyedari perkara tersebut apabila melihat corak wajah Shyafina yang dilanda perasaan serba

MENGEJAR BAYANG PELANGI

salah. Dia juga turut diam membisu.

"Shyafina, ayuh kita jalan!" saran Nora, begitu bersemangat.

Shyafina terus mendapatakan Nora dan mengheretnya sedikit ke belakang, beberapa meter dari lelaki itu. Belum sempat Nora bertanya apa-apa, Shyafina pantas menerangkan mengenai jejak tersebut. Tidak mahu mengecewakan rakannya, Nora setuju dengan permintaan Shyafina.

"Siapa nama pemuda itu?" soal Nora ingin tahu.

"Entah!" Shyafina mula berasa bodoh kerana terlupa bertanya identiti pemuda itu.

"Saya Akmal dari Brunei Darussalam," sampuk pemuda itu setelah terdengar perbualan Shyafina dan Nora.

Shyafina dan Nora tersenyum sendiri, tidak menyangka pemuda itu juga dari negara mereka sendiri.

"Saudari pula?" Akmal merenung tepat ke mata Shyafina.

"Shyafina Idris. Juga dari Brunei Darussalam. Dan ini Nora Mohd. Zaki, rakan karib saya. Juga dari Brunei Darussalam."

"Tak sangka pula ya. Ketiga-tiganya orang Brunei. Jadi Shyafina dan Nora ni sedang bercuti?"

"Tidak juga. Kami sedang bertugas!"

Akmal menggaru kepalanya, tidak faham.

"Kami berdua adalah pramugari-pramugari RBA. Tugas kami pada kali ini telah membawa kami singgah ke Bandar Singa ini," jelas Shyafina sambil tersenyum riang.

Shyafina sangat suka menjadi seorang pramugari. Tugas itu begitu menyenangkan. Boleh terbang ke mana saja dengan percuma, melawati pelbagai negara dan bandar raya. Selama dua tahun menjadi pramugari itu, dia sudah pernah ke merata tempat: Dubai, Malaysia, Jakarta, Australia dan banyak lagi. Tapi tempat yang paling disukainya ialah kota London, kota yang paling diimpikannya semenjak dia masih kecil lagi. Penerbangannya ke sana lapan bulan lalu begitu bersejarah dalam hidupnya, impiannya terlaksana. Gedung mewah Harrod's adalah tempat pertama sekali dikunjungi.

Sambil menyambung perbualan, Shyafina, Nora dan Akmal melangkah santai di Jalan Scotts menuju ke Orchard Road. Begitu rancak sekali Shyafina dan Akmal berbual mesra sehingga Nora tiada berkesempatan untuk turut menyampuk. Hanya mampu menjadi pendengar.

Setelah puas membeli-belah di beberapa buah kedai di kompleks membeli-belah Ngee Ann City termasuk Takashimaya, Nora meminta izin untuk pulang semula ke hotel, puas dan letih. Shyafina ingin turut sama tetapi dihalang oleh Akmal.

"Marilah temankan saya minum terlebih dahulu. Biar saya yang belanja," ajak Akmal bersungguh-sungguh.

"Baiklah," jawab Shyafina lembut namun hatinya menjerit keseronokan.

Tanpa berlengah, Akmal terus membawa Shyafina pergi minum kopi di kafe Starbuck. Bilamana mereka meninggalkan kafe itu, Akmal dengan beraninya mencaip dan menggenggam jari-jemari Shyafina. Shyafina hanya membisu, rela dengan perbuatan Akmal itu.

"Sayang sekali pergelangan tangan yang cantik ini tidak dihiasi apa-apa. Mari kita ke sana. Akmal ingin belikan Shyafina sesuatu."

Akmal terus menarik tangan Shyafina ke Guess, sebuah kedai sederhana besarnya. Di situ pelbagai barang termasuk baju yang kesemuanya berjenama terkenal Guess dipamerkan untuk dijual. Tanpa disuruh, Akmal terus membelikan Shyafina sebuah jam tangan Guess yang cantik tetapi mahal setelah puas dipilihnya.

"Akmal tak payahlah hendak menyusahkan diri kerana saya," bantah Shyafina, tidak mahu menerima pemberian itu.

"Saya ikhlas memberi. Terimalah sebagai tanda perkenalan kita."

Akhirnya Shyafina terpaksa jua menerima pem-



OLEH HUSSEIN TAHA

santai di Jalan Scotts menuju ke Orchard Road. Begitu rancak sekali Shyafina dan Akmal berbual mesra sehingga Nora tiada berkesempatan untuk turut menyampuk. Hanya mampu menjadi pendengar.

Setelah puas membeli-belah di beberapa buah kedai di kompleks membeli-belah Ngee Ann City termasuk Takashimaya, Nora meminta izin untuk pulang semula ke hotel, puas dan letih. Shyafina ingin turut sama tetapi dihalang oleh Akmal.

"Marilah temankan saya minum terlebih dahulu. Biar saya yang belanja," ajak Akmal bersungguh-sungguh.

"Baiklah," jawab Shyafina lembut namun hatinya menjerit keseronokan.

Tanpa berlengah, Akmal terus membawa Shyafina pergi minum kopi di kafe Starbuck. Bilamana mereka meninggalkan kafe itu, Akmal dengan beraninya mencaip dan menggenggam jari-jemari Shyafina. Shyafina hanya membisu, rela dengan perbuatan Akmal itu.

"Sayang sekali pergelangan tangan yang cantik ini tidak dihiasi apa-apa. Mari kita ke sana. Akmal ingin belikan Shyafina sesuatu."

Akmal terus menarik tangan Shyafina ke Guess, sebuah kedai sederhana besarnya. Di situ pelbagai barang termasuk baju yang kesemuanya berjenama terkenal Guess dipamerkan untuk dijual. Tanpa disuruh, Akmal terus membelikan Shyafina sebuah jam tangan Guess yang cantik tetapi mahal setelah puas dipilihnya.

"Akmal tak payahlah hendak menyusahkan diri kerana saya," bantah Shyafina, tidak mahu menerima pemberian itu.

"Saya ikhlas memberi. Terimalah sebagai tanda perkenalan kita."

Akhirnya Shyafina terpaksa jua menerima pem-

berian itu kerana tidak mahu mengecilkan hati Akmal. Hatinya sangat gembira, belum pernah ada lelaki lain yang melayannya sebaik Akmal. Dia bertambah suka dengan pemuda bernama Akmal, hatinya telah tertambat.

Hari itu juga bermulalah bibit-bibit cinta antara Shyafina dan Akmal tetapi malangnya percintaan yang diharapkan Shyafina itu hanya seperti pelangi selepas hujan, semakin ditatap semakin pantas menghilang di kebiruan awan, tidak kekal berpanjangan mewarnai dunia.

Shyafina marah betul bila menyaksikan perbuatan itu. Perbuatan yang serasa menusuk duri dan mencucuh api ke jiwa kerdilnya.

Akmal seorang ahli perniagaan, tugas yang sentiasa membawanya pergi ke luar negeri seperti Shyafina juga. Petang itu Shyafina ditugaskan kembali bekerja untuk menggantikan rakan sekerjanya yang cuti sakit. Bila diberitahu destinasi yang akan dituju, Shyafina melonjak gembira. Bangkok, Thailand, itulah tempat dia dihantar bertugas, juga tempat Akmal sedang bertugas. Inilah kesempatan untuknya meluangkan masa mengubat rindu yang terpendam terhadap kekasih hatinya.

"Assalamualaikum!" sapa Shyafina. Nadanya agak keras.

Akmal yang dari tadi begitu asyik bercumbucumbuan dengan seorang gadis remaja Thailand di kelab malam milik hotel tempatnya menetap terkejut besar. Kaget. Dia bingkas bangun sambil melarikan tangannya yang dari tadi liar menjalar di tubuh seksi tadi. Tidak disangkanya perbuatan curangnya akan diketahui oleh Shyafina.

"Shya ... Aaa ... Eh ...," Lidah Akmal kelu untuk berkata-kata, tidak bisa mengatur percakapan.

"Maaflah Akmal kerana mengganggu kamu berdua. Teruskanlah bermesra ya! Selamat tinggal!" Shyafina berpura-pura kelihatan acuh tak acuh dengan kelakuan Akmal itu, namun di hatinya hanya Tuhan saja yang tahu.

Shyafina terus melangkah laju, tidak sanggup menyaksikan perbuatan curang Akmal. Rasa marah dan sedih bersilih ganti menghambat perbuatan curang Akmal. Kelopak matanya sudah penuh bertakung dengan air mata yang hanya menanti saat untuk mengalir deras di pipi gebunya.

Pagi esoknya Shyafina sudah tidak sabar lagi untuk pulang ke Negara Brunei Darussalam, pulang dari tempat yang meninggalkan kepahitan berbisu dalam hidupnya. Dia mahu pulang ke apartmennya, mahu menangis sepuas-puasnya, mahu mengonggokkan segalanya dengan Nora di apartmennya, mahu melupakan peristiwa hitam itu di apartmennya.

"Jantan setan! Semua lelaki sama sahaja. Mereka hanya tahu mengecewakan, menyengsarakan dan memperdayakan tetapi tidak tahu sama sekali untuk membahagiakan seorang wanita," bentak Shyafina.

"Inilah akibatnya menjadi kaum wanita, sering dipergunakan oleh kaum lelaki. Sesudah mereka rasa bosan dan dapat apa yang diinginkan, senang-senang saja mereka lesap menghilang," gerutu Nora, turut menyokong pendapat Shyafina.

"Aku akan pastikan, kali ini biar kaum lelaki pula yang menderita kerana kaum perempuan," laung Shyafina berapi-api, mula membina hasrat keji.

Penerbangan malam itu pasti akan membuahkan hasil untuk Shyafina, jeratnya pasti akan berjaya memerangkap mangsa-mangsanya. Siapa tidak kenal penumpang-penumpang kelas pertama, hampir kesemuanya terdiri

daripada orang-orang kaya. Dan lelaki-lelaki kaya itu akan jatuh juga ke tangan Shyafina dengan mudahnya.

Datuk Mansor, salah seorang pemilik perniagaan terbesar di Malaysia begitu tertarik dengan kecantikan Shyafina. Dia tergoda dengan susuk tubuh Shyafina yang tampak seksi dengan uniformnya yang ketat menggiurkan. Setelah berfikir panjang, Datuk Mansor menekan butang isyarat memerlukan khidmat anak kapal. Dengan segera Shyafina mendapatkan lelaki itu. Rupanya, lelaki itu cuba mengambil kesempatan untuk berkenalan dengan Shyafina.

"Saudari, tolong simpankan beg saya ini."

"Baik tuan," jawab Shyafina sambil tangannya mencapai beg gelas lelaki itu.

Sewaktu Shyafina memasukkan beg itu ke ruang simpanan tiba-tiba terasa punggungnya diusap mesra. Walaupun terkejut, Shyafina tidak boleh memarahi lelaki tersebut. Kejadian ini bukan kali pertama berlaku. Sudah menjadi masalah utama untuk pramugari-pramugari jelita. Dia hanya berdiam diri dan memandang sekeliling agar tidak ada mata yang melihat kejadian itu.

Menyedari tiada reaksi marah, Datuk Mansor apa lagi, mulalah menggalat.

"Jika saya ke Brunei, saudari temankanlah saya bersiar-siar di negara saudara," pujuk Datuk Mansor.

Mengetahui bahawa ini adalah peluang keemasan buat Shyafina, Shyafina terus memberikan nombor telefonnya kepada lelaki yang berusia sekitar lima puluhan itu.

"Apa salahnya! Telefon saja Shyafina kalau Datuk Mansor hendak ke Brunei," jawab Shyafina man-



KETUA Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Saifon bin Haji Besar menyampaikan sijil kepada seorang peserta Kursus Pembangunan. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.

Peserta kursus didedahkan tiga bidang utama

BERAKAS, 1 Februari. - Peserta-peserta yang mengikuti Kursus Pembangunan bagi pegawai-pegawai kanan peringkat pertengahan menerima sijil masing-masing setelah melengkapkan sesi kursus selama hampir dua bulan.

Penyampaian sijil kursus yang dihadiri 10 peserta dari pelbagai kementerian dan jabatan kerajaan termasuk dua orang dari Pasukan Polis Diraja Brunei disempurnakan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Saifon bin Haji Besar di Orchid Garden Hotel di sini.

Kursus tersebut menyasarkan kepada pegawai-pegawai kanan kerajaan yang terlibat dengan tugas dan tanggungjawab pengurusan organisasi secara penuh masa termasuk lawatan sambil belajar ke luar negara.

Menurut Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam terda-

pat tiga bidang utama telah didedahkan kepada peserta kursus yang mana antaranya memberikan pengetahuan tentang pendekatan dan amalan kontemporari dalam Perkhidmatan awam, selain memberikan pengetahuan dengan kemahiran membuat analisis dan kemahiran teknikal, di samping untuk memahami budaya pentadbiran dan nilai masyarakat Brunei dalam pengurusan.

Kursus yang dikendalikan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam merupakan kali kedua sejak yang pertama pada tahun 2003 dan sehingga kini seramai 22 orang telah menyertai secara penuh masa.

Oleh Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Penghulu dan Ketua-ketua Kampung Mukim Kota Batu adakan lawatan

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Januari. - Serombongan Penghulu dan Ketua-ketua Kampung Mukim Kota Batu hari ini mengadakan lawatan berjadual ke beberapa buah kampung, sekolah, klinik dan balai polis yang ada di Mukim Kota Batu.

Rombongan yang diketuai oleh Penghulu Mukim Kota Batu, Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim melengkapkan sesi kursus selama hampir dua bulan.

Semasa berada di sekolah tersebut para pelawat telah diberikan taklimat mengenai sejarah sekolah,

Oleh Haji Ahmad Haji Salim

misi, objektif, matlamat, pencapaian dan rancangan dan aktiviti-aktiviti sekolah tersebut yang disampaikan oleh Guru Besar, Dayang Hajah Nafisah binti Haji Paka.

Dalam taklimat mengenai sejarah sekolah berkenaan, Dayang Hajah Nafisah menjelaskan Sekolah Agama Pelambayan mula digunakan dalam tahun 1989 di bawah seliaan seorang guru besar dengan keramaian murid 208 orang ketika itu.

Pada masa ini, katanya, seramai 95 orang murid bagi sesi pagi dan 184 orang sesi petang belajar di sekolah tersebut dengan keramaian tenaga pengajar 19 orang sesi pagi dan 13 orang sesi petang.

"Misi Sekolah Agama Pelambayan ialah sekolah sebagai tempat menghasilkan pelajar yang berjaya dalam bidang akademik, jasmani dan rohani melalui kurikulum seimbang yang menjurus kepada kehendak aspirasi negara," jelasnya.

Dalam taklimat ringkas itu para pelawat juga mendengar rancangan dan

aktiviti-aktiviti sekolah sepanjang tahun 2005.

Para pelawat meneruskan lawatan ke Masjid Kampung Pelambayan yang kedudukannya berdekatan dengan Sekolah Agama Pelambayan.

Antara tujuan lawatan ke sekolah-sekolah ialah untuk lebih mengeratkan lagi hubungan muhibah dan tali silaturahmi serta kemesraan dan kesefahaman di antara Penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung dengan pihak sekolah khususnya guru-guru besar di sekolah-sekolah yang terdapat dalam Mukim Kota Batu.

Manakala lawatan ke masjid-masjid adalah bertujuan untuk berbincang tentang rancangan jangka pendek dan panjang yang boleh diusahakan bersama antara Ketua-ketua Kampung dan Imam khususnya bagi memajukan kampung dan masjid.

Di samping itu tujuan lawatan ke kampung-kampung, klinik-klinik kesihatan, balai-balai polis juga turut dijelaskan oleh Penghulu Mukim Kota Batu iaitu untuk meninjau dan mengetahui lebih dekat keadaan dan suasana kampung-kampung dalam Mu-

kim Kota Batu, di samping menanamkan semangat kerjasama dan kerja berpasukan di antara Penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung.

Tujuan lawatan ke klinik pula ialah untuk mengenal lebih dekat lagi peranan dan tugas masing-masing antara Penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung dan mendapatkan maklumat yang boleh disebarluaskan kepada anak-anak buah kampung dan mukim.

Manakala, lawatan ke Balai Polis bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang peranan dan tugas serta tanggungjawab pos polis dan balai-balai polis di kawasan kampung dan mukim, di samping memupuk perasaan hormat-menghormati, percaya-mempunyai dan kemesraan yang berterusan antara Penghulu dan Ketua-ketua Kampung, pihak polis dan orang ramai di kampung berkenaan.

Lawatan berjadual tersebut telah bermula 13 Januari yang lalu dengan membuat lawatan ke Sekolah Rendah Datu Gandi dan dijangka berakhir 13 November 2005 dengan Majlis Ramah Mesra Rumah Terbuka Penghulu Mukim Kota Batu.

Dari muka 12

ja sambil kepalanya membayangkan wang ringgit yang akan dikikisny.

Datuk Mansor mengenakan jaket Calvin Klein warna hitam yang lebih menyerlahkan kekacakannya. Pertemuan dengan Shyafina pada tempoh hari sering terbayang di benaknya. Kecantikan Shyafina juga sering berlegar di dalam khayalannya. Lalu dia membuat keputusan menghubungi Shyafina untuk menyatakan hasratnya bertemu Shyafina di Brunei. Apabila Shyafina memberikan persetujuan, dia terus saja menempah tiket ke Brunei pagi itu. Dia dan Shyafina akan bertemu di Hotel Empire pada petang itu juga.

Dengan penuh kesabaran, Datuk Mansor menanti ketibaan Shyafina. Berkali-kali dikejutkannya pintu masuk, memerhati jika Shyafina sudah sampai. Tepat jam lima setengah petang, Shyafina muncul di depan Datuk Mansor. Bau minyak wangi Christian Dior dapat dihidu dari tubuh Shyafina yang memakai blaus dan skirt warna biru. Bau harum itu ditambah lagi penampilan anggun Shyafina membuat Datuk Mansor bertambah tertarik terhadap Shyafina.

"Wah, cantiknya!" puji Datuk Mansor, matanya tidak lepas memerhatikan tubuh Shyafina.

"Abang Mansor pun apa kurangnya! Begitu kacau sekali!"

Sebelum menikmati makan malam di Restoran Atrium milik Hotel Empire, mereka beringan menyusuri persisiran pan-

tai sambil berpegangan tangan, leka menikmati pemandangan indah matahari yang terbenam di bibir langit. Sungguh mengasyikkan. Cahayanya yang keemasan tumpah di atas dada laut yang saujana kebiruan, menjadikannya tampak cerah bergemerlapan. Langit juga kian bertukar warna, perlahan-lahan melabuhkan senja yang merah berseri. Angin juga bertiup perlahan, menghembus-hembuskan tubuh hangat yang sedang mesra berpelukan itu.

"Esok Shyafina akan terbang ke Sydney," jelas Shyafina sambil melihat Datuk Mansor yang sedang menghirup jus orennya.

"Abang juga terpaksa pulang ke Malaysia pagi esok," jelas Datuk Mansor hampa, pertemuannya dengan Shyafina begitu singkat.

"Abang ... abang sayang Shyafina tak?" Shyafina mula mengatur langkahnya.

"Sudah tentulah abang sayang," Datuk Mansor menggenggam erat jari-jari Shyafina.

"Esok Shyafina akan ke Sydney tapi Shyafina ..."

"Apa dia sayang? Kalau ada masalah biar saja abang tolong!" Datuk Mansor mula kelihatan resah, risau dengan teman wanitanya itu. Masalah Shyafina, masalahnya juga.

"Shyafina nak belikan abang buah tangan di sana nanti tapi ..." Shyafina tunduk malu. Datuk Mansor mula mengerti dengan maksud Shyafina itu.

"Baiklah!" Datuk Mansor terus ketawa kecil apabila Shyafina meluru untuk memeluknya tanda berterima kasih.

Penerbangan ke Sydney pagi itu mengambil masa

berjam-jam, begitu memenatkan. Tetapi penat itu hilang begitu saja apabila Shyafina memandang sampul surat berwarna kuning miliknya itu. Dia langsung tidak memberitahu sesiapa termasuk Nora mengenai isi sampul surat itu. Itu adalah rahsia antaranya dan Datuk Mansor. Dia masih ingat lagi kejadian yang berlaku pada malam tadi.

Datuk Mansor telah mengajaknya ke bilik hotelnya untuk memberikan barang yang diminta oleh Shyafina itu. Dengan gembiranya dia menyerahkan sebuah sampul surat berwarna kuning kepada Shyafina. Dengan penuh tanda tanya, Shyafina membuka sampul surat itu dengan hati yang berdebar-debar. Dengan hati yang melonjak keseronokan, Shyafina memegang-megang beberapa keping wang kertas \$10,000.00 yang terdapat di dalam sampul surat itu.

"Wang sepuluh ribu itu cukupkah untuk Shyafina membeli-belah di Sydney nanti?"

Shyafina tidak menjawab, terlalu gembira. Dia hanya mampu menggugurkan kepalanya.

"Abang memang sangat sayangkan Shyafina. Cakap saja berapa yang Shyafina hendak, pasti abang akan berikan," Datuk Mansor mula memerangkap Shyafina dengan wang ringgit.

Shyafina mula lemas, tenggelam dengan wang ringgit yang berada di tangannya. Wang itu telah mengaburkan mata dan hatinya. Termakan dengan hasutan iblis, dia mula lupa akan akhirat. Baginya wang adalah segala-galanya, nyawa dan kebahagiaan. Dia berazam untuk lebih giat mendapatkan

wang walau dengan apa cara sekali pun. Kecantikan dirinya akan diujikannya modal utama untuk melakukan semua itu.

Datuk Mansor cuba menggunakan peluang keemasan itu untuk memeluk tubuh Shyafina. Mulutnya berkali-kali melepaskan ciuman di belakang leher Shyafina. Manakala tangannya liar menjamah tubuh gadis sunti itu. Shyafina hanya merelakan perbuatan lelaki itu ke atas tubuhnya. Dia sudah hilang pedoman, benar-benar tenggelam dalam keghairahan dan wang ringgit. Akhirnya mereka berdua rebah di atas katil, memuaskan nafsu yang membara-bara.

Pagi itu, Shyafina lebih bertindak liar untuk melancarkan misinya - memerangkap lelaki berharta. Setelah menyedari seorang penumpang muda yang memakai sut mahal Giorgio Armani ditambah lagi dengan sebuah jam Rolex berharga \$10 ribu di pergelangan tangannya, Shyafina cuba menggodanya dengan melirik manja terhadap pemuda itu sambil menggonggongnya melenggong-gong menaikan berahi lelaki.

"Nama saya Doktor Norman. Boleh saya berkenalan dengan saudara yang manis ini?" Lelaki melayu kacukan Eropah itu akhirnya termakan umpan Shyafina.

"Apa salahnya jika Dr. Norman betul-betul ikhlas," kata Shyafina lembut. Kemudian dia terus memperkenalkan dirinya, "Saya Shyafina."

"Apa rancangan Shyafina di Sydney nanti?"

"Belum pasti lagi," jawab Shyafina ringkas.

"Okay, bagaimana jika

kita berdua keluar bersiar-siar petang ini?"

Shyafina tersenyum girang tanda setuju. Tepat jam dua petang di Sydney, Shyafina sudah pun bersedia di menanti Norman di lobi hotel seperti yang dijanjikan. Dia mengenakan pakaian yang agak seksi sehingga mendedahkan separuh dadanya yang montok itu. Norman terpukau dengan kecantikan Shyafina yang anggun seperti model terkenal.

Tanpa membuang waktu mereka terus keluar bersiar-siar di kesibukan bandar Sydney yang menawan. Sepanjang perjalanan itu Shyafina dan Norman begitu rancak berbual. Biar pun baru kenal, namun sudah terasa keserasian di antara mereka berdua. Gelagat mereka nampak seperti sepasang kekasih yang sedang bercanda mesra.

Malam itu Norman mengundang Shyafina ke pesta jamuan rakannya di sebuah hotel eksklusif di bandar Sydney. Oleh kerana tiada rancangan malam itu, Shyafina lantas setuju. Sebelum itu Norman telah membawa Shyafina pergi ke kedai butik eksklusif, tujuannya untuk membelikan Shyafina pakaian mewah yang akan dipakainya di pesta itu nanti. Tidak cukup dengan pakaian, Shyafina juga dihidangkan seutas rantai berlian untuk dipadankan dengan gaun warna hitamnya.

Shyafina berasa cukup bahagia berada di dalam pelukan Norman. Mereka menari perlahan dibuai oleh irama biola yang merdu mendayu-dayu itu. Gaun mahal dan rantai berlian itu benar-benar menyerlahkan kecantikan Shyafina, berkali-kali dia

dipuji oleh rakan-rakan Norman di pesta itu. Norman juga berasa bangga dengan pilihannya.

Selesai menari, mereka kembali semula ke meja mereka. Keadaan di dalam restoran eksklusif itu agak romantik sekali, hanya diterangi oleh cahaya lilin merah yang disusun rapi di atas setiap meja makan. Lagu-lagu sentimental juga tidak henti-henti kedengaran di gegandang telinganya, didendangkan oleh pancaragam hotel tersebut. Malam itu sungguh istimewa.

Shyafina bingkas bangun dari tempat tidurnya, kepalanya sedikit pening akibat dari minuman keras Martell yang diminumnya semalam. Tubuhnya yang tidak ditutupi oleh seurat benang itu melekat penuh dengan bau alkohol itu. Di sisinya Norman terbaring dalam keadaan berbogel, masih terlena. Shyafina bergegas mandi dan berpakaian, pagi itu juga kapal terbang RBA akan terbang pulang ke Brunei Darussalam.

Sebulan kemudian Shyafina jatuh sakit, kepalanya selalu pening-pening. Selera makannya juga semakin kurang, menjadikan tubuhnya semakin kurus. Kadang-kadang tekaknya terasa loya hingga termuntah-muntah. Penyakit anehnya itu begitu membimbangkan Shyafina. Sebelum ini dia belum pernah mengalami sedemikian rupa.

"AIDS adalah sejenis penyakit yang disebabkan oleh sejenis virus yakni HIV yang menjadikan sel-sel putih dalam tubuh seseorang itu tidak lagi berupaya melindunginya daripada serangan penyakit. HIV boleh merebak dan berjangkit melalui perhubu-

ngan seks ..."

Shyafina terus saja mematikan suis peti televisyen itu, tidak sanggup lagi mendengar kata-kata pengacara rancangan kesihatan itu. Penerangan mengenai AIDS itu membuatkan tubuhnya terketar-ketar, menggigil ketakutan. Rona mukanya bertukar menjadi pucat keputihan. Bayangan-bayangan maut mula mencelaruhan mindanya, jiwanya mula tertekan. Dia mula menyedai di atas perbutannya.

Shyafina memandang doktor wanita berbangsa India yang duduk di hadapannya, dadanya berdebar, dahinya berkerut takut. Doktor itu memandang kertas yang tertera hasil keputusan ujian kesihatan Shyafina.

"Cik Shyafina ..." kata Doktor itu dengan lemah lembut.

Shyafina terus menceleh, "Ya, doktor!" Shyafina tersangat takut, jantungnya mula berdegup pantas.

"Tahniah!" Doktor itu tersenyum.

Shyafina mati akal. Pelbagai soalan menjuah ke kepalanya, mindanya mula berkisar kusut. Kalut. Doktor wanita itu tersenyum kembali kepada Shyafina sambil menghulurkan tangannya untuk mengucapkan tahniah.

"Cik Shyafina telah mengandung," kata doktor itu, akhirnya misteri telah terjawab.

Perkataan 'mengandung' itu menghambat jiwanya. Air mukanya tiba-tiba sahaja keruh melihat perutnya. Kata-kata doktor itu tidak lekas dijawabnya. Wajahnya sugul. Dia hanya mampu terdiam namun hatinya tertanya-tanya.

"Anak siapakah ini?"

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

CAHAYA HIJRAH

Penghijrahan Nabi Muhammad dan umat dari kegelapan manusia di bumi Mekah menerangi di bumi Madinah Al-Munawwarah kota suci kota bercahaya.

Dari sinar wahyu-Nya di atas insan pilihan Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mengusir segala kemungkaran mengusir segala kemaksiatan.

Manusia yang tiada berperikemanusiaan manusia yang tiada beriman kepada Tuhan.

Hijrah adalah kemenangan Nabi kita hijrah adalah warisan junjungan kita.

PUTERI LELA MENCHANAI

Cantik puteri raja
Puteri Lela Menchanai namanya
kulit tubuhnya putih
alisnya lentik
mata bulat
pipi lesung pipit
rambut hitam
panjang terurai
bergelombang
leher panjang
tergoda bila terpan pandang.

Konon-kononnya
Puteri Lela Menchanai
berasal dari tanah Jawa
zaman kegemilangan empayar Majapahit
di Nusantara
rajanya banyak muslihat
dan ragamnya pelbagai.

Perihal Sultan Bolkuah dalam pelayaran mencari jalan pulang menyusur lautan ditemukan dengan Puteri Lela Menchanai dan dimitoskan puteri dalam buih air yang jernih.

PERJALANAN MANUSIA

Jangan selalu mendewa-dewakan keturunan mahupun pangkat dan darjat menjadikan manusia lupa kepada dirinya.

Keturunan hanya hukum alam pangkat dan darjat ciptaan manusia Allah menjadikan manusia serupa setitik air yang bening suci adanya Adam dan Hawa dan renung-renungkan sejanak darah merah mengalir setiap ketika.

Ibu mengandung sembilan bulan sembilan hari kemudiannya lahir bayi ke dunia dari rahim ibu.

Dari anak yang kecil sampai remaja, dewasa dan akhirnya menjadi tua hari-hari tua pun dilalui kemudian kembali menemui Allah.

Renung-renungkan sejenak darah merah mengalir setiap ketika dari-Nya engkau datang dari-Nya engkau kembali.

Mahadi R. S.

BERHATI-HATI DI JALAN RAYA

Setiap nafas yang berdenyut itulah demi saat gerak nyawa kecelakaan mengejar mangsa bermacam-macam ada bentuk rupa tanpa diduga.

Amaran rohani dan jasmani yang di dalam jiwa tidak seimbang gerak dan rasa kelainan itulah tanda musibah datang.

Kerana kelalaian alfa dan lupa sering bergadag dibuai angan.

Tidak dijangka malang tidak berbau diri tersentak tubuh terperap nasib masih baik separuh jasad lenyap, baru nak beringat.

Darah banyak yang tumpah dari malang yang menimpa dalam perjalanan ikut sesuka hati sebab lupa diri ikut rentak sendiri.

Ingatlah, akur pada peraturan kehancuran tetap menunggu dan terus menunggu sedang kita dibuai nafsu dan dungu.

WAJAH YANG AYU

Wajah yang ayu cinta menggamit rindu damai hati yang menatap mengulum hasrat menyimpul merungkai gurindam luka dari derita cerita sengsara.

Setiap saat hati rindu wajah yang ayu melupa pembalut luka-luka rel kehidupan tanpa sinar bahagia masih berdendang mengalun cerita.

Wajah yang ayu membawa damai sebuah hakikat yang menganyam hasrat menyimpul dari dendam pada seorang yang belum sudah.

Wajah yang ayu memberi ilham berdamai selama ini ianya tetap penawar hati yang dangkal yang setiap musim terpinggir cuitan perasaan mengetuk menguji kedewasaan perjalanan hayat.

Wajah yang ayu kelembutanmu menyembuhkan aku bermusim-musim kehilangan pendirian tanpa noktah penghabisan tapi kini sudah terhakis yang dapat meleraikan kesakitan wajahmu yang ayu.

GELOMBANG HIDUP

Di hutan sepi hening indah dan sejuk menjamah tubuh gamitan jiwa terguris rasa seperti belaian si anak sunti belum dijamah menyendiri di tepian kali di pinggir tanpa putus air mengalir dari danau aman tenteram seperti negara adil yang tidak pura-pura alim dan seperti damainya pusara orang beriman selepas gugur di medan perang di kali air yang mengalir itu nun di sana lokasi yang indah dinding-dinding bukit-bukau aku terpukau seperti menang berjudi pakau kututup matakku terasa terguris membelai ilham melintas dan menggamitku minta dipaparkan di kertas syair aku menulis dan bersyair sebuah curitan kepahitan serpihan dan tagar-tagar hidup hidup di pedalaman dan di kota yang dikata makmur subur padahal gendang irama masih sumbang memanjang tatacara berterusan tahun enam petang tak bercahaya hijau tidak dapat disantap dan diratah ...

muak dan muntah kurang segala tetapi berkemampuan serba-serbi ada di dalam sekangkang kera karisma hidup tanpa dilema tapi tidak terungkayah bukti nyata kutu di jalanan masih bertempiran lepak dengan sigupan khayalan seperti dedaun berguguran disepak dibiarkan persis seperti tulang-tulang negara berlempakan menjadi sampah masyarakat ayuh jangan dungu melirik sebelah mata jangan tau menghina tapi ingkar membina mengapa mereka dibiarkan dunia sering bersuara mana aset perjuangan yang selalu dilaungkan untuk meroboh singgahsana pengangguran? justeru pun begitu jangan sampai terbiar harus dielak lorek akhlak yang terkutuk dibela dan bangunkan strategi indah senyum pekerti luhur demi menegak tamadun akidah suruhan Allah.

Gelombang hidup yang melempaskan ini dipohonkan kepada Allah dan usaha sebagai penyelamat abadi benar pun dunia luas terbentang, tapi tidak lagi banyak baki yang suci untuk mengenal keesaan-Nya mereka pro teknologi dan tidak percaya monotheism.

Haji Mat Noor Matussin

AKANKAH MANUSIA TERSENYUM?

Ledakan tercetus di sana sini cuba menghancurkan isi bumi tak menyedari dan tak menghargai tak mengasihani apalagi menyayangi kehidupan dan nyawa kini hanyalah caturan peribadi tangan-tangan munafik.

Jasad seperti sudah tidak berharga lagi seperti sampah tumpah busuk dan hanyut! mencemari kebersihan laut mengotori tanah dengan limpahan darah udara berbau nanah!

Kejamnya manusia ... tak terbayangkan suatu hari nanti bumi ditumbuhi bangkai-bangkai kehancuran akhirnya, wang dan kuasa tidak berguna lagi dan binatang pun membenci manusia akankah manusia tersenyum?

BERHATI-HATILAH

Manusia yang bukan manusia semakin menjadi-jadi semakin berselerak di pentas maya manusia yang banyak muka manusia yang banyak helah manusia yang banyak lidah manusia yang mementingkan nafsunya awas!

Tapi bagaimana mengenalnya? mereka jua sama mereka jua pandai mereka jua berkulit seperti kita di sekeliling kita? mana ketara!

Hanya ... berhati-hatilah andai terkena akan peritlah terasa kerana kejujurannya berlapis dusta sukar dibendung menyeka secara halus.

BISIKAN CINTA

Pernahkah kau mendengar bisikan cinta yang payah kau lupakan sampai menghantui separang waktu dan hari hingga memaksamu mencari milik siapakah bisikan itu?

Bisikan cinta sukar dimengerti tak tertahan jiwa dibuatnya terlalu hebat kuasa bisikan yang memanah asmaramu!

Sesungguhnya ... bisikan cinta sejati tak mudah dicari adakala bak panas mentari awal bahagia tapi dingin di hujung senja bak embun nan lesap kerana jemu.

Tetapi ... bisikan cinta suci ialah bisikan kejujuran kepercayaan dua hati saling mengerti dan memenuhi kehendak jiwa, batin, jasad dan emosi.

Husaimy

NYANYIAN SEORANG TUA

Seikhlis macam apa hati diberikan sejujur bagaimana budi ditaburkan setinggi apa jasa diulurkan cuma untuk sebuah kehancuran.

Tidak mengharapkan budi dibalaskan bukan minta jasa supaya dikenangkan cuma sekadar mengharap satu penghormatan bagi sekujur masa di penghujung kehidupan.

Anak-anak yang dikasihi senyum tawamu penawar duka sedu tangismu racun berbisa lukanya terasa sepanjang zaman.

Mungkin esok ... mungkin juga lusa ayah dan ibu berkelana jauh di Syurga pergi dengan hati nan lara bersama iman dan takwa barangkali ada sisa-sisanya buat pelindung bahang Neraka berserah diri pada Pencipta Maya.

Tinggalkan harta dengan keindahan lenyaplah kedudukan bersama kepudaran semua akan diperhitungkan kemuliaan yang diagung-agungkan akan pudar dan padam bersama pertanyaan demi pertanyaan di padang nan tandus penuh debu tiada bisikan untuk jawapan dari teman/kawan sepermainan seperti hidup dahulu kala akan terjawabkah nanti semua itu ...!

NYANYIAN SIKECIL

Lahirmu bagaikan sinar kerlipan sebutir mutiara menerangi ruang gelap nan gerhana dalam sekeping hati penuh duka ... penuh lara.

Tangis manjamu yang memanjang bagai alunan gesekan biola dahulu kala mendodoi rasa yang semakin kempis membelai tali jantung dari putus ranting kedukaan.

Lagu merdumu menyentuh rasa nyanyian sumbangmu mengucup jiwa lakonan manjamu selembut alus jua dindang hiruk-pikukmu semerdus dang mengalai gundah-gulanamu sehinang samalindang.

Kaulah payung di kala hujan panas memanjang kaulah manja ketika api membara kaulah sayang di kala kecewa menerpa juga kaulah selimut bila dingin bermaharajalela kaulah lagu kaulah irama kaulah segalanya.

Maya Brunei



سنتیاسر برسام بیسکیت
Sentiya Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تیلبییشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana iya rancangan

R A B U 9 FEB	PAGI		10.05	TELENOVELA- 'Daniella'	PETANG		TAHUN 1425 DAN AWAL	9.15	DRAMA - 'Menadah Gerimis'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.00	HELLO BAKAT	2.10	MOVIE MAGIC SPECIAL - 'Dinomania'	TAHUN 1426 HIJRAH,		NEWS AT 10
		KEBANGSAAN	11.15	LIPUTAN SEMASA - Ulangan	3.00	ANIMATION SPECIAL - 'Beauty And The Beast'	SEMBAHYANG	10.00	BERSAMA MUFTI
	6.02	TILAWAH AL-QURAN					BERJEMAAH MAHGRIB	10.30	SEMPENA AWAL TAHUN
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.35	INSIDE THE GRAND PRIX	4.20	DOKUMENTARI	DAN SAMBUTAN TAHUN		HIJRAH 1426
	9.00	BERITA	12.00	TAYANGAN GAMBAR	5.20	GILLETTE WORLD OF SPORT	HIJRAH 1426 - Siaran Langsung	11.30	DOKUMENTARI - 'Journey Into Islamic China'
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.36	CHINA - 'Eighteen Springs'	5.45	BERITA			MUTANT X SR. 2
	10.00	RANCANGAN HARI INI	12.45	TAYANGAN GAMBAR	5.55	TELEMED		12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT
			CHIINA - Sambungan	6.00	MAJLIS DOA AKHIR	8.30	BERITA NASIONAL	12.45	

K H A M I S	PAGI		Sambungan	PETANG		5.55	THE MOST EXTREME 'Predators'	8.00	BERITA NASIONAL
			10.00	RANCANGAN HARI INI	1.00	MA'AL HIJRAH -		8.50	NADWAH AWAL TAHUN
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.05	TELENOVELA-		Siaran Langsung	6.33		HIJRAH
		KEBANGSAAN		'Daniella'	3.56	AZAN ASAR	6.45	10.00	NEWS AT 10
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.15	BERSAMA MUFTI -	4.02	DOKUMENTARI -		10.30	DRAMA - 'Yang Tersohor'
	6.12	RAMPAI PAGI -		Ulangan		'Routes Of Islam'		11.00	TAYANGAN GAMBAR
		Siaran Langsung	12.15	DOKUMENTARI -			7.00		ARAB - 'Ueysei Karani
	9.00	BERITA		'The Muslim World'	4.47	DRAMA - 'Yang Terhiris'	7.30		(Quis Al-Qami)'
10 FEB	9.15	RAMPAI PAGI -	12.36	AZAN ZUHUR	5.45	BERITA	7.44	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

J U M A T 11 FEB.	PAGI	10.00	RANCANGAN HARI INI	PETANG		HINDI - Sambungan	7.30	SEIMBAS SR. 2		
		10.15	THE LEGEND OF ZORRO	1.30	VISI SUCI	5.20	THE SEVEN LITTLE MICE	7.45	AZAN ISYAK	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.50	SADDLE CLUB	2.00	TETAMU SUKAN	- Siri Baru	8.00	BERITA NASIONAL	
		KEBANGSAAN	11.15	APA INI APA ITU	2.30	LAGENDA - Ulangan	5.45	BERITA	9.00	TABIR SR. 3
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.30	BERITA	3.00	TAYANGAN GAMBAR	6.00	LIFE	9.30	HELLO BAKAT - Ulangan
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.45	JEJAK RASUL		HINDI - 'Bade Miyan Chote Miyan'	6.34	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
		BERITA	12.15	RETURN OF THE EPIDEMIC DISEASES		MALAM	6.45	MUTIARA	10.40	KHUTBAH JUMAAT
	9.00	BERITA							10.55	TELEDRAMA - 'Ku Lagu Cinta Bisu'
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.30	SEMBAHYANG FARDU	3.56	AZAN ASAR				
			JUMAAT- Siaran Langsung	4.02	TAYANGAN GAMBAR	7.00	LIPUTAN SEMASA	12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT	

S A B T U 12 FEB	PAGI		20.05	KIDS HOUR - <i>'Silver Brumby/Lit' Elvis Jones and The Truckstoppers'</i>		'ALAT TRADISIONAL BULUH' - Ulangan	3.56	AZAN ASAR	MALAM	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN			12.36	AZAN ZUHUR	4.10	DOKUMENTARI - <i>'Secret Of India'</i>	7.00	DUNIA ASIA
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.55	WATER VOICES -					7.30	PAN ASIA
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.20	DRAMA - PICAYAKAH INDA - Ulangan	1.20	PANGGUNG PETANG SABTU - <i>'Apt Pupil'</i>	5.00	KIDS HOUR - <i>'Spiderman/Supermodel'</i>	7.45	AZAN ISYAK
	9.00	BERITA					5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.30	BERITA	2.25	DOKUMENTARI	6.10	LATITUDES	8.50	HIBURAN HUJUNG MINGGU
			12.15	DOKUMENTARI -	2.50	ODD SPORT	6.34	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
	10.00	RANCANGAN HARI INI		GAYA HIDUP 2 -	3.15	ANDROMEDA	6.45	PEDOMAN AKIDAH	10.30	PERTANDINGAN TAUSYEH 2004
								12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT	

PAGI		'Rocket Kidz/Gladiator Academy'	LEAGUE 2004/2005 - 'Goals'	'Semarak Budaya'	MALAM
A H A D 13 FEB	6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.00 PIMPING	4.45 ENGLISH PREMIER	6.35 KAUNSELING MASYARAKAT	7.00 BRUNEI SIUK SR. 4 - Ulangan
	6.02 TILAWAH AL-QURAN	11.15 SUNDAY MATINEE - 'Miracle On The Mountain'	5.05 LEAGUE 2004/2005 - 'F.A. Cup Round 4'	6.05 ANIMATION - 'Sleeping Beauty'	7.45 AZAN ISYAK
	6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung BERITA	11.30 BERITA	2.40 JUARA - Siaran Langsung	5.35 WHAT DO YOU THINK ABOUT THAT?	8.00 BERITA NASIONAL
	9.00	11.45 SUNDAY MATINEE - Sambungan	3.10 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT	5.45 BERITA	8.50 TIRAI KELUARGA - 'Sayang Sibuta'
	9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan	12.36 AZAN ZUHUR	3.56 AZAN ASAR	6.10 NERVES OF STEEL	10.00 NEWS AT 10
	10.00 RANCANGAN HARI INI	PETANG	4.05 PERTUKARAN	6.34 AZAN MAGHRIB	10.30 TIRAI KELUARGA - Sambungan
	10.05 ANIMATION HOUR -	1.15 ENGLISH PREMIER	6.45 RANCANGAN MOU RTB/STV12 -	6.45 PENGAJARAN DARI AL-QURAN	10.50 GUARDIAN
					11.40 DOA DAN SIARAN TAMAT

I S N I N	PAGI		Sambungan	PETANG		BERITA		BERITA NASIONAL
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00 RANCANGAN HARI INI	4.00 LAGU KEBANGSAAN	5.45		8.00	
		KEBANGSAAN	10.02 TELENOVELA-	4.02 TILAWAH AL-QURAN	5.55	YOUNG AND WILD	8.50	DRAMA - 'Woksyop'
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	'Daniella'	4.15 RANCANGAN HARI INI	6.33	AZAN MAGHRIB	9.30	SEMINAR PROMOSI
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.00 KALAU DAPUR TAK	4.20 ANIMATION -		BIMBINGAN KELUARGA		KESIHATAN
		Siaran Langsung	BERASAP - Ulangan	'Nanook's Great	MALAM		10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	11.30 BODY AND SOUL	Hunt/Harold And The			10.30	SUKAN GLOBAL
14 FEB	9.15	RAMPAI PAGI -	12.00 SIARAN TAMAT	Purple Crayon'	7.00	LIPUTAN SEMASA	11.00	KILL OF CURE -
				5.15 TOTALLY HIDDEN VIDEO	7.30	ORANGE ROOM YR. 3		'Infection'
				YR. 3	7.44	AZAN ISYAK	11.50	DOA DAN SIARAN TAMAT

S E L A S A 15 FEB	PAGI		Sambungan	PETANG	6.34	AZAN MAGHRIB	8.50	DOKUMENTARI		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	RANCANGAN HARI INI	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.45	AL ISLAM	9.30	PERSPEKTIF
		KEBANGSAAN	10.02	TELENOVELA-	4.02	TILAWAH AL-QURAN	MALAM		10.00	NEWS AT 10
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		'Daniella'	4.15	RANCANGAN HARI INI	7.00	SITKOM RTB/RTM	10.30	WORST CASE
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran	11.00	SAJIAN OREINTAL -	4.20	KIDS HOUR - 'Toy Toons'	7.30	DOKUMENTARI -		SCENARIO
		Langsung	11.30	Ulangan	5.00	SEA HUNTERS		'Gendang Si Dundang'		DARK SKIES
	9.00	BERITA		LIPUTAN SEMASA -	5.45	BERITA	7.45	AZAN ISYAK	11.20	DOA DAN SIARAN TAMAT
				Ulangan	6.10	ZIHNUL ISLAM	8.00	BERITA NASIONAL	12.10	
	9.15	RAMPAI PAGI -	12.00	SIARAN TAMAT						



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair ketika melancarkan EDC PMONet, Jabatan Perdana Menteri di Bangunan Sekretariat di ibu negara. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

INISIATIF ORANG RAMAI DIBERI PENGHARGAAN

BANDAR SERI BEGAWAN 26 Januari. - Jawatankuasa Bertindak Bantuan Yayasan Ke Aceh, Republik Indonesia bagi kali kedua berlangsung hari ini bagi mendengar laporan pelaksanaan urusan bantuan seperti bantuan kesukarelawanan, urusan logistik, perhubungan urusan perubatan dan perkara yang berkaitan dengannya.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin di Ibu Pejabat YSHHB di Jalan Kumbang Pasang di sini.

Mesyuarat tersebut merupakan susulan dari mesyuarat yang pernah diadakan pada 8 Januari lalu, di samping untuk menimbangkan langkah-langkah bantuan selanjutnya.

Menghadiri mesyuarat tersebut ialah wakil-wakil dari Kementerian Kesihatan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta sebahagian ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Yang Berhormat di mesyuarat tersebut melancarkan penghargaan yang tinggi kepada orang ramai yang menyambut baik inisiatif YSHHB dan merasa yakin orang ramai dan orang-orang persendirian serta pihak-pihak berkenaan akan sedia membantu dalam menjayakan bantuan seterusnya terutama dalam bantuan fasa pemulihan nanti.

Menurut Yang Berhormat sehingga hari ini Unit Kesukarelawanan YSHHB telah menerima sumbangan berupa barangan sekitar 20 tan di mana dua per tiga darinya telah selamat diangkut menerusi Pe-

nerbangan Diraja Brunei (RBA) dan sumbangan berupa wang adalah sejumlah \$196,862.58 termasuk kutipan tabung di Kompleks YSHHB.

Sementara Pemberita PELITA BRUNEI yang menemui bual Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB sejourus selesainya mesyuarat petang itu menyatakan bahawa inisiatif YSHHB memang di ketahuai umum iaitu bagi bantuan mangsa-mangsa Tsunami di Aceh.

Menurut Yang Berhormat inisiatif tersebut mempunyai dua peringkat iaitu peringkat menyelamat dalam erti kata memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa yang terselamat, bantuan perubatan dan juga bantuan makanan, minuman dan pakaian.

Fasa ini, jelas Yang Berhormat sedang dan telah dilakukan sejak dua minggu lalu dan sedang berjalan pada masa ini serta alhamdulillah hajat sebagaimana yang dinantikan oleh orang ramai yang menyumbang kepada inisiatif tersebut telah pun dapat disempurnakan dengan sebaik-baiknya iaitu dengan kerjasama semua pihak yang terlibat seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kementerian Kesihatan malah juga RBA yang menerbitkan sejumlah 17 tan bantuan yang dikumpulkan oleh YSHHB ke Medan dan dari Medan diangkut oleh pesawat ABDB ke Sabang di Aceh.

Menyentuh mengenai mesyuarat petang itu, Yang Berhormat antara lain menjelaskan bahawa mereka juga telah membina-

cangan mengenai menimbangkan langkah-langkah selanjutnya dalam fasa kedua.

Fasa kedua, jelas Yang Berhormat adalah berupa rekonstruksi (pembangunan semula) penyertaan orang ramai di Negara Brunei Darussalam menerusi inisiatif ini sedaya upaya yang kita terdaya mengikut saiz dan keupayaan kita.

Perkara itu pada peringkat ini, jelas Yang Berhormat, boleh dikatakan masih lagi dalam penyiasatan di mana penyiasatan tersebut melibatkan untuk mengenal pasti sasaran dan mengenal pasti 'strategic partner' di Aceh.

Bagaimanapun tambah Yang Berhormat dalam masa yang sama inisiatif ini sentiasa mengambil kira bahawa pembangunan semula itu bererti juga 'replanning' oleh pihak pemerintah Indonesia.

Hal-hal sedemikian itu juga perlu mengadakan perundingan dengan pihak-pihak tertentu di Aceh bagi kesesuaian perancangan yang dibuat oleh pemerintah Indonesia, jelas Yang Berhormat.

Ke arah perkara itu YSHHB akan sentiasa menyalurkan usaha-usaha berkenaan dengan pihak-pihak yang berkewajipan di Indonesia.

Penghantaran pertama bagi bantuan kemanusiaan kepada mangsa badai Tsunami di Aceh telah disempurnakan pada 19 Januari lalu dengan jumlah muatan kira-kira 17 tan yang berupa ubat-ubatan, peralatan, perubatan, makanan dan minuman serta pakaian.

PMONet jadi matlamat JPM memberkesankan perkhidmatan

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Januari. - Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair menegaskan bahawa secara menyeluruh dan meluas PMONet adalah menjadi matlamat JPM untuk memberkesankan lagi perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan-pelanggannya dalam bentuk rangkaian iaitu kerajaan dengan kerajaan, kerajaan dengan kerajaan, kerajaan dengan kerajaan dan kerajaan dengan orang ramai.

Yang Berhormat berkata, di awal perjalanan PMONet akan berdepan dengan rintangan dan cabaran, rintangan utama ialah pengijrahan budaya kerja dari manual kepada menggunakan kemudahan ICT.

"Mindset kita yang terikat dengan cara bekerja yang lama memerlukan perubahan," jelasnya.

Menurut Yang Berhormat, itu bukanlah sesuatu yang mudah tetapi kita tidak mempunyai pilihan yang lain selain daripada

Oleh
Abdullah Asgar

da komited untuk melakukannya dengan secepat mungkin dalam waktu yang singkat serta penuh azam dan tekad daripada semua pihak.

"Natiyah yang akan kita hadapi ialah jika ia tidak dilakukan dengan azam yang kuat serta secara keseluruhan, perjalanan kita pasti akan memakan masa yang lebih lama lagi," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat menjelaskan perkara itu ketika berucap di Majlis Pelancaran EDC PMONet, Jabatan Perdana Menteri di Bangunan Sekretariat di sini.

Katanya, tidak dinafikan ekspektasi orang ramai terhadap Perkhidmatan Awam semakin meningkat sejak diumumkan e-Kerajaan namun tidak kurang juga ianya diterima dengan penuh skeptikal.

"Ekspektasi dan spektikal inilah yang menjadi cabaran dan pendorong

utama kepada kita dengan membuat pelbagai persiapan dan melengkapkan diri dengan kefahaman dan kemahiran yang diperlukan," tegas Yang Berhormat.

"Saya ingin mengingatkan bahawa bagi mengembangkan dan memastikan kesinambungan aplikasi PMONet, sebagai warga JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya bukanlah semata-mata berperanan sebagai pengguna atau 'end user' tetapi kita juga adalah merupakan sebagai 'input provider' kepada PMONet," tambah beliau.

Adalah diharapkan, jelasnya, kemudahan PMONet On-Line itu juga akan memberi banyak ruang kepada pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk meningkatkan daya inovasi dan kreativiti mereka.

Ini, kerana kata Yang Berhormat, akan dapat dilakukan jika kita menggunakan kemudahan yang ada untuk mencambah fikiran dan berkongsi pengalaman serta pengetahuan sekali gus PMONet akan dapat dijadikan sebagai platform untuk mendorong

JPM menjadi sebuah 'learning organisation' yang mengamalkan budaya pengetahuan bagi meningkatkan tahap kemampuan sumber manusianya dan perkembangan organisasi.

Ibu Pejabat JPM di Istana Nurul Iman, Bangunan Sekretariat dan Berakas Transport Pool adalah agensi pertama di bawah JPM yang menggunakan perkhidmatan PMO On-Line yang dilaksanakan melalui projek PMONet manakala jabatan-jabatan lain akan mula boleh online pada bulan Mac hingga September ini.

Pemenang Pertandingan Menulis Slogan bagi PMONet juga menerima hadiah dalam majlis itu yang dimenangi oleh Ridzuan bin Haji Ahmad.

Projek kemudahan dan infrastruktur Pusat Data PMONet telah bermula pada Februari tahun lalu yang mana ianya merupakan salah satu projek dalam inisiatif e-Kerajaan JPM untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggannya.



PENGERUSI Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin memimpin mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Bantuan YSHHB Aceh kali kedua. - Gambar oleh Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Tabung Tsunami terus dapat sambutan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Tabung Bantuan Inisiatif Yayasan Kepada Mangsa Tsunami Di Aceh terus mendapat sambutan dari beberapa pihak kerajaan, sektor swasta dan orang ramai.

Hari ini saja, tabung tersebut telah menerima sumbangan sebanyak B\$10,000.00 daripada Syarikat Cathay Inland & Canora (CIC); B\$10,000.00 daripada Syarikat Lucent Technologies World Services; 8,000 helai pakaian daripada Syarikat Famous Textiles Sdn. Bhd; B\$5,000.00 sumbangan peribadi daripada Liew Yuwen; B\$4,510.00 daripada hasil kutipan para pegawai dan kakitangan Goh Hock Kee Motors Sdn. Bhd., sebanyak 2,520 set botol susu bayi disumbangkan oleh Syarikat Paul & Elizabeth Book Services, \$2,000.00 daripada Persatuan Pendidikan Sains Brunei (BASE) dan \$500.00 daripada Syarikat Haji Ibrahim Bersaudara.

Oleh Aliddin Haji Moktal

Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh wakil-wakil daripada syarikat-syarikat, persatuan dan orang perseorangan yang disampaikan kepada Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dalam Majlis Penyerahan di Kompleks YSHHB di sini.

Pihak YSHHB menjelaskan sebarang sumbangan orang ramai bolehlah diserahkan kepada Tabung Bantuan Inisiatif Yayasan Kepada Mangsa Tsunami Di Aceh dengan menghubungi Unit Kesukarelawanan, YSHHB, Tingkat 4, Kompleks YSHHB di ibu negara.



**JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**PROJEK : MEMBEKAL 3 UNIT JENTERA LIGHT PUMPER
BAGI JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA.**

KOD PROJEK: BFS/LTK/03/2005
BAYARAN TAWARAN : \$ 200.00

**PROJEK : MEMBEKAL 3 UNIT JENTERA WATER TENDER
LADDER BAGI JABATAN PERKHIDMATAN
BOMBA.**

KOD PROJEK : BFS/LTK/04/2005
BAYARAN TAWARAN : \$ 200.00

**PROJEK : MEMBEKAL 1 UNIT JENTERA ACCIDENT UNIT
BAGI JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA.**

KOD PROJEK: BFS/LTK/05/2005
BAYARAN TAWARAN : \$ 100.00

**PROJEK : MEMBEKAL 1 UNIT FIRE FIGHTING BOAT
Lengkap dengan Peralatannya BAGI
JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA.**

KOD PROJEK : BFS/LTK/06/2005
BAYARAN TAWARAN : \$ 200.00

Syarat-Syarat Tawaran:

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang dialamatkan kepada:-
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,

Pejabat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat,
Bandar Seri Begawan, BS8610,
Negara Brunei Darussalam.

- Tawaran mestilah dihantar dalam dua (2) salinan berserta salinan pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir pemilik syarikat berkenaan seperti nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, kad pengenalan atau passport pemilik sebagai rujukan Lembaga.
- Tarikh tutup tawaran ialah pada **22 Februari 2005**, hari Selasa tidak lewat jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Dokumen Tawaran boleh dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, Lapangan Terbang Lama Berakas dengan menunjukkan resit 'Tender Fee' yang telah dibayar.
- Pembayaran 'Tender Fee' mengikut projek yang diambil adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan. Pembayaran boleh dibuat di Bahagian Kewangan Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba pada hari-hari bekerja kecuali hari kelepasan awam.
- Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi dengan menyatakan Tajuk Tawaran dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dibuat rujukan dan tarikh tutup tawaran seperti yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti pembekal.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah dan lain-lain.
- Katalog/gambar asal peralatan yang ditawarkan hendaklah dihadapkan bersama semasa menghadapkan Dokumen Tawaran, manakala contoh-contoh bolehlah dihadapkan kepada Ketua Logistik dan Perbekalan, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Bomba.



**JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

BILANGAN TAWARAN : KASTAM/1/2005

**TAWARAN UNTUK MEMBEKALKAN SEBUAH KERETA(1)
KENDERAAN 4WD 5 DOORS BAGI JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA**

- TAWARAN akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 12.00 tengah hari hari **Isnin, 21 Februari 2005** bagi membekalkan 1 buah kereta (1) 4 WD 5 Doors bagi Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.
- Syarikat yang berhasrat untuk mengikuti tawaran ini dikenakan bayaran bagi setiap pengambilan satu (1) Borang tawaran atau Dokumen Tawaran sebanyak B\$50.00 (Lima Puluh Ringgit Sahaja) dan hendaklah membuat pembayaran di Bahagian kaunter Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam pada waktu-waktu bekerja biasa dan salinan resit hendaklah disertakan semasa menghantar tawaran. Wang borang tawaran atau Dokumen Tawaran tidak akan dikembalikan dan akan menjadi hak milik Kerajaan.
- Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (Sealed) tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim di luar sampul surat itu kecuali nama dan bilangan tawaran sahaja.
- Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti tawaran kepada alamat seperti berikut:-

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN NEGARA,
BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN,
COMMONWEALTH DRIVE,
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

- Syarikat-syarikat yang berhajat bolehlah mendapatkan keterangan-keterangan lanjut berhubung dengan tawaran berkenaan di Bahagian Logistik, Tingkat 2, Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam pada waktu bekerja biasa.
- Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran sama ada yang rendah atau lain-lain tawaran.

Nama Tawaran : MEMBEKAL SEBUAH (1) KERETA JENIS VAN MUATAN SEKURANG-KURANGNYA 9 PENUMPANG.
Tarikh tutup Tawaran : **Hari Selasa, 15 Februari 2005** jam 2.00 petang.

- Sebarang pertanyaan mengenai spesifikasi dan butir-butir lanjut me-nge-nai tawaran ini bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam BB3910, Nombor telefon 2382066 / 65 / 64
- Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tawaran tidak akan dilayan.
- Pihak kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.
- Pemborong-pemborong yang menghantar Tawaran hendaklah me-nyertakan bersama perkara-perkara berikut:-
a) Salinan Sijil Perniagaan (Business Enactment Section 16 & 17) dengan menyenaraikan butir-butir pemilik syarikat berkenaan seperti nama bilangan pendaftaran dan negeri asal kad pengenalan atau passport pemilik.
b) Pengakuan bertulis (declaration) daripada semua Syarikat yang menyertai setiap tawaran bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga dalam syarikat-syarikat lain yang menyertai tawaran yang sama.



**JAWATAN KOSONG DI
JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong di Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

JAWATAN : WADAR (LELAKI)
Tanggagaji : P.1 EB2 - \$605.00 - \$960.00

Elaun-Elaun:
Elaun 'P' - \$100.00 sebulan
Elaun Kurnia Khas - \$100.00 sebulan
Elaun Sara Hidup - \$140.00 sebulan dan potongan sebanyak 25% akan disimpan ke dalam Akaun Simpanan di Jabatan Perbendaharaan.

Taraf Perkhidmatan :
Tetap dan berpenjen.

Keistimewaan-keistimewaan :
a) Rumah dan bekalan air diberikan secara percuma.
b) Bekalan elektrik diberikan secara subsidi.

Syarat-syarat kelayakan :
